

DR.8.7.2004

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KEDUA

Bil. 21

Khamis

8 Julai 2004

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman
Perumahan (Pindaan) 2004 (Halaman 25)

USUL:

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3) (Halaman 128)

UCAPAN PENANGGUHAN:

Menangguhkan Program Latihan Khidmat Negara Dan
Tindakan Mahkamah Ke Atas Remaja Yang Gagal Mendaftar Diri
- *Y. B. Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]* (Halaman 128)

Lesen Jualan Langsung I-Cash
- *Y. B. Puan Teresa Kok Suh Sim* (Halaman 133)

DR.8.7.2004

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 8 Julai 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)

mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah jangka panjang bagi meningkatkan lagi penyertaan bumiputera di sektor korporat selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Dasar Ekonomi Baru kerajaan menyasarkan sekurang-kurangnya 30% ekuiti korporat dimiliki bumiputera. Pada tahun 1970 peratusan ini 2.4%, tahun 1995 – 20.6%, tahun 2000 – 18.9% tetapi pada tahun 2002 ia menurun sedikit kepada 18.7%.

Peningkatan ini adalah hasil daripada pelbagai program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, termasuk peruntukan saham khas bagi tujuan penyenaiaan syarikat di Bursa Saham Malaysia dan peluang pelaburan dirujukkan melalui Jawatankuasa Pelaburan Asing. Di samping itu, program pembangunan usahawan di kalangan bumiputera dilaksanakan oleh beberapa agensi termasuklah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, agensi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Perbadanan Nasional Berhad turut memainkan peranan penting dalam hal ini. Di bawah program penswastaan sehingga Januari 2004 terdapat 140 projek diswastakan yang dimiliki bumiputera lebih daripada 51%.

Langkah juga telah diambil untuk menyusun semula guna tenaga, khususnya bagi meningkatkan bilangan dan peratusan guna tenaga bumiputera dan peratusan ini telah meningkat daripada kira-kira 4.9% tahun 1970 kepada 37.2% pada tahun 2002.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, Perbadanan Nasional Berhad (PNB) yang ditubuhkan pada tahun 1978 telah memainkan peranan penting dalam menggalakkan pemilikan saham bumiputera, setakat ini PNB telah berjaya menggembelng modal sejumlah RM41 bilion, PNB melalui anak syarikatnya telah berjaya meningkatkan hak milik bumiputera dalam bidang perladangan, hartanah dan juga kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan pencapaian sasaran pemilikan ekuiti korporat, bumiputera sekurang-kurangnya 30% menjelang tahun 2010 langkah-langkah berikut akan diteruskan:-

- (i) meningkatkan pemilikan bumiputera melalui program penswastaaan;
- (ii) memperuntukkan sekurang-kurangnya 60% daripada perolehan kerja kontrak dan projek lain milik kerajaan kepada usahawan bumiputera yang kompeten;
- (iii) menggalakkan lebih banyak syarikat bumiputera disenaraikan di Bursa Saham;
- (iv) meningkatkan peranan institusi dan agensi amanah bumiputera dalam pelbagai bidang.

Terima kasih.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan sebentar tadi. Walau bagaimanapun, mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, ada beberapa sektor yang pencapaian bumiputera masih lagi terlalu rendah, misalnya dalam bidang premis perniagaan, bumiputera hanya memiliki 8.2% daripada pelbagai jenis premis perniagaan berbanding dengan 58.7% oleh bukan bumiputera. Penyiasatan dijalankan di bawah rancangan itu juga menunjukkan bumiputera hanya memiliki hanya 2.6% daripada premis perindustrian. Soalnya, apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan untuk mengatasi ketidakseimbangan ini.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menubuhkan beberapa agensi termasuklah perbadanan-perbadanan kemajuan ekonomi negeri untuk meningkatkan penyertaan bumiputera untuk memiliki premis-premis perniagaan. Kerajaan menyedari bahawa peratusannya rendah pada masa ini,

oleh yang demikian, kita tidak ada jalan pintas untuk meningkatkan penyertaan bumiputera memiliki premis perniagaan, caranya ialah untuk meningkatkan daya tahan bumiputera untuk menambah bilangan bumiputera dalam bidang korporat, untuk menambah bilangan profesional bumiputera dalam pelbagai bidang, itu caranya, tidak ada jalan pintas dan insya-Allah dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan iaitu melalui agensi kerajaan dan juga dengan menambah bilangan profesional bumiputera dalam pelbagai bidang, kita berharap lebih banyak bumiputera yang mampu memiliki premis tersebut, yang menjadi masalah ialah kos premis yang terlalu tinggi, yang mungkin di luar kemampuan usahawan bumiputera.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan, seperti Yang Berhormat Menteri jelaskan bahawa agensi-agensi serta perbadanan-perbadanan kerajaan ditubuhkan untuk membantu peningkatan penyertaan bumiputera di dalam sektor korporat, tetapi yang kita lihat banyak syarikat ataupun agensi-agensi serta perbadanan-perbadanan kerajaan, akhir-akhir ini nampak gayanya telah lari daripada matlamat ataupun objektif penubuhan mereka.

Banyak syarikat dan agensi serta perbadanan telah pun mempelbagaikan aktiviti mereka, berlumba-lumba untuk syarikat-syarikat mereka sendiri untuk disenaraikan di bawah Bursa Saham Kuala Lumpur dan sebagainya dan sesetengah syarikat itu, bersaing dengan syarikat-syarikat bumiputera, bukan hanya menjadi pemangkin ataupun pembantu kepada syarikat bumiputera untuk lebih maju di dalam sektor korporat dan sebagainya.

Jadi, soalan saya apakah langkah yang diambil oleh kementerian, oleh pihak kerajaan bagi memastikan bahawa syarikat-syarikat bumiputera ataupun agensi-agensi kerajaan yang ditubuhkan terus dengan objektifnya dan tidak menjadi saingan kepada syarikat-syarikat korporat bumiputera seperti yang dihasratkan. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, beberapa agensi kerajaan telah mengadakan program bagi meningkatkan penyertaan bumiputera, umpamanya Petronas, Tenaga Nasional Berhad, program vendor, di mana syarikat-syarikat bumiputera digalakkan menyertai program-programnya termasuklah pembekalan tertentu dan melaksanakan projek-projek pembinaan, ini antara langkah-langkah yang telah diambil oleh agensi berkenaan.

Seterusnya dalam bidang pembinaan, umpamanya, pada masa ini kita dapati saingan daripada syarikat-syarikat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi,

berkurangan dan menyedari hal itulah iaitu untuk meningkatkan penyertaan bumiputera umpamanya, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan semalam Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 akan dibina di mana 70% kontraknya akan diberikan kepada kontraktor bumiputera, ini adalah satu lagi langkah di mana kerajaan berharap dengan menyediakan peratusan tertentu untuk penyertaan bumiputera dalam bidang *construction*, contoh saya berikan membina Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 ini, ini akan meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang pembinaan.

[Soalan No. 2 – Y.B. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Dato' Mohd. Sarit bin Yusoh.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan saya, ingin kita mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar anak-anak kita daripada Sekolah Sri Chempaka dan juga Sekolah Kajang. *[Tepuk]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 3.

3. Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai dalam program Agenda 17 Negara iaitu merapatkan jurang digital di kalangan kumpulan tertentu seperti wanita, belia, warga emas, masyarakat luar bandar dan Orang Asli.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pembangunan pesat teknologi maklumat dan komunikasi ICT diakui merupakan salah satu penyebab berlakunya sedikit jurang digital yang semakin ketara di kalangan rakyat Malaysia pada masa kini.

Adalah di akui bahawa wanita, belia, warga emas, masyarakat luar bandar dan juga Orang Asli merupakan kelompok yang ketinggalan dalam era pembangunan ICT. Mereka ini tergolong dalam apa yang dikatakan oleh para ahli sosiologi sebagai, dengan izin, *informative have not*. Keadaan ini berlaku kerana kumpulan tersebut tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan kemudahan ICT yang mencukupi sama ada

mereka tidak berkeupayaan untuk memperolehi perkhidmatan ICT ataupun mereka kurang berkemampuan dan berpeluang untuk mempelajari kemahiran ICT itu sendiri.

Walau bagaimanapun, kerajaan sedar bahawa sehingga kini masih wujud jurang digital di antara negeri-negeri di Malaysia, jurang digital adalah ketara di sepuluh buah negeri yang berada di bawah 11.4% dari tahap penerapan internet, dengan izin, *internet penetration*, di Malaysia pada tahun 2003.

Jurang digital inilah yang mewujudkan ketidakseimbangan dari segi penyebaran ilmu pengetahuan, pendidikan dan keupayaan pencapaian maklumat semasa. Inisiatif kerajaan telah mengurangkan jurang digital adalah untuk menangani tiga isu utama:

- (i) capaian (Accessibility);
- (ii) kemampuan (Affordability;) dan
- (iii) celik ICT (Literacy).

Jadi, bagi capaian ini yang memberikan jurang adalah di antara kawasan desa dan juga bandar, bagi kemampuan yang ingin memberikan jurang di antara kumpulan yang mampu, kaya dan kurang mampu, yang ketiga, celik komputer ini adalah bagi mereka yang mempunyai pengetahuan dan tidak berpengetahuan di dalam bidang ICT.

Projek MCS menerusi aplikasi-aplikasi perdananya, menyediakan capaian dan pendedahan ICT yang telah dimanfaatkan oleh semua golongan rakyat, seperti:-

- (i) aplikasi perdana, Kad Pintar ataupun Kad Pelbagaiguna Kerajaan yang membolehkan rakyat menggunakannya sebagai pasport untuk mengambil wang ataupun sebagai kad pengenalan, walaupun ini tidak dapat mendekatkan jurang digital 100%, tetapi penggunaannya di kalangan semua lapisan masyarakat dapat mendekati rakyat kepada penggunaan teknologi ICT itu sendiri;
- (ii) pengwujudan permohonan Sekolah Bestari juga berjaya mendedahkan pelajar sekarang dengan Internet dan kandungan tempatan;

Sekolah Bestari akan mendekatkan jurang antara sekolah-sekolah luar bandar dan juga sekolah-sekolah di bandar. Berdasarkan kejayaan Fasa I MSC dalam

menjana pembangunan ICT negara, dalam lonjakan MSC kedua mulai tahun ini 2004 ke tahun 2010, fokus keutamaan kerajaan ialah mengurangkan jurang digital, menekankan kepada keputusan dan kecekapan serta meningkatkan kompetitif nasional dalam industri ICT yang bertaraf global.

Antara strategi-strategi yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam Lonjakan MSC Kedua yang telah pun dilancarkan pada minggu lepas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah:-

- (i) untuk mempercepatkan pertumbuhan untuk meningkatkan permohonan industri ICT tempatan;
- (ii) melancarkan MSC ke seluruh pelosok negara melalui pelaksanaan MSC Kebangsaan dan juga Program “*My Malaysia MyMSC*”; dan
- (iii) meningkatkan penggunaan dan adaptasi barangan dan perkhidmatan tempatan yang inovatif.

Selain daripada membangunkan Sekolah-sekolah Bestari, kerajaan juga telah memaklumkan akan membestarikan lebih 10,000 sekolah melalui rangkaian *school net*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita melihat jurang digital ini dari segi dua aspek. Yang pertama, saya hendak memohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Satu, dari segi kemudahan fizikal ICT ini, dari segi membekalkan komputer di sekolah-sekolah dan sebagainya. Satu lagi ialah dari segi kesedaran awam atau dengan izin *public awareness* dan ini pun dianggap sebagai jurang digital juga.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, sejauh mana kerajaan telah melakukan usaha-usaha yang bersepadu, ertinya *consisted effort* dengan izin, secara bersepadu untuk memberi lebih kesedaran kepada masyarakat, *public awareness* tentang *digital gap* ini, pengetahuan tentang digital ini, pengetahuan komputer ini, pengetahuan ICT ini. Kita bercakap hari ini, hendak wujudkan negara yang k-ekonomi, yang *knowledge society*, tetapi kalau orang awam, *public* tidak memahami usaha-usaha kita ini, tidak akan mencapai kejayaan.

Jadi, saya hendak tanya dengan pihak kerajaan, sejauh mana kita telah melakukan usaha-usaha bersepadu ini. Kalau tidak, tidak ada makna, hanya setakat

beri TV, dia boleh pasang TV, tetapi, sejauh mana masyarakat kita sekarang ini telah pun menggunakan kemudahan-kemudahan ICT ini dari segi kesedaran awam? Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Sebenarnya, selain daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang menerajui dalam aktiviti ICT ini, sebenarnya kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, dahulu Kementerian Pembangunan Luar Bandar, sekarang Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, begitu juga dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, semuanya menjalankan program-program kesedaran dan juga melaksanakan beberapa program yang terfokus untuk membantu mengurangkan jurang digital ini. Sebagai contoh, antaranya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan beberapa program untuk melatih ibu-ibu dan wanita seperti yang telah dinyatakan pada hari Isnin yang lepas oleh Yang Berhormat Menteri.

Di kawasan-kawasan luar bandar, dalam penggunaan komputer iaitu untuk keperluan sendiri ataupun untuk keperluan perniagaan iaitu dikenali sebagai Pusat Nur. Begitu juga usaha-usaha lain termasuk kempen untuk menggalakkan penggunaan komputer di kalangan warga emas bagi meningkatkan keupayaan mendapatkan ilmu, kemudahan-kemudahan perkhidmatan dan mewujudkan peluang-peluang perniagaan selepas bersara.

Begitu juga, kerajaan telah berusaha untuk menurunkan harga komputer bagi meningkatkan kemampuan semua lapisan masyarakat agar mampu membelinya. Antara agensi kerajaan dan swasta seperti MIMOS, Hicom dengan com netnya dan PIKOM telah menghasilkan komputer yang dijual dengan harga yang murah, mungkin tidak lebih pun daripada RM1,500 dan mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah bagi tujuan meningkatkan keupayaan memiliki komputer itu sendiri.

Jadi, begitu juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar, sekarang dikenali Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah melaksanakan program Medan Informasi Desa (MID) di mana di seluruh Malaysia ada 70 lokasi disediakan kemudahan-kemudahan Internet dan komputer untuk rakyat di kawasan itu menggunakan kemudahan-kemudahan ini. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat ada jawab dalam jawapan, mengatakan bahawa jurang digital masih wujud. Bukan masalah masih wujud tetapi lebih teruk apabila dibandingkan dengan lapan tahun dahulu, apabila MSC dilancarkan, lebih teruk. Yang Berhormat tidak jawab soalan ini dan memberi angka-angka mengenai masalah jurang digital. Apakah tindakan akan diambil supaya kerajaan boleh melancarkan kempen *IT for all* yang kita ada. Saya pun di dalam Dewan yang mulia ini, ada cadangan tujuh tahun dahulu, *IT for all*, bagaimana kita boleh bestarikan, bukan sahaja negara kita, masyarakat kita, Dewan yang mulia ini.

Kita semua Ahli Parlimen adalah *Internet ready*. Berapa Ahli Parlimen boleh guna atau menggunakan *Internet ready facility* ini? Berapa *notebook* yang ada? Adakah kita bestarikan Parlimen yang dahulu 100% Ahli-ahli Parlimen.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang:boleh *computer it ready* dan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang:.....bukankah ini kita patut memberi satu contoh kepada masyarakat kita bahawa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: ...kalau kita mahu...

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya tidak mahu ini members firstlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang:....*Information society* jurang digital perlu dikurangkan. Mana? [*Dewan gamat seketika*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Malulah, ada pelajar-pelajar di belakang. Jangan begitu. Maruah Parlimen, bersopan, bertatatertib...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduklah Yang Berhormat. Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ipoh Timur ingat, dia seorang pandai pakai Internet ini Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Sila duduk dahulu Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Kita sudah pakai *wireless*. Dia masih pakai wayar lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, cukup, duduk!

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Yang Berhormat, sebenarnya kemudahan-kemudahan ini telah banyak diberikan, dibangunkan kepada rakyat kita, melalui program yang dikenali sebagai Matematik, Sains dan *English* diajar menggunakan kaedah berkomputer. Guru-guru di sekolah rendah dan sekolah menengah telah diberikan kemudahan fizikal ICT ini untuk memberikan pengajaran kepada anak-anak bangsa Malaysia itu sendiri.

Saya rasa bagi di Dewan yang mulia ini, saya merasakan bahawa Ahli Parlimen sebenarnya diberikan peruntukan, RM6,000 untuk membelikan komputer sendiri. Saya rasa, itulah antara sumbangan Yang Berhormat patut gunakan dan menggunakan kemudahan ini, tidaklah semuanya diminta. Kalau kita Ahli Parlimen di sini pun masih hendak lagi kemudahan percuma daripada kerajaan, bagaimanakah orang-orang di kampung yang mempunyai kekurangan dan kemampuan? Terima kasih.

4. **Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau hendak menimbang cadangan untuk mengadakan Suruhanjaya Diraja untuk rasuah dan sebab musabab keputusannya. Apakah faktor-faktor dan bilangan kes korupsi yang disiasat dan dihadapkan ke mahkamah sejak beliau menjadi Perdana Menteri?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan senantiasanya bekerja keras untuk mempertingkatkan usaha-usaha bagi memerangi gejala rasuah di dalam negara. Dari segi sistem dan institusi bagi membanteras rasuah, kerajaan berpendirian bahawa struktur yang tersedia sekarang adalah mencukupi. Tetapi, operasinya perlu dipertingkatkan lagi. Sebagai contoh, kerajaan bertekad untuk mempertingkatkan keupayaan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan sebagai agensi utama dalam penyiasatan rasuah, Badan Pencegah Rasuah harus dijadikan lebih berkesan dan lebih berkebolehan.

Di dalam hal ini, salah satu daripada usaha pembaikan ialah penubuhan Akademi BPR yang bermatlamat untuk meningkatkan keupayaan pegawai-pegawai

BPR dengan mengambil amalan terbaik, *best practices*, dengan izin dari institusi setara di dunia untuk dipraktikkan di Malaysia.

Di samping penguatkuasaan undang-undang, kerajaan juga mengambil berat tentang faktor-faktor lain seperti pemupukan nilai-nilai murni dan mengurangkan karenah birokrasi dalam usaha untuk membanteras rasuah. Sebagai contoh, kerajaan berusaha untuk membudayakan nilai integriti secara lebih menyeluruh seperti yang terkandung di dalam Pelan Integriti Nasional supaya sektor awam, sektor swasta dan masyarakat umum mempraktikkan nilai integriti dalam tingkah laku seharian.

Institusi-institusi lain akan tetap memainkan peranan penting dalam membendung rasuah seperti jawatankuasa khas mengenai keutuhan pengurusan kerajaan di peringkat-peringkat Kabinet, kementerian, negeri dan seterusnya. Bagi memastikan pencapaian negara dalam membendung rasuah, Institusi Integriti Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Pelan Integriti Nasional serta memantau gegala ini secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk rasuah. Kerajaan telah dan akan terus berusaha menjalankan pelbagai usaha bagi memerangi rasuah dan kerajaan yakin bahawa kombinasi usaha pencegahan dan punitif yang telah dilancarkan akan membawa hasil yang bermakna. Dalam jangka masa November tahun 2003 sehingga kini, sebanyak 391 kes rasuah telah disiasat dan seramai 207 orang telah ditangkap di atas pelbagai kesalahan rasuah. Dari jumlah tersebut, seramai 67 orang telah dituduh di mahkamah. Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, kita memang setuju dengan inisiatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mencegah rasuah. Inisiatif untuk mengadakan Pelan Integriti Nasional, Institusi Integriti Nasional dan sekarang ada Akademi BPR dan sebagainya, semua ini memang elok tetapi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kerana ada sesetengah orang di dalam kerajaan termasuk Menteri yang enggan mematuhi, enggan melaksanakan inisiatif ini, maka adakah perlu untuk mengadakan satu suruhan untuk meninjau semua kerana ada institusi-institusi yang disebutkan tadi, bahkan juga BPR bukan bertanggungjawab kepada Parlimen, bertanggungjawab kepada Jabatan Perdana Menteri.

Di dalam keadaan yang begitu sibuk Yang Amat Berhormat, macam mana dia dapat mengawal? Kalau terserah kepada Timbalan Menteri sahaja, tidak cukup,

memang tidak cukup kerana jawapan tadi tidak lengkap, bagi satu masalah yang begitu besar, yang menyeluruh, yang berakar umbi. Jawapan itu cuma daripada zahir sahaja. Kita hendak sampai ke batin.

Beberapa Ahli: [*Senyum*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah pada peringkat yang pertama, kerajaan sanggup menjadikan BPR bertanggungjawab hanya semata-mata kepada Parlimen sahaja dan juga mempertimbangkan semula dengan institusi yang begitu banyak, tambah dua, tiga lagi, macam mana kita dapat menyelaraskan semua ini di dalam satu masalah yang seperti ulat yang makan ke dalam dah?

Datuk M. Kayveas: Yang Berhormat bagi Kepong, ini doktor kulit ya, soalan dia tidak tahu minta. Dia minta soalan, adakah kerajaan menimbangkan cadangan untuk mengadakan Suruhanjaya Diraja untuk rasuah dan sebab. Tetapi, apabila saya jawab, dia kata jawapan itu tidak sama dengan soalan. Tetapi, kalau *you* hendak minta, mintalah dengan teliti apa yang *you* hendak minta. Jangan menuduh Kabinet atau mana-mana Menteri, katakan dia orang tidak melaksanakan apa-apa program yang dijadualkan oleh kerajaan. Jangan menuduh sahaja. [*Dewan gamat seketika*]

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduklah Yang Berhormat.....

Datuk M. Kayveas: Beri keterangan ataupun beri bukti. Duduklah Doktor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Datuk M. Kayveas: Doktor. duduk. Yang Berhormat bagi Kepong, duduk. Ini, Peraturan Mesyuarat pun tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, duduklah, duduk.

Datuk M. Kayveas: Bagi saya jawab dahulu. Duduk dahulu. Itu nasib baik baru *you* masuk dalam, kalau tidak susah silap, soalan pun tidak naik. [*Ketawa*] Baru *you* lari saya masuk, apa tinggal? DAP tidak bagi *transport*, dia tidak ada *transport*. DAP hendak *computer literate* tetapi *transport* untuk Yang Berhormat itu tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu tidak terlibatlah. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Ya, bagi tahu sajalah. *[Ketawa]* Yang Berhormat, saya tahu selepas penubuhan Suruhanjaya Polis Diraja iaitu untuk PDRM melibatkan hampir 85,000 anggota polis dan hampir ada 600 buah balai polis, oleh sebab itu penubuhan Suruhanjaya Polis Diraja adalah diwajibkan. Tetapi cadangan untuk BPR pula, oleh kerana BPR hanya mempunyai 9 cawangan di seluruh negara di mana kita akan menambahkan 8 lagi cawangan sahaja, ia masih kecil. Tidaklah boleh untuk tiap-tiap jabatan di Jabatan Perdana Menteri atau kerajaan kita menubuhkan satu suruhanjaya. Fikirlah Yang Berhormat. Oleh kerana kita sudah ada Suruhanjaya Polis Diraja janganlah pula kita meminta untuk semua jabatan.

Lagi satu perkara, selain siasatan dan pendakwaan BPR

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, biar dia jawab. Sila duduk.

Datuk M. Kayveas: Apa? Bagi saya jawablah. Duduklah! Apa you punya problem? Duduklah. Dengar dahululah. *[Dewan riuh]* Tidak tahu mendengar macam mana hendak meminta jawapan...soalan? O.klah, you tidak mahu dengar, cukuplah. Terima kasih *[Duduk] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kepong sudah duduk, Tangga Batu pula berdiri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, adalah sungguh menarik apabila kita membicarakan tentang kebersihan, integriti, kecekapan dan amanah ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, di samping kita sendiri merasakan bahawa diri kita cukup bersih, cekap dan amanah dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan oleh rakyat kepada kita, kita juga memerlukan satu pandangan daripada pihak ketiga. Pihak ini, saya percaya memang sentiasa memantau dan mengawal segala aktiviti di peringkat hiliran apabila mereka melawat atau mungkin mengadakan siasatan secara preman di premis-premis kita di tanah air kita ini. Adakah kedudukan kita pada hari ini di mata dunia atau mungkin di peringkat rantau (*regional*) ini meletakkan kita di satu kedudukan yang dihormati oleh rakan kita dan disegani oleh

lawan kita? Sebagai contoh, badan yang menilai kita – di manakah kebersihan, tahap integriti, pengamalan ataupun tidak mengamalkan rasuah di negara kita ini? Dan apakah tindakan kerajaan jika ada sebarang indeks yang diberikan kepada kita? Bagaimana kita menangani ini untuk kita meletakkan negara menjadi sebuah negara yang bersih di dunia ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan menyasarkan skor dalam indeks persepsi rasuah kita akan meningkatkan kepada 6.5 mata. Sekali gus akan merubah kedudukan Malaysia pada peringkat antarabangsa ke tangga ke-30 daripada 133 negara pada fasa pertama pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dimulakan tahun ini. Mengikut tanda aras antarabangsa yang digubal oleh *Transparency International Score Index* persepsi rasuah Malaysia pada tahun 2003 ialah 5.2 mata. Di dalam skor ada 10 mata – 10 mata adalah skor terbaik manakala 1 mata adalah skor yang terburuk. Malaysia sekarang menduduki tangga ke-37 daripada 133 negara dan juga menduduki tangga ke-5 di kalangan negara Asia selepas Singapura, Hong Kong, Jepun dan Taiwan. Terima kasih.

5. **Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah dasar kerajaan mengenai harga saham terbitan modal baru yang dikhaskan kepada institusi permodalan kerajaan seperti Tabung Haji. Memandangkan pengaruh pasaran institusi tersebut yang besar, adakah kerajaan bercadang untuk mensyaratkan bahawa harga saham tersebut dihadkan kepada '*par value*' tanpa premium.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya harga saham dalam satu terbitan permulaan (IPO) adalah ditentukan oleh mekanisme pasaran dan tidak ditetapkan oleh pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Sekuriti. Harga saham IPO ditentukan oleh syarikat yang menawarkan saham berdasarkan nasihat daripada penasihat syarikat iaitu bank saudagar atau syarikat broker saham universal yang telah mengambil kira beberapa faktor seperti nilai sesebuah syarikat dan tahap permintaan terhadap saham-saham tersebut.

Sekiranya harga saham IPO yang ditawarkan kepada institusi permodalan yang berkait dengan kerajaan adalah pada harga *par value* sahaja, bilangan saham IPO yang bakal ditawarkan kepada institusi-institusi tersebut mungkin terhad. Ini adalah kerana syarikat-syarikat yang menawarkan saham itu boleh mendapat harga yang

lebih baik daripada pelabur-pelabur lain. Bagi pelabur lain seperti pelabur-pelabur runcit dan asing mereka mungkin akan melihat dasar ini sebagai tidak adil kerana mereka terpaksa membayar dengan harga yang lebih tinggi. Sekiranya ini berlaku ianya akan melemahkan semangat pelabur lain untuk terus aktif dalam pasaran saham tempatan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan. Kadang-kadang syarikat-syarikat yang dibentuk oleh kerajaan telah berjalan dengan elok tetapi sampai waktu dan ketikanya syarikat itu telah diberi atau dijual kepada individu-individu yang kononnya mampu dan berada. Dia mampu kerana dia ada duit dan nampak berkebolehan tetapi ternyata kita dapat melihat bahawa yang kita sudah berikan – kalau kita singkap kembali – tetapi saya tidak mahu singkap nama-nama mereka, mereka mengecewakan kita. Akhirnya mereka menyerahkan semula “anak yang sakit” itu kepada kerajaan dan kerajaan menerimanya untuk menyelamatkan maruah.

Jadi, adakah dasar ini masih ada pada hari ini? Tadi, Yang Berhormat Timbalan di Jabatan Perdana Menteri ada menyatakan kita hendak mempertingkatkan bumiputera, ya, saya bersetuju. Kadang-kadang kita memberikan saham ini kepada seorang bumiputera sampai berpuluh-puluh syarikat dan mereka ini bukan ada duit sangat. Ambil duit sana, tutup sini macam orang buat apom lenggang – apom yang periuk di atas enam. Pakai tutup macam itulah. Hutang sana tidak bayar, hutang sini tidak bayar tetapi mereka diberi peluang hanya atas *acting* di hadapan itu menunjukkan seolah-olah mereka ini ada duit tetapi kosong. Depa gunakan duit-duit syarikat yang *depa* beli, yang kerajaan berikan ini. Kadang-kadang ambil pinjaman, pinjaman pun tidak bayar dan ada

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak. Dia hendak masuk, masa *landing* itu kena betul kalau tidak Setiausaha Parlimen hendak jawab tidak boleh. Dia mesti ada bunga sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sedikit tidak apa, jangan banyak.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, adakah Yang Berhormat sedar perkara ini, ini adalah suatu kelemahan. Mungkin dasar yang kita buat harus diperbetulkan. Kalau hendak menolong bumiputera berilah tetapi berilah seorang-seorang. Ini, seorang sampai tiga empat kompeni, seorang lagi sampai sepuluh kompeni. Jadi, yang lain ini hendak makan apa? Inilah yang saya mengharapkan supaya penjualan saham dan sebagainya dapat dilihat *transparency* sedikit, berilah kepada keseluruhan. Tidak mengapalah kita tidak dapat tetapi berilah keseluruhan orang berniaga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bunga sudah cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, persoalannya. *[Disampuk]* Persoalannya apakah kerajaan, kalau ia dasar seperti yang saya katakan tadi itu boleh dikaji semula supaya sesiapa sahaja yang layak, berkemampuan dan berkebolehan diberi peluang tetapi janganlah peluang itu diberi terlalu banyak kepada seseorang individu yang akhirnya apabila ia runtuh seluruh syarikat itu turut runtuh bersama. Sejarah telah membuktikannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih kawan saya Yang Berhormat bagi Jerai. Kerajaan mengakui bahawa memang telah berlaku perkara seperti itu iaitu syarikat-syarikat yang menguntungkan dijual kemudian jatuh rugi balik. Kita semua memang tahulah mana-mana syarikat yang telah berlaku begitu.

Seperti yang pernah saya sebutkan dahulu bahawa kerajaan menilai semula tentang mereka yang kerajaan hendak lantik, contohnya dalam GLC dan syarikat-syarikat kerajaan. Dalam hal hendak menjual syarikat kerajaan kepada syarikat lain setakat ini belum ada cadangan lagi. Dalam masa yang terdekat ini belum ada cadangan untuk menjual kepada pihak-pihak yang lain. Saya yakin perkara ini boleh dibincangkan di peringkat yang lebih tinggi lagi.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Setiap kali saya membuka prospektus baru syarikat-syarikat yang hendak disenaraikan, maka saya pun mencarilah nama-nama bumiputera yang ada di dalam prospektus yang menjadi Ahli Lembaga Pengarah. Biasanya saya mencari nama kawan-kawan dahulu, kalau-kalau ada yang kenal tetapi biasanya tidak ada yang kenal. Di dalam prospektus itu pula ada diberitahu *back ground* orang itu, contohnya. Tan Sri Abdullah Mohammad - tidak ada

namanya, kita pun mencari di mana dan apa pekerjaannya dahulu. Biasanya, mereka ini adalah bekas-bekas pegawai kanan kerajaan ataupun orang-orang tertentu dan biasanya orang bumiputera yang ada nama ini sama ada dia Datuk, anak Datuk ataupun Tan Sri atau adalah hubungannya di mana-mana.

Persoalan yang hendak saya tanyakan – soalan tambahan. Saya sebenarnya menunggu bilakah nama saya naik atau kawan-kawan akan naik [*Tepuk*] tetapi ini tidak mungkinlah. Tidak mungkin berlaku. Persoalannya yang timbul ialah bilakah orang kampung seperti saya akan boleh ke situ dan bagaimana caranya? Persoalan yang kedua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satulah Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Tidak, ini bukan soalan, persoalan. [*Ketawa*] Ia lain dengan soalan, persoalan. Daripada persoalan itu barulah keluar soalan [*Ketawa*] Persoalan kedua yang timbulnya ialah kenapakah hanya orang-orang yang tertentu, daripada kalangan tertentu, orang-orang yang rapat dengan orang tertentu yang ada dalam kumpulan itu? Maka soalan tambahannya ialah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Baru soalan. Soalannya ialah apakah kerajaan bersedia untuk memberi keyakinan kepada bumiputera bahawa perkara ini tidak mungkin lagi berlaku dalam sesi ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan tadi ialah kena mengena dengan proses untuk disenaraikan (*listing*). Sebelum disenaraikan memanglah syaratnya kena ada sekurang-kurangnya 30% kepentingan bumiputera di dalam itu. Syarikat-syarikat yang tidak ada rakan kongsi bumiputera, mereka mencari mana-mana individu yang mereka yakin boleh menjadi rakan kongsi mereka dan nama itu diambil dan prosesnya sudah menjadi *shareholder* dalam syarikat itu, maka syarikat itu akan dibawa kepada merchant bank ataupun syarikat broker saham, dinilai dan dibawa kepada *Securities Commission* dan selepas itu barulah disenaraikan. Maknanya perlu ada rakan kongsi yang rapat untuk diterima menjadi rakan kongsi.

Saya tidak boleh memberi jaminan ataupun mana-mana menteri pun tidak boleh memberi jaminan boleh kita ambil mana-mana Ahli Yang Berhormat untuk menjadi rakan kongsi mana-mana syarikat kecuali pihak tuan punya syarikat itu sendiri

melantik ataupun memberi tawaran kepada mana-mana pihak. Itu asasnya. Terima kasih.

6. **Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan adakah wang bantuan kebajikan masyarakat bagi yang layak tetap jumlahnya (propate) atau mengikut beban tanggungan dan mengambil kira tempat tinggal iaitu dibezakan di kawasan luar bandar dengan bandar akibat kos sara hidup yang berbeza.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya kadar bagi bantuan kewangan JKM adalah ditetapkan mengikut kelulusan Perbendaharaan Malaysia bagi skim seperti berikut:-

- (i) Kadar tetap bagi seorang termasuk:
 - (a) bantuan orang tua sebanyak RM135 sebulan;
 - (b) elaun pekerja cacat sebanyak RM200 sebulan;
 - (c) elaun latihan *apprentice* RM80 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan sahaja,
- (ii) Kadar minimum dan maksimum bagi keluarga termasuk:-
 - (a) bantuan penyaraan kanak-kanak - RM80 ke-RM300 sebulan;
 - (b) bantuan anak pelihara - RM250 ke-RM500 sebulan; dan
 - (c) bantuan am - RM80 ke RM350 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan sahaja.
- (iii) Kadar mengikut keperluan dengan had maksimum termasuk:-
 - (a) geran pelancaran RM2,700 (kadar maksimum);
 - (b) bantuan alat tiruan atau sokongan mengikut kadar sebenar;
 - (c) bantuan sekolah ikut kadar sebenar bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan sahaja; dan
 - (d) pemulihan bencana alam - RM5,000 maksimum bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Pegawai Kebajikan Masyarakat adalah bertanggungjawab untuk menganalisis keadaan semasa dan keperluan sebenar selain

dengan mengambil kira faktor sosial ekonominya termasuk jumlah tanggungan, penyakit kronik yang ditanggung, kecacatan usia ketua keluarga dan sebagainya, sebelum menentukan sama ada sesuatu kes itu layak diberi bantuan dan jumlah kadar yang sepatutnya diberikan. Pada masa ini JKMM masih belum membezakan kadar bantuan bagi kawasan bandar dan luar bandar. Walau bagaimanapun, perkara ini sedang dikaji. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Persoalannya, sejauh mana kerajaan dan kementerian serius ke arah membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan. Contohnya di luar bandar, ibu-ibu tunggal ataupun mereka yang memerlukan bantuan ini tidak ada satu agensi pun yang melihat mereka. Kalau adapun mungkin setahun sekali. Dan untuk makluman, di luar-luar bandar ibu-ibu tunggal kalau di Sabah, masih tinggi peratusnya yang buta huruf, yang tidak mengenal apa itu kementerian hal ehwal wanita. Jadi sejauh mana seriusnya, apakah RM80 itu boleh membantu menyelesaikan masalah yang di hadapi oleh keluarga-keluarga ini? Kalau tidak, apakah langkah kerajaan supaya kita dilihat bukan hanya melepaskan batuk di tangga, bukan hanya sekadar seperti pembangkang mencari sokongan daripada bawah. Kita mahu serius mengatasi masalah ini. Kementerian harus turun. Belum pernah kementerian menjelajah

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Jangan nangis, jangan nangis.

Datuk Bung Moktar bin Radin: ...dari kawasan ke kawasan untuk melihat masalah ini. Ini di mana-mana berlaku.

Seorang Ahli: Jangan teriak Bung, kasihan kepada...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Jadi kementerian dan kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang drastik memastikan isu masalah ibu-ibu tunggal ini dapat diatasi secara *once and for all*. Jangan cakap kosong sahaja seperti '*ayam bertelur sebiji riuh sekampung*'. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Bukan telur dua biji ke?

Puan Chew Mei Fun: Okey. Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua pengundi Yang Berhormat kerana ada seorang Yang Berhormat yang begitu prihatin.

Ahli Dewan: Ya. [Sorak] [Tepuk]

Puan Chew Mei Fun: Sebenarnya, untuk beri bantuan kepada ibu tunggal, kerajaan setakat ini melalui kementerian, kita telah mengumpulkan maklumat-maklumat ibu tunggal melalui borang-borang yang telah diserahkan dan buat masa kini, kita sudah ada semua borang ini dengan kementerian. Untuk beri bantuan kepada mereka, sebenarnya mereka boleh meminta bantuan atau memohon bantuan melalui Pejabat Daerah JKM di semua daerah di seluruh negara iaitu sejumlah 104.

Untuk beri bantuan kepada ibu tunggal, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, ada menjalankan kursus-kursus kemahiran untuk memberi bantuan kepada mereka supaya mereka boleh berdikari dan bukan semua ibu tunggal di negara kita ini menghadapi masalah kewangan. Oleh itu dalam hal ini, memandangkan kementerian khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat masih menghadapi kekurangan pegawai, oleh itu dalam perkara ini, kita memerlukan kerjasama dari Yang Berhormat-Yang Berhormat dan juga Ahli Jawatankuasa JKKK supaya mereka boleh tolong memberi bantuan kepada ibu-ibu tunggal yang tertentu untuk memohon bantuan dari kerajaan. Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan daripada Setiausaha Parlimen. Kita sekarang ini sangat prihatin tentang isu yang selalu disebut-sebut iaitu kemiskinan bandar. Jadi saya rasa dengan jumlah yang maksimum RM300 ini, agak mustahil untuk seseorang menyewa sekalipun saya rasa susah.

Di kawasan saya ada satu kes di mana seorang bapa tunggal ...*[Ketawa]* meninggalkan lapan orang anak. Saya bukan hendak bela bapa tunggal sebab status bapa tunggal, saya percaya tidak lama. Dua, tiga bulan selepas itu dah tidak tunggal lagilah. *[Sorak]* Dengan lapan orang anak dan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM350, saya rasa untuk menyewa rumah flat satu bilik pun agak susah.

Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengkaji semula jumlah yang diberikan mengikut kawasan bandar dan hendaknya menjelang peruntukan tambahan ini. Sekian, terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian bukan sahaja sedang mengaji....

Ahli Dewan: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mengkaji, mengkaji.

Puan Chew Mei Fun: Okey, bukan sahaja sedang mengkaji kadar bantuan yang diberi tetapi juga memandangkan peruntukan kebajikan ini adalah di bawah Jadual Kesembilan, Senarai Bersama (*Concurrent List*), ini bermaksud perihal kebajikan masyarakat merupakan tanggungjawab bersama kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu bukan sahaja mengkaji peruntukan-peruntukan yang ditentukan oleh Federal dan juga kita selalu juga berbincang dan minta bantuan dengan kerajaan negeri supaya mereka juga boleh mengkaji kadar peruntukan yang ditentukan. Terima kasih.

7. **Dato' Abdul Rahman Ariffin [Jerlun]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kementerian telah bersedia untuk mengambil alih jalan-jalan luar bandar terutamanya di kawasan MADA di negeri Kedah, khususnya di kawasan Parlimen Jerlun.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zain bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk membina dan menyenggara jalan-jalan di negara ini, kerajaan telah membahagikan jalan-jalan berkenaan kepada beberapa kategori, di antaranya ialah:-

- (i) **Jalan Persekutuan** – Jalan ini merupakan jalan utama yang menghubungkan antara satu negeri kepada satu negeri yang lain. Pembinaan dan penyenggaraannya dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan;
- (ii) **Jalan negeri** – Jalan ini adalah jalan yang menghubungkan antara satu tempat ke satu tempat di dalam sesebuah negeri. Pembinaan dan penyenggaraannya dibiayai oleh kerajaan negeri;
- (iii) **Jalan luar bandar** – Jalan ini merupakan jalan yang menghubungkan sesuatu tempat ke satu tempat yang lain di dalam sebuah negeri tetapi peruntukan pembinaan dan penyenggaraannya diperolehi daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; dan
- (iv) **Jalan Majlis Berkuasa Tempatan** – Jalan ini merangkumi semua jalan di bawah Majlis Berkuasa Tempatan di mana

pembinaan dan penyenggaraannya adalah dibiayai oleh Majlis Berkuasa Tempatan berkenaan.

Berkenaan dengan jalan-jalan di kawasan MADA pula, adalah dimaklumkan bahawa pembinaan dan penyenggaraan jalan-jalannya adalah di bawah bidang kuasa dan peruntukan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga kini belum ada cadangan dari mana-mana pihak yang berkenaan khususnya bagi Program Jalan Luar Bandar untuk diserahkan kepada kementerian ini untuk membiayai, membina dan menyenggara jalan-jalan berkenaan. Jika ada cadangan tersebut, kementerian ini sedia untuk menimbangkannya.

Datuk Abdul Rahman Ariffin: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sekurang-kurangnya jawapan... *[Disampuk]* Timbalan Menteri, minta maaf *break* pagi ini. Sekurang-kurangnya jawapan yang diberikan itu terutamanya saya pegang kepada kategori yang ketiga – kawasan lapang terutamanya penduduk-penduduk di luar bandar yang mana rata-rata jalannya cukup teruk, akan dibela dan akan diadakan pembangunan. Tetapi dalam soal jalan MADA, pada hari ini walaupun dikategorikan jalan luar bandar, jalan MADA. Pada kawasan kami Jerlun, Arau, Jerai, MADA dengan luar bandar itu sudah sekali, dah sama dah, sinonim dah dua beradik. Jerai dengan Arau dua beradik, jadi tidak dapat dipisahkan, cuma pelaksanaan pada hari ini. Saya inginlah menyatakan hasrat terutamanya dari segi *priority* kerana dalam pilihan raya yang lepas, Tuan Yang di-Pertua, kita telah meletakkan sekurang-kurangnya kita katakan janji kepada masyarakat kampung bahawa jalan-jalan yang kita kenal pasti akan diberi keutamaan.

Jadi sini adakah kementerian dapat menerima dan simpati dengan wakil-wakil rakyat ini terutamanya di kawasan MADA, mengambil kira senarai nama-nama jalan yang telah kita berikan kepada Pegawai Pembangunan Negeri yang akan diberikan pula kepada Pejabat JKR Daerah ataupun Jurutera Daerah menerima senarai nama-nama jalan mengikut *priority* yang telah diberikan oleh wakil rakyat. Kerana kalau tidak diikuti, ini akan merosakkan, pertamanya, prestasi kita sendiri dan keduanya, mungkin ini adalah jabatan kementerian yang baru yang akan mengambil alih jalan-jalan luar bandar untuk menunjukkan, dengan izin, *performance*. Kalau mengikut sahaja keutamaan yang ditetapkan oleh pegawai, ia tidak sampai kepada sasaran. Jadi adakah ini diambil kira?

Yang keduanya, minta tolonglah tentang penyenggaraan. Kadang-kadang jalan luar bandar ini dan jalan MADA ini, kalau ditar itu, dibaiki sahaja. Apabila rosak, Allah, jenuh teriak orang kampung. Berduyun-duyun turun ke pejabat, turun naik, turun naik sampai tidak dibaiki. Ini pun mungkin imej kepada kementerian.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat, dua sudah cukup, sudah lebih dah.

Datuk Abdul Rahman Ariffin: Satu sahaja. Ini paling penting sebab ini melibatkan kontraktor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa pun tidak mengizinkan.

Datuk Abdul Rahman Ariffin: Kontraktor ini, Tuan Yang di-Pertua, minta tolong juga diberikan kepada kontraktor-kontraktor daripada kawasan itu. Keutamaan kepada kawasan itu. Kalau Jerlun, minta tolong jangan ambil daripada Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman Ariffin: Dan adakah ini diambil kira? Saya ucapkan terima kasih kepada jawapan yang akan diberikan dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat terima kasih. Asas pertimbangan utama untuk menyediakan kemudahan prasarana dan infrastruktur adalah satu tanggungjawab yang terpenting dalam usaha kerajaan untuk membangun dan menjana pembangunan ekonomi negara. Salah satu pertimbangan yang utama ialah untuk mengembangkan pembangunan ekonomi desa.

Perkembangan ekonomi desa ini berhubung kait rapat dengan cara macam mana kita boleh memasarkan produk dan pasaran kita, dan justeru kerana itu usaha untuk menaik taraf jalan-jalan yang dikategorikan sebagai jalan-jalan yang boleh membantu kerajaan, untuk membangunkan pembangunan ekonomi desa ini adalah satu usaha yang berterusan. Justeru kerana itu, oleh kerana daripada segi kelulusan belanjawan yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini juga berhubung kait tentang kementerian yang bertanggungjawab dengan pembangunan desa dan di pihak Kementerian Kerja Raya, kita bersedia untuk memberikan segala bantuan teknikal supaya usaha menaiktarafkan jalan-jalan di desa ini dapat diselenggarakan dengan

sebaiknya dan dinaik taraf supaya perhubungan dan memasarkan pembangunan ekonomi desa itu akan dapat diteruskan.

Perkara yang berhubung tentang peluang dan juga permintaan serta perhatian daripada Ahli Yang Berhormat sendiri untuk menentukan dan mengklasifikasikan setiap jalan yang berada di dalam kawasan Yang Berhormat itu, saluran Yang Berhormat sebut untuk disampaikan kepada pihak pembangunan, melalui Unit Pembangunan Ekonomi Negeri itu adalah satu saluran yang bersesuaian, dan saya yakin bahawa di pihak kementerian melalui JKR di setiap negeri sedia membantu untuk menentukan segala usaha itu dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Terima kasih tentang jalan luar bandar iaitu Projek Jalan Kampung. Soalan saya ialah, apakah kaedah Kementerian Kerja Raya terhadap pelaksanaan Projek Jalan Kampung. Sebagaimana yang kita maklum projek tersebut akan dilaksanakan oleh JKR, pertama dari segi tempoh masa kerana sekarang telah pun bulan tujuh untuk tahun ini.

Yang kedua, dari segi harga kerana aspek JKR lebih berbeza dengan aspek pejabat daerah dan mungkin ia akan memendekkan jumlah panjang jalan yang akan dibina.

Yang ketiga, dari segi penyelenggaraan, adakah JKR juga akan menyelenggarakan jalan tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Mengenai kawal selia dan pelaksanaan supaya penyelenggaraan jalan-jalan yang telah pun disebut sebagai jalan yang Parlimen meluluskan peruntukannya melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, tetapi untuk pelaksanaan secara operasinya sekarang ini telah pun diserahkan kepada Kementerian Kerja Raya, melalui Unit Pembangunan Ekonomi Negeri juga dan melalui jentera yang sedia ada di peringkat Jabatan Kerja Raya di peringkat negeri dan daerah, mengenal pasti dan juga supaya jalan-jalan yang harus diselenggara ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan proses yang biasa sebagaimana yang kita sedia maklum pihak JKR, dengan izin, ada *schedule of rate* untuk digunakan supaya jalan ini dapat diselaraskan dan kita telah pun meminta satu sistem yang lebih terbuka dan adil dapat dilaksanakan. Justeru kerana itu, sistem pengundian akan dapat dilakukan di peringkat daerah dan ini akan dapat membuka peluang kepada banyak kontraktor Kelas F untuk

dapat turut serta di dalam usaha untuk menyelenggarakan jalan-jalan yang disebut sebagai jalan luar bandar itu. Sekian.

8. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan negara kita dalam menganjurkan temasya sukan bertaraf dunia seperti Formula 1 (F1) dan Sukan Komanwel.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak semestinya mempunyai maklumat yang menyeluruh bagi perbelanjaan penganjuran temasya sukan yang dimaksudkan kerana ia dianjurkan oleh pihak swasta. Sebagai contoh, sukan bermotor Formula 1 dianjurkan oleh Sepang International Circuit (SIC), manakala SUKOM 98' Berhad merupakan penganjur bagi Sukan Komanwel tahun 1998. Sesungguhnya Kementerian Belia dan Sukan hanya berperanan sebagai agensi penyelarasan di antara agensi-agensi kerajaan dengan pihak penganjur bagi menjayakan penganjuran sukan berkenaan. Walau bagaimanapun, dari segi penyediaan kemudahan prasarana, kos pembinaan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil yang dibina khas untuk temasya Sukan Komanwel 1998 adalah berjumlah RM1.2 bilion dan kos keseluruhan untuk pembinaan Sepang International Circuit pula berjumlah RM400 juta.

Dari segi penyediaan atlet pula, sejumlah RM159 juta telah pun disediakan untuk program-program latihan atlet dalam tempoh tahun 1993 hingga 1998 di bawah Program Jaya 98' untuk persediaan menghadapi Sukan Komanwel. Dalam Sukan Komanwel yang berkenaan seperti mana yang kita sedia maklum bahawa pasukan negara kita telah pun berjaya merangkul 10 pingat emas, 14 pingat perak dan 12 pingat gangsa dan menduduki tangga keempat dari segi prestasi keseluruhannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa untuk Soal-Jawab selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[7 Julai 2004]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya menjemput Yang Berhormat bagi Santubong menyambung semula ucapan.

11.08 pagi.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebelum menyambung terpaksa menjawab soalan-soalan yang tidak dapat dijawab semalam untuk penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tangga Batu, daripada Cameron Highlands dan juga daripada Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pastikan mereka berada di dalam Dewan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya mohonlah, kalau ada di luar masalah ke dalam Dewan dapat mendengar jawapan daripada saya.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu iaitu *Business Process Reengineering* (BPR), ini adalah satu proses dalam bidang urusan syarikat kebanyakannya dibuat, dan *reengineering* ini ialah berasalnya daripada tindakan prosedur yang dibuat oleh pihak GM pada 1980 untuk meningkatkan *competitiveness* GM pada ketika itu. Dalam masa itu juga kita telah melihat apabila Clinton menjadi Presiden diarahkan Al Gore untuk menjelajah seluruh Amerika untuk melihat dalam *process of reengineering*, *research* Al Gore itu dan terkeluarlah satu istilah lain daripada *reengineering* iaitu *reinvent* ataupun *reinvention government*. Jadi, dia *reengineering* syarikat dan juga *reinvention* kepada *government*, iaitu tujuannya tidak lain ialah untuk *competitiveness*, mengurangkan kos, menaikkan *production* dan membuat kawasan kepada *consumer* atau *customer* ataupun klien ataupun mengurangkan keciciran kepada agensi-agensi yang tersebut ataupun meningkatkan satu prosedur, proses dan juga *Total Quality Management* (TQM), proses dalam agensi ataupun syarikat-syarikat yang tertentu. Tetapi ini adalah istilah pada tahun 1980-an.

Pada tahun 2000 istilah ini dianggap salah satu daripada *managing skill* dalam urusan untuk apa yang dikatakan *managing change*, yang mana kalau dilihat daripada pihak-pihak Harvard Business School dan sebagainya, penyelidikannya macam John Cotta punya penilaian, iaitu mengatakan ada banyak rintangan yang tertentu yang perlu diatasi kalau hendak berjaya dalam proses *reengineering* ini ataupun *the process of change* kepada satu-satu agensi yang tertentu. Mengikut John Cotta dia ada mempunyai sekurang-kurangnya sembilan rintangan yang boleh menghalang *the process of change*. Ini dari segi akademiknya. Oleh kerana Yang Berhormat bagi Tangga Batu bertanya, jadi saya terpaksa buat apa sebenarnya.

Tetapi dalam pendapat John Cotta iaitu *process of change* ini dan *reengineering* ini adalah satu peringkat penilaian dalam *process of change*. Juga kalau kita lihat bijak pandai, penulis Malaysia, Williamson, dia mengatakan bahawa *process of change* ini sepatutnya *plan change*, kita mesti buat aju ataupun rancangan pengurusan untuk perubahan lebih baik dan lebih elok daripada kita menunggu perubahan berlaku baru kita *reactive*. Kita mesti secara aktif untuk membuat perubahan. Dalam keadaan sedemikian memang ada relevan dengan apa yang kita bincang oleh kerana kalau satu-satu badan, umpamanya yang dipersoalkan di sini semalam, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mas Gading berhubung dengan SPN ini, *the delivery* rumah yang dipohon, proses untuk mengeluarkan dan membina rumah yang dipinta oleh masyarakat dan untuk membina rumah-rumah yang dipohon menerusi Ahli-ahli Parlimen sebagai merealisasikan permohonan daripada mereka ini, proses ini perlu diimplementasikan dalam SPN itu sendiri dan macam mana untuk merealisasikan kehendak-kehendak ini.

Jadi, kalau lihat *the process of reengineering*, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat GM umpamanya masa dahulu tahun 1980-an ia bermasalah teruk. Tetapi apabila proses ini dilaksanakan dengan teliti ia berjaya walaupun *achievement successnya* ialah 90% gagal, 10% sahaja yang berjaya dalam *process of change* ini, kerana kita hendak menukar pandangan dan mentaliti seseorang itu adalah amat susah daripada segi budaya dan penerimaannya. Sebab-sebabnya tadi umpamanya dia bimbangkan kedudukan dia hilang, *economic losses*, dia bimbangkan *self-respect*, bermacam-macam lagi dia ada dalam perangkaannya, ada lapan. Mengikut John Cotta lapan perkara.

Kalau dilihat oleh pihak macam Grey Yocal, dia kata ada sembilan juga rintangan yang boleh mengatakan perkara ini boleh berlaku kegagalan. Begitulah pendapat oleh John Cotta daripada Harvard Business School berhubung dengan soalan-soalan ini. Tetapi pihak yang berjaya umpamanya Ford pada tahun 1980 mengalami kerugian tetapi apabila *process of reengineering* ini berjaya Ford boleh meningkatkan bilangan daripada asalnya hilang daripada RM13 bilion kepada RM7 bilion menurun, bila selepas implementasi *process of reengineering* berjaya dia boleh meningkat 25%, hingga tahun 2001 dia mendapati bahawa peningkatan itu lebih daripada 100% keuntungan. Ini cerita-cerita yang berjaya soalan *reengineering*.

Jadi, Yang Berhormat, kalau kita hendak *reengineering* ini dibuat kepada pihak SPN, pelaksanaannya kita mesti melihat apakah halangan dan atasi halangan itu. Halangan-halangan yang tertentu ialah kita mesti ada *back-up* daripada pegawai-pegawai, orang-orang atasan – pertama, daripada menteri, kedua, daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, sebab kita hendak lihat *the process of reengineering* mesti *involve* berhubung dengan '*hiring and firing*'. Kita *fire* yang tidak betul seperti apa yang dikatakan oleh Sri Gading semalam, kalau dia tidak boleh kerja kita *fire* dia, dan kalau kita hendak, kita ambil yang baru, lebih cekap, lebih profesional, lebih efisien yang boleh mencetuskan sebagaimana Jack World boleh membuat GM dan macam mana Louis V. Gerstner buat di IBM, kalau kita hendak kejayaan ini berlaku kita kena *hiring and firing* ini kita kena buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya hendak mendapat sedikit penjelasan dan juga pandangan daripada Yang Berhormat bagi Santubong bahawa kadang-kadang dasar yang kita luluskan di Dewan yang mulia ini baik untuk rakyat dan kita memikirkan yang terbaik untuk rakyat dan kita tidak mahu menyusahkan rakyat, sebab itulah kita pinda dasar, kita memperbaharui dasar, kadang-kadang dasar itu begitu lama tetapi diperbaharui mengikut arus pembangunan negara kita ini. Tetapi masalahnya ialah dari segi penjelasan kepada rakyat. Kadang-kadang rakyat tidak memahami secara menyeluruh tentang dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan untuk kebaikan mereka.

Mereka tidak memahami, contohnya macam Yang Berhormat kata tadi iaitu dia ada Syarikat Perumahan Negara Berhad, ada Jabatan Perumahan Negara dan sebagainya. Jadi, mungkin masyarakat atau rakyat tidak jelas yang mana satu fungsi,

bagaimanakah fungsi Syarikat Perumahan Negara Berhad bergerak dan bagaimanakah fungsi Jabatan Perumahan Negara bergerak.

Jadi, ini kadang-kadang mengelirukan rakyat dan sukar bagi kita untuk menjelaskan kecuali kalau dasar-dasar ini yang dapat kita uruskan, mungkin dengan pihak-pihak kementerian, pegawai-pegawai kerajaan turun ke bawah mengadakan perjumpaan dan menjelaskan kepada mereka.

Contohnya macam kalau di sekolah, kita ada PIBG. Kerajaan akan mengadakan *Smart School* kepada seluruh negara kita. Ibu bapa ini harus juga diberi faham kepada *Smart School* yang kita hendak buat ini supaya *mindset* ibu bapa sudah bersedia, di kampung kita ini kita akan ada *Smart School*. Ibu bapa kena bersedia dan juga ibu bapa memahami pelajaran dan cara bentuk pelajaran yang akan dipelajari oleh anak-anak ini. Ini yang penting. Maknanya apa dasar yang dibuat oleh kerajaan, penyampaian ke bawah itu, harus diterima oleh rakyat dan difahami oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat peranan ini perlu dimainkan oleh Jabatan Penerangan. Saya masih ingat semasa kecil-kecil dahulu, semasa itu kita TV pun tiada, orang kampung. Filem Negara hak yang jenis harimau *stunt* itu yang ditayangkan gambar harimau *stunt* itu Tuan Yang di-Pertua. Lepas itu dia beri ceramah, dia terangkan dasar-dasar kerajaan, lepas itu dia mula main filem, keluarlah filem P. Ramleekah, Bujang Lapokkah apakah.

Itu cara dahulu, tetapi cara sekarang ini, .kita ada agensi kerajaan, kita ada kementerian, kita ada berbagai-bagai seperti internet dan sebagainya yang harus kita salurkan kepada rakyat apa yang telah dipersetujui di Dewan Rakyat dan diluluskan oleh kerajaan untuk kebaikan rakyat keseluruhannya. Adakah Yang Berhormat bagi Santubong bersetuju dengan pandangan saya ini. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, ini satu bidang dalam pengurusan syarikat yang amat besar kalau dilihat daripada sudut pentadbiran syarikat, ini adalah satu bidang yang khusus Tuan Yang di-Pertua, iaitu dikatakan bisnes komunikasi ataupun *business communication* kita boleh menjangkau, saya telah menulis buku sepanjang 280 muka surat Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan *business communication* ini.

Kebanyakannya ialah kegagalan sama agensi, ataupun kerajaan, ataupun mana-mana badan Tuan Yang di-Pertua, ialah komunikasi yang tidak efisien, yang

tidak lengkap dan orang yang mengurusnya tidak pandai. Walau bagaimana pandai dan betul pun, kadang-kadang segala perbuatan kita, benda yang kita rancang, kalau komunikasi ini tidak *reaching the target* dia kerana komunikasi ini mempunyai banyak *barrier* Tuan Yang di-Pertua, daripada *cultural barrier*, *language barrier* dan bermacam-macam lagi.

Kalau saya hendak sebut, *is one thesis by itself* dengan izin sepanjang 280 muka surat Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah kalau sudah selesai nanti akan kita bukukan. Saya dinasihatkan oleh Tuan Yang di-Pertua supaya menulis buku dahulu, insya-Allah Tuan Yang di-Pertua, buku saya ada 10 buah dalam soal *business managemant* Tuan Yang di-Pertua, semua merangkum termasuklah komunikasi ini.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai mengatakan komunikasi ataupun perhubungan dan maklumat yang diterima daripada pihak kerajaan mestilah kita salurkan sampai kepada *target group* dalam *business communication* disebutkan *audience* dia dan *audience* mesti memahami apa yang diberitahu oleh pihak kerajaan dan apa yang hendak dirancang oleh pihak kerajaan dan macam mana hendak menyampaikannya adalah tugas dan tanggungjawab pihak-pihak yang tertentu.

Amat sedikit masa saya untuk menjelaskan satu persatu langkah yang hendak dibuat tetapi mencukupi mengatakan bahawa banyak kelemahan-kelemahan yang berlaku. Dahulu pernah saya sarankan kepada pihak kerajaan dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, dalam *Hansard* pun ada saya menyarankan supaya *diincreasekan allocation* untuk promosi Malaysia apabila Malaysia dihadapi dengan satu cabaran dan teguran dan tuduhan di seluruh negara terutama sekali dari pihak Barat tambahkan peruntukan daripada kerajaan untuk dipromosikan Malaysia ini sebenarnya.

Jangan kita dengar pihak Barat sahaja yang masuk dalam CNN dan macam-macam surat khabar dan sebagainya di luar negara, tetapi jawapan *rebuttal*, dengan izin daripada kita itu amat berkurangan sekali kerana *world media* Tuan Yang di-Pertua, di *manage* pihak-pihak yang tertentu bukan kita, mengatasinya amat menimbulkan masalah.

Peperangan di Iraq menang sebelum pergi *tank* dan askar Amerika ke Iraq, dia kalah apabila berperang di Iraq sahaja, tetapi menang semasa media *bleach* dia kerana semua media di Amerika sokong masyarakat Amerika. Sebabnya pengurusan

komunikasi daripada Rumah Putih itu amat canggih sekali. Dalam keadaan sedemikian, amat betul sekali apa sahaja dasar kerajaan, apa sahaja tindakan kerajaan, komunikasi ini mesti diurus dengan betul, supaya masyarakat mengetahui dan boleh menerima apakah batasan, apakah bidang ruang lingkup dan bidangnya supaya difahami sebetulnya oleh pihak masyarakat.

Saya juga berpendapat bahawa ini adalah salah satu daripada tugas dan tanggungjawab Wakil Rakyat untuk bercakap dengan masyarakat keseluruhannya.

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat bagi Lipis dahulu kerana dia berdiri dahulu.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong kerana bagi saya dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Ini berkait dengan perumahan juga, pada dua minggu lepas, EXCO Perumahan dan Pertumbuhan Desa Pahang ada membuat satu kempen tentang pendaftaran rumah terbuka, dan di sana rasa saya wakil dari Syarikat Perumahan Negara ada hadir. Ini masalah komunikasi tadilah. Tetapi apabila membuat penerangan, yang mendengarnya *confuse*, dia tidak faham apa sebenarnya peranan Syarikat Perumahan Negara dan saya sendiri pun yang hadir pada masa itu juga *confuse* apakah rumah-rumah yang ingin dibina oleh Syarikat Perumahan Negara ini, adakah untuk rakyat yang termiskihkah atau rumah kos rendah dan sebagainya. Itu satu ceritalah.

Yang keduanya, saya mencadangkan supaya Syarikat Perumahan Negara atau mana-mana badan yang lain yang berkaitan dengan perumahan ini, terutamanya di kampung-kampung atau di pusat-pusat pertumbuhan desa supaya mendirikan rumah mampu milik. Saya kata begitu kerana sekarang ini yang banyak dibuat ialah rumah-rumah kos rendah. Di kampung dan di desa sebenarnya ramai juga mereka yang sudah tidak dikategorikan boleh memiliki rumah kos rendah. Contohnya macam-macam pegawai-pegawai kerajaan, guru-guru dan sebagainya bila mereka hendak memohon rumah kos rendah tidak layak. Tetapi hendak membeli rumah yang mereka

mampu dan bersesuaian dengan mereka dengan pinjaman perumahan yang boleh dinikmati oleh mereka tidak diwujudkan.

Kalau ada pun di bandar yang tempat kerjanya jauh daripada tempat mereka berkhidmat, kalau boleh mereka hendak rumah kediaman dan tempat mereka bekerja biarlah berdekatan dan mudah bagi mereka berulang-alik setiap hari. Sebab itu bersetuju atau tidak dengan saya Yang Berhormat bagi Santubong supaya Syarikat Perumahan Negara memberi fokus supaya mendirikan rumah-rumah mampu milik ini terutamanya di luar bandar dan memudahkan prosesnya, terutama kepada pegawai-pegawai kerajaan yang bercadang untuk membina ataupun untuk membeli rumah di kawasan luar bandar. Dengan cara ini kita dapat membantu juga peniaga-peniaga di luar bandar kerana guru-guru dan pegawai-pegawai kerajaan yang ada itu, kuasa belinya banyak dan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi di luar bandar. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dua perkara yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Lipis. Yang pertama soalan penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Soalan penjelasan ini lagi balik kepada soalan komunikasi ini tadi. Komunikasi ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya *its cannot be tailored for all*, ia melihat *audience* kita, kalau orang yang kita beri penjelasan itu di kalangan jurutera, arkitek dan orang yang macam ini ataupun *planners*, kita boleh bercakap menggunakan *jargon* yang tertentu boleh difahami oleh mereka.

Tetapi kalau kita bercakap dengan orang kampung, kita kena lupakan soalan-soalan apa yang dikatakan *power point*, lupakan benda yang macam itu. Kita cari perkataan-perkataan yang sesuai yang boleh difahami manusia. Komunikasi ini amat sensitif dengan soalan-soalan *barrier, language, culture, education, background* bahkan emosi orang yang hadir dalam satu situasi itu perlu dinilai, kerana kalau kita mahu apa benda yang kita cakapkan itu boleh diterima oleh pihak yang kita beri penjelasan. Jadi, ini *this type of failure*, kita kadang-kadang *tailored one to feed all*, ini adalah salah daripada bidang komunikasi ini dan begitu juga di bidang-bidang yang lain.

Yang kedua, Yang Berhormat membangkitkan persoalan rumah, kita mempunyai lima atau enam skim di bawah SPN ini, ada yang tanah sendiri, ada yang rumah yang dibuat dan lepas itu disewakan kepada pihak yang tertentu. SPN ini kita tidak boleh salah sifat begitu sahaja oleh kerana dia baru ditubuhkan oleh pihak

kerajaan mungkin data dan maklumat dan sebagainya belum lagi diterima secara menyeluruh, maklum balas dari pihak-pihak tertentu, daripada masyarakat dan sebagainya dan keperluan-keperluan *to satisfy the need* sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu semalam belum lagi diketahui kerana kalau kita tidak ada data Tuan Yang di-Pertua, tidak ada maklumat yang khusus *you cannot make decision correctly*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Maklumat adalah punca membuat keputusan yang betul dan *accurate* jadi, kalau siapa yang kurang maklumat ini, dia tidak boleh membuat sesuatu keputusan, jadi, kita tidak gelojoh dalam soal ini. Dalam keadaan sedemikian, itulah saya berasa tidak menyentuh kebetulan, kewibawaan dan sebagainya SPN tetapi mereka mestilah patut berusaha. Kalau usaha mereka ini masih juga tidak boleh dibuat berkemungkinan oleh kerana pengurusan, kita perlu melihat *reengineering process* ini dilaksanakan supaya ia mendapat *target* yang cepat.

Orang politik Tuan Yang di-Pertua, dia perlu jawapan dan penyesuaian dan penyelesaian seberapa cepat yang boleh, kalau tidak diselesaikan dengan seberapa cepat yang boleh, perkara itu menjadi suatu masalah, sekurang-kurangnya dalam masa lima tahun. Kalau tidak lima tahun, pilihan raya akan datang lagi cerita ini tertunggak, kalau tertunggak Tuan Yang di-Pertua, masalah dia di pilihan raya dia, di kawasan dia. Ini masalah yang amat kritikal.

Kepada pihak ahli politik, persoalan mesti dijawab *the next year*. Kalau tahun ini kita bercakap, tahun baru mesti telah terlaksana, dah, kena jawab yang betul dan tepat. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong.

Tadi saya amat tertarik dengan jawapan mengenai halangan di bawah BPR ataupun *process reengineering* dan juga pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jerai yang mengatakan bahawa penerangan mengenai dasar atau polisi kerajaan ini mesti diteruskan melalui cara-cara yang tertentu.

Di sini saya hendak meminta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Santubong mengenai bagaimana dengan satu mekanisme maklum balas ataupun *feed back mechanism* selepas kita ada proses pertukaran, selepas itu kita memberi satu proses komunikasi di peringkat akar umbi dan untuk satu dasar yang betul-betul

berkesan di masa depan, apakah pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini kerana kita mesti ada satu proses ataupun satu mekanisme maklum balas yang jelas supaya dasar-dasar kemudiannya dapat diserapkan ataupun diimplementasikan kepada rakyat itu dengan lebih berkesan. Itulah soalan saya. Minta penjelasan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dalam konteks seorang wakil rakyat orang politik, dia senang sahaja tetapi dalam senang itu amat susah sekali Tuan Yang di-Pertua kerana kita sebenarnya menggubal dasar dan kita tidak boleh juga mengubah sistem ataupun prosedur kerajaan untuk *fit* kita punya *requirement* tapi *requirement* masyarakat setempat itu ada *variance* atau *variable* dia sendiri, di satu tempat itu lain dan dari tempat itu lain penerimaan, pengetahuan dan sebagainya semua berlainan. Jadi kita mesti balik kepada pihak kerajaan, balik kepada kerajaan iaitu pihak yang berkenaan mestilah menguruskan maklumat ini biar sampai kepada masyarakat yang berkenaan ataupun *target group*. Yang *target group* ini Yang Berhormat sendiri dengan jabatan kerajaan mesti bekerjasama lagi untuk mendapat maklum balas yang tertentu.

Jadi sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua, saya beri satu masalah, umpamanya kementerian pembangunan luar bandar menguruskan soalan PPRT iaitu orang-orang miskin di luar bandar umpamanya. Tetapi dalam masa yang sama kementerian ini tidak mempunyai satu mekanisme sendiri untuk mencari siapakah masyarakat yang miskin dan siapakah yang layak menerima bantuan dan apakah bantuan yang patut di terima oleh pihak-pihak ini. Jadi, dalam keadaan sedemikian dia balik kepada pihak Kerajaan Negeri kalau macam di Sarawak umpamanya dia balik kepada pejabat DO, pejabat *Senior Administrative Officer* di peringkat-peringkat daerah dan *sub-district* kecil.

Jadi untuk mengambil maklum balas. Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak secocok, *it doesn't go parallel*, dengan izin, yang maklum balas ini didapati daripada peringkat bawah ini bukan orang kementerian itu sendiri lain daripada apa yang kementerian mahu. Ini juga mendatangkan satu masalah yang besar lagi kita balik kepada komunikasi yang kurang tepat dan koordinasi yang tidak betul oleh pihak-pihak yang menguruskan maklumat dan *feedback* daripada masyarakat setempat.

Jadi keadaan ini kita perlu membuat satu pembetulan supaya *feedback* itu selaras dengan kehendak ataupun dasar kerajaan dan pelaksanaannya. Dan pihak agensi pelaksana mestilah jangan memperketatkan sangat birokrasi. Semalam saya

ada sebut *Jack Welch* kata kalau kita jumpa birokrasi, bunuhkan birokrasi itu. Ini dalam konteks *Jack Welch* pentadbiran IBM untuk meningkatkan prestasi IBM semenjak 1970 kerana IBM ini, Tuan Yang di-Pertua, dia pengeluar besar *main frame* komputer.

Jadi, apabila dia mengeluarkan *main frame* komputer apabila PC ataupun *personal computer* menjadi satu ataupun dorongan ataupun satu *the engine of growth* dalam penjualan komputer ke seluruh dunia. IBM sendiri sudah terkilan sebab dia tidak ada benda hendak jual *main frame* tidak boleh, USD20,000 satu, walaupun dia turun sampai USD10,000 pun orang tidak akan beli. Mana orang hendak beli *main frame* sebesar itu dan harga itu? Jadi PC ini dijual 2,000 atau 3,000 macam itu sememangnya orang hendak beli. Jadi dalam keadaan sedemikian IBM terpaksa berubah bukan daripada amalan atasannya, semua sekali sampai ke bawah. Jadi diwakilkan ataupun dia suruh *Jack Welch* sini mengambil alih terajui CEOnya untuk mengubahkan budaya.....

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun dari belakang tu ya!

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: IBM ya Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya dari Santubong. Tadi kita telah bincang tentang SPN. Kita tahu oleh kerana masalah ekonomi yang kita hadapi banyak projek-projek perumahan beberapa tahun yang lepas telah terbengkalai dan kerajaan telah minta SPN untuk menyelesaikan masalah ataupun mengambil alih projek-projek yang terbengkalai ini. Soalannya saya hendak tanya Yang Berhormat Santubong, bagaimana pula kalau Syarikat Perumahan Negara ini yang mempunyai projek yang terbengkalai? Siapa yang hendak kita panggil untuk menyelamatkan projek-projek yang diusahakan oleh syarikat SPN ini?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan yang disebut oleh sahabat saya daripada Lipis tadi berkenaan dengan rumah-rumah awam. Di kawasan saya di Jasin sekarang ini mungkin peningkatan hidup orang-orang Jasin pun sudah mula naik. Kita dapati bahawa banyak di antara projek-projek rumah kos rendah pada hari ini tidak laku. Di kawasan saya sekarang ini ada tiga skim rumah awam ataupun rumah kos rendah yang mana kuota bumiputeranya tidak diambil walhal memang tujuan dan maksud kita, kita hendakkan tiap-tiap rakyat memiliki satu buah rumah

tetapi apabila kita kenakan kuota khusus untuk bumiputera, tiga skim yang telah siap projek perumahan kos rendah ini tidak diambil oleh kuota-kuota bumiputera ini.

Yang terbaru ini, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri melalui anak-anak syarikat kerajaan negeri telah berusaha untuk mengambil alih beberapa estet di Jasin dan diplot-plot dan dipecah-pecah lot untuk projek perumahan dan yang kita terkejut pada hari ini bahawa lot-lot perumahan banglo ini tidak cukup pula. Ini menunjukkan bahawa taraf hidup orang-orang kita di sana sudah meningkat dan kita berharap dengan adanya Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ini, oleh kerana tahap hidup penduduk-penduduk kita ataupun pekerja-pekerja kerajaan ini telah meningkat, kita berharap supaya kerajaan dapat longgarkan syarat pinjaman untuk memberikan kepada kakitangan kerajaan kita ini pinjaman kali kedua kerana kita lihat bahawa di dalam skim pinjaman perumahan, kita ada had-had tertentu terhadap siling yang boleh dipinjam oleh kakitangan itu bergantung kepada taraf gaji mereka.

Pada kebiasaannya orang-orang kita ini kakitangan kerajaan akan memohon pinjaman perumahan selepas mereka berumah tangga. Bermakna dalam setahun, dua tahun mereka bekerja dan ketika itu gaji mereka masih lagi rendah. Apabila dia sudah berkeluarga dan memiliki rumah yang sedia ada melalui pinjaman perumahan dalam masa berjalan mungkin selepas 10 tahun keluarga sudah membesar dan rumah yang diambil kali pertama ini mungkin tidak memadai untuk keluarga dia, anak sudah tiga, empat. Mungkin pada peringkat awalnya dia mengambil rumah teres tiga bilik tetapi apabila selepas 10 tahun mempunyai 3, 4 orang anak rumah teres tiga bilik tidak mencukupi untuk keluarga dia dan dia perlukan rumah yang lebih besar.

Oleh yang demikian, dengan adanya Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ini, kita berharap supaya kakitangan kita diberi kemudahan pinjaman kali kedua ataupun dengan cara kita membenarkan dia menjualkan rumah pinjaman yang pertama ini dan menutup baki hutang dia dengan kerajaan dan beri dia pinjaman kali yang kedua mengikut daripada taraf gaji mereka supaya dapat pinjaman yang lebih besar dan dia juga memiliki rumah yang lebih selesa untuk keluarga dia.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengemukakan masalah yang dihadapi mungkin telah dikemukakan oleh rakan-rakan saya semalam, tentang skim yang dibuat oleh Syarikat Perumahan Negara iaitu Skim Rumah Mesra Rakyat. Sebelum pilihan raya Syarikat Perumahan Negara telah memberi borang-borang kepada kami di peringkat Parlimen, empat lima borang untuk kita mencari mereka yang

mempunyai tanah supaya dapat mengadakan ataupun membina rumah selesa untuk keluarga mereka yang dinamakan Skim Rumah Mesra Rakyat tetapi malangnya bulan sudah kita dapat pula surat daripada SPN menghantar surat kepada wakil-wakil rakyat Ahli Parlimen mengatakan bahawa skim ini diberhentikan sementara.

Kita pun hendak tahu kerana seperti yang kita sedia maklum apabila kita serahkan borang ini kepada individu orang-orang kampung untuk mendapatkan Skim Rumah Mesra Rakyat, kepada mereka, mereka sudah mesti akan dapat. Tetapi apabila yang terakhir ini kita dapat surat daripada Syarikat Perumahan Negara untuk memberhentikan skim ini, kita pun sebagai wakil rakyat buat kata Yang Berhormat Santubong tadi, kita hendak berjumpa balik kepada orang kampung pun kita sudah tidak berani, kerana mereka sudah mengharap bahawa mereka sudah termimpi-mimpi rumah yang begitu selesa bagi keluarga mereka dan kita hendak beritahu projek ini terpaksa dibatalkan ataupun ditahan sementara.

Jadi saya minta kalau dalam rumusan Yang Berhormat Santubong kita mintakan supaya skim rumah mesra rakyat ini yang mana yang sudah terlepas itu yang dihantar borang kita kena tunaikan, kalau tidak ada kita susah lima tahun lagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti kejap, bagi dia jawab yang itu dulu, ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, setujulah kerana banyak perkara yang dibangkit oleh yang daripada Jasin tadi. Yang pertama, macam mana kalau SPN yang mengambil projek tergendala lepas itu SPN sendiri yang tergendala. Kalau ini berlaku Tuan Yang di-Pertua tidak ada pilihan lain kita Tuan Yang di-Pertua, memang tidak ada pilihan lain, ini yang disebut oleh Tangga Batu sebagai *reengineering*. Proses ini mesti dilaksanakan *and that is a period of hiring and hiring* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua jadi proses ini perlu sokongan orang atasan maknanya Menteri kena sokong, Pejabat Perdana Menteri kena sokong, Pejabat KSN kena sokong, JPA kena sokong *everybody* kena sokong. Kalau ini tidak dapat sokongan makna birokrasi kita tidak sesuai untuk benda yang dinamik, benda yang cepat berlaku dan cepat berubah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi tidak ada cara lain kita, kalau dia sendiri gagal duit daripada kerajaan dia sendiri gagal makna pengurusan yang gagal. Bukan soalan lain, soalan pengurusan yang gagal.

Yang kedua, dibangkitkan soalan rumah bumiputera ini, mekanisme-mekanisme dibuat ataupun diambil tindakan oleh pihak kerajaan negeri ini memang baik asalkan tindakan tujuan asalnya SPN ditubuh ialah untuk membantu orang tidak dapat rumah supaya mendapat rumah, supaya jangan kerajaan sama sekali lari daripada tujuan ini. Kerana kalau tujuan ini kita lari untuk mencari keuntungan untuk mencari sumber kewangan jadi tujuan SPN itu sendiri itu mesti lari dan begitulah pula kalau kerajaan negeri yang hendak ambil alih. Kalau kerajaan negeri hendak ambil alih kerana ada 30 peratus perumahan yang telah dibina untuk bumiputera tetapi buat sementara ini bumiputera tidak hendak beli oleh sebab-sebab yang tertentu. Ini juga menunjukkan bahawa apabila projek ini dirancang tidak ada satu penyelidikan ataupun buat satu data maklumat ataupun maklum balas daripada orang setempat, sama ada hendak beli ataupun hendak beli, orang mahu tidak mahu rumah macam itu. Kalau orang mahu rumah banglo, janganlah buat rumah *apartment* yang dua bilik, jadi kena ini maklumat yang sebetulnya ini mesti yang tepat yang betul ini mesti didapati sebelum kita hendak buat. Tetapi malang Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang masa itu adalah *the killer all the initiative* kadang-kadang kita tidak mempunyai masa, tadi saya sebut keadaan dinamik kita kena bertukar dengan cepat maknanya *everybody go to work extra time, work extra mile* supaya sampai ke matlamat itu.

Seorang Ahli: [Bangun]

Dan yang ketiga, ini yang saya - Yang Berhormat tunggulah Yang Berhormat belum habis lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan rumah ini, pinjaman rumah, ini yang relevan sekali dalam konteks perumahan negara meminda Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ini yang amat relevan sekali yang disebut Yang Berhormat Jasin. Memang berlaku saya lupa sebut semalam ini, terima kasih Yang Berhormat.

Soalan pegawai yang kerani umpamanya dapat pinjaman boleh beli rumah *apartment* yang bernilai dengan harga RM34,000 lah umpamanya. Apabila dia pada satu ketika dengan usaha sendiri, kebijaksanaan, kepandaian dia naik pangkat, apa pangkat sekali pun. Mungkin menjadi principal DDG atau apa saja pangkat yang dia boleh naik. Pada ketika itu bila laon sudah dibuat pada masa dia kerani dia tidak boleh meminjam lagi dengan kerajaan. Ini Tuan Yang di-Pertua, satu *barrier* satu

halangan yang begitu besar sekali. Sepatutnya saya amat setuju apa kata Yang Berhormat Jasin, dibolehkan pegawai ini menjual rumahnya, menjualkan rumah dia mungkin kepada anak dia sendiri yang boleh pinjam masa itu jadi kerani dan dibolehkan dia meminjam daripada pihak kerajaan kali yang kedua ataupun kali ketiga. Kita tidak orang punya peralihan, penghijrahan manusia daripada peringkat kerani sampai ke peringkat Director General mungkin di peralihan-peralihan itu di tempat-tempat yang sesuai untuk dia menyara hidup dan membawa anak isteri dia dalam rumah yang selesa sebagaimana yang Ketereh, semalam. Tugas dan tanggungjawab seorang suami memberi rumah yang elok untuk keluarganya. Tetapi kalau tidak dibolehkan pinjaman kali yang kedua untuk menjual rumah yang pertama inilah menjadi halangan. Ini dasar ini Tuan Yang di-Pertua, tidak dinamik selagi boleh digunakan pada masa sekarang. Saya berharap perkara ini dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Ini bukan lagi SPN punya tanggungjawab ini, ini kerajaan kena berubah dan beralih untuk menyahut kehendak masa sekarang, Yang Berhormat daripada ...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang belakang. Sila.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya amat setuju dengan pendapat Yang Berhormat Santubong dan bahawa Syarikat Perumahan Negara ini memang telah pun dibebankan dengan begitu banyak tugas untuk memulihkan projek-projek yang terbengkalai. Dan saya percaya masih ada cara-cara untuk membantu meringankan beban Syarikat Perumahan Negara ini untuk memulihkan projek-projek rumah yang terbengkalai supaya SPA ini dapat melakukan menjalankan tugas untuk kepentingan rakyat golongan berpendapatan rendah.

Saya ada satu kes ini yang boleh menjadi satu rujukan kepada pihak kementerian supaya dapat meringankan beban Syarikat SPN ini. Dua hari yang lepas jawapan daripada Menteri Kewangan ke atas jawapan kepada soalan saya berkenaan dengan SPN ialah bahawa 15 projek pemuliharaan dalam pelaksanaan dan kos yang perlu di tanggungjawab oleh SPN adalah sebanyak RM235.7 juta, ini satu angka yang besar dan satu kes yang agak ketara yang saya rasa SPN boleh menggunakan sumber kewangan lain untuk memulihkan projek terbengkalai seperti yang berlaku di dalam kawasan Taman Desa Ria di bawah Titi Management, di mana syarikat ini di bawah receiver dan jumlah bayaran yang telah pun dikutip oleh pihak pemaju di

bawah ini adalah lebih daripada RM23 juta tidak termasuk *financing* yang diperolehi oleh daripada bank yang mungkin lebih daripada 30 ataupun 40 juta ringgit tetapi sungguhpun pihak pemaju telah mengutip jumlah yang paling besar tetapi projek masih tidak boleh siap walaupun telah 65 peratus dibayar dan saya difahamkan bahawa di dalam projek ini syarikat konsesi Lebuh Raya Pantai Baru akan menggunakan sebahagian tanah projek perumahan ini sebagai pembinaan NPE dan akan dibayar pula dalam proses pembayaran pampasan kerana pengambilan tanah dari sebahagian tanah ini untuk tujuan pembinaan NPE yang akan melibatkan berjuta-juta ringgit dan sekarang ini masih dalam proses pembayaran.

Saya rasa pihak Kementerian Kewangan ataupun SPN boleh merujuk kepada kerajaan Persekutuan supaya sekiranya adanya pampasan yang perlu dibayar sebagai ganti rugi ke atas pengambilalihan tanah ini maka pampasan itu harus dibayar atas prinsip sama ada pampasan itu dibayar oleh NPE ataupun kerajaan Persekutuan. Pampasan itu harus digunakan atas prinsip untuk menyempurnakan tugas-tugas pemaju projek pembangunan ini yang belum disiapkan. Supaya kita dapat meringankan beban SPN untuk mencari sumber kewangan untuk memenuhi projek-projek tertentu dan juga meringankan pembeli-pembeli yang telah mengalami kesulitan yang paling lama kerana projek ini terbengkalai sejak tahun 1998. Tidak adanya pembeli-pembeli akan menghadapi bankrapsi tidak lama lagi kerana rumah dibeli tetapi projek tidak siap tetapi mereka harus dan dipaksa untuk membayar ansuran tiap-tiap bulan. Dengan itulah saya rasa ini mungkin salah satu cara SPN boleh mengatasi masalah untuk memulihkan sebahagian daripada projek-projek terbengkalai. Dan saya minta penjelasan dan komen daripada Yang Berhormat bagi Santubong. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, SPN sebagai pengurus, Tuan Yang di-Pertua, dia mempunyai satu dokumen ataupun *skill* yang secara menyeluruh sebagai pentadbir ataupun *manager*. Itu yang pertama. Yang kedua, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mestilah memberi sokongan padu kepada pihak SPN kerana SPN ini menguruskan barang-barang yang sudah tergendala, benda yang sudah *failed project*.

Jadi, maknanya pihak SPN menjadi *troubleshooter* walaupun sumber kewangan diberi oleh pihak kerajaan dan orang yang dilantik menjadi CEO ataupun pengurus besarnya mestilah mempunyai *skill* sebagai seorang *troubleshooter*, macam mana pelantikan Jacquard kepada General Electric, macam mana Louis V. Gerstner

dilantik sebagai IBM dan banyak lagi misalan, Tuan Yang di-Pertua, yang boleh kita sebut mempunyai *troubleshooting skill*, bukan sahaja untuk melaksanakan badan itu sendiri tetapi untuk melaksanakan projek yang telah gagal ini.

Umpamanya, Louis V. Gerstner semasa dilantik untuk menerajui IBM pada tahun 1993, orang kata *it is definitely gone case, IBM was a gone case*. Pendapat semua bijak pandai mengatakan sedemikian. Jadi, Louis V. Gerstner secara cekap dan dia mempunyai pengalaman yang banyak...

Tuan Markiman bin Kobiran: [Bangun]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, tunggu sekejap. Dia ambil alih juga, tetapi dalam masa setahun, Tuan Yang di-Pertua, dari 1993, 1994, dia sudah berjaya *turnaround* IBM dengan begitu rupa dan mendapat kejayaan.

Jadi, projek tergendala ini mesti mendapat sokongan dari segi orangnya, pakar penasihatnya dan pendekatannya. Pendekatan ini penting dalam soal *development*. Banyak cara, sama ada dia ada sumber kewangan dia sendiri ataupun dengan menggunakan *smart partnership* dengan orang-orang lain yang ada sumber kewangan, mempunyai keupayaan dan *skill* untuk membangunkan projek-projek tergendala. Jadi, SPN mempunyai *managing skill* untuk mencari cara dan mekanisme yang sesuai untuk melaksanakan projek yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dan memohon supaya mendapat ulasan daripada Yang Berhormat bagi Santubong berkenaan dengan proses Pinjaman Perumahan Kerajaan.

Kita dimaklumkan bahawa Pinjaman Perumahan Kerajaan dikendalikan dan diuruskan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia dan bilangan peminjam meningkat dari tahun ke tahun yang terdiri daripada kakitangan kerajaan dari pelbagai peringkat. Proses untuk mendapat kelulusan dokumentasi dan melepaskan bayaran berperingkat, terutama sekali apabila pembelian dibuat melalui pemaju perumahan mengambil masa yang cukup panjang dan malah ada yang hingga ke enam bulan atau lapan bulan.

Proses yang panjang ini, Tuan Yang di-Pertua, akan menyebabkan peminjam tidak dapat membayar jumlah tuntutan berperingkat yang dituntut oleh pihak pemaju dan ini mengakibatkan bahawa pemaju mengenakan *interest penalty* atau denda lewat bayar kepada pembeli. Daripada pengalaman yang lalu, pihak Bahagian Pinjaman Perumahan tidak mahu bertanggungjawab terhadap penalti yang dikenakan terhadap pembeli-pembeli rumah ini.

Ini bukan sahaja akan mengakibatkan kekangan kewangan kepada pembeli yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, malah ia melibatkan kegagalan kemudiannya untuk menyelesaikan beberapa komitmen yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Yang Berhormat bagi Santubong untuk menilai sama ada ada kemungkinan Bahagian Pinjaman Perumahan mengadakan satu kaedah *one stop center*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan memudahcarakan proses meluluskan pinjaman dan seterusnya melepaskan bayaran-bayaran berperingkat kepada pihak pemaju atau kontraktor kerana proses pinjaman ini melibatkan beberapa peringkat terutama sekali kelulusan daripada pihak majikan, pejabat penilaian kerajaan yang melibatkan berbagai-bagai peringkat jabatan.

Saya mohon ulasan daripada Yang Berhormat bagi Santubong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang betul apa yang Yang Berhormat sebut itu. Ini menjadi masalah besar kepada pihak pegawai kerajaan yang membeli rumah, terutamanya apabila pemaju, tidak kiralah pemaju itu adalah pihak agensi kerajaan atau pemaju itu daripada pihak swasta. Apabila pemaju yang pertamanya kalau pemaju itu tidak begitu cekap untuk mendapatkan CF, yang kedua untuk mendapatkan geran tanah berasingan untuk perumahan dan ketiga tidak mencukupi sumber kewangan yang tertentu untuk pelepasan cagaran tanah induknya iaitu *parent title* yang ada pada pihak bank dan blok yang telah diluluskan pada geran tanah yang berasingan tidak boleh dikeluarkan daripada pihak bank, oleh kerana pelepasan itu tidak didapati oleh pihak bank dan pihak bank tidak hendak memberi geran tanah dan kaveat mereka tidak juga dilepaskan dan ini semua halangan, Tuan Yang di-Pertua.

Halangan-halangan ini yang memikul beban akhirnya ialah pegawai kerajaan. Sudahlah gaji tidak besar, Tuan Yang di-Pertua, dinilai cukup untuk membeli rumah ini,

tetapi dalam masa yang sama, halangan ini menambahkan bebanan ini dengan kaedah-kaedah ini. Kalau kaedah ini dibolehkan juga dimasukkan atau dirangkumkan dalam satu pinjaman yang telah diluluskan, mungkin boleh meringankan sedikit, tetapi kebiasaannya tidak boleh. Perkara ini mesti dikeluarkan daripada saku pembeli itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai kerajaan kalau dipinta membayar RM1,000 atau RM2,000 memang susah, memang payah, memang tidak senang hendak keluar, susah hendak cari di mana tempatnya duit itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang apabila tekanan kewangan ini berlaku, berlakulah satu gejala yang lain, yang mungkin untuk mengatasi masalahnya. Kehendaknya untuk membeli atau mendapatkan rumah, tetapi pemaju mengatakan mungkin pemaju tidak hendak serah oleh kerana faedah ini belum diselesaikan, kunci rumah pun tidak bagi. Walaupun cagaran sudah diberi, duit sudah semua dibayar, kerajaan sudah turunkan semua kewangan, tetapi tidak serahkan kunci oleh kerana faedah ini belum lagi diselesaikan.

Jadi, amat penting sekali, Tuan Yang di-Pertua supaya pihak kementerian melihat mekanisme semula dalam pinjaman perumahan di dalam Kementerian Kewangan dan di pejabat Setiausaha Perbendaharaan melihat semula mekanisme yang khusus, yang perlu dan yang efisien, yang boleh memberi kelulusan. Yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, Tuan Yang di-Pertua, dia kata lapan bulan. Kalau di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, orang kata lapan bulan itu sudah *acceptable limit of* pengeluaran sumber kewangan. Biasanya kadang-kadang sampai satu tahun pun ada.

Alhamdulillah, syarikat-syarikat yang tertentu ada hubungan-hubungan yang tertentu membuat *channel* mereka sendiri, mencari jalan mereka sendiri dan boleh mengatasi masalah ini dalam masa tiga ataupun empat bulan, tetapi berapa banyakkah syarikat yang berkemampuan membuat urusan-urusan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Eric Enchin Majimbun: *[Bangun]*

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben: *[Bangun]*

Cik Tan Lian Hoe: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, saya amat menghargai apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan saya bersetuju supaya bukan sahaja *one stop center*. *One stop center* ini kita sekarang tengok, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan yang telah menguruskan pinjaman perumahan ini sudah berapa lama. Soalannya, adakah pegawai kita ditambah, adakah cara pengurusan dibuat, adakah birokrasi dalaman itu telah diselesaikan, adakah pengurus daripada jabatan itu sendiri, semua permohonan daripada jabatan itu, pegawai dia kena cekap juga.

Kalau acuh tidak acuh pegawai di peringkat jabatan itu sendiri, berlakulah kegagalan untuk mendapatkan kelulusan dengan seberapa cepat. Kita tidak boleh juga kata tunjuk jari kepada pihak Perbendaharaan kerana tidak lulus kerana borang yang diisi tidak lengkap, kerana pegawai yang memproses ini – *there is officer* di jabatan itu sendiri tidak memainkan peranan yang tertentu yang tidak mempunyai *skill* atau pengetahuan untuk menguruskan borang-borang ini dan memberi nasihat kepada pegawai yang memohon.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua yang bangun itu. Jangan bagi dia berdiri lama.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya lihat Yang Berhormat bagi Sepanggar yang berdiri dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf Yang Berhormat bagi Pensiangan ya. Saya beri Yang Berhormat bagi Sepanggar dahulu.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Ini menyentuh mengenai perumahan yang dibina tergesa-gesa, kemungkinan disebabkan oleh ramai pemohon di mana terdapat di kawasan saya di Sepanggar ini satu kawasan di mana mereka akan membina 1,000 unit rumah, tetapi malangnya dengan pembinaan 1,000 rumah itu, pada ketika ini jabatan-jabatan seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Air belum bersedia untuk menampung sebanyak 1,000 buah rumah yang akan dihuni ini.

Pada ketika ini kita sudah pun mengalami kesesakan trafik di jalan-jalan ini, lebih-lebih lagi kalau 1,000 unit rumah itu sudah dibina. Mengenai air juga, sekarang sudah pun menghadapi kekurangan air di kawasan tersebut. Jadi, adakah Yang Berhormat bagi Santubong bersetuju agar sebelum pembinaan rumah-rumah ini pihak

kerajaan ataupun jabatan-jabatan haruslah bekerjasama terutama sekali kepada Jabatan Perancangan untuk memberi kemudahan-kemudahan semua ini sebelum perumahan ini dibina. Sekian.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya menjemput Yang Berhormat bagi Pensiangan supaya saya boleh menjawab sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya juga ingin turut serta dalam perbincangan mengenai isu perumahan, pinjaman dan sebagainya. Kalau kita ingat Martin Luther sebagai sosialis aktivis mengatakan *I have a dream for the black people to become to President of the United State one day. I have a dream that the black people will be setaraf kedudukannya dengan orang-orang berkulit putih. I have a dream* dan orang-orang hitam akan menjadi masyarakat ataupun manusia yang seimbang dengan orang-orang kulit putih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sedemikian rupa juga kepada bumiputera, setaraf kedudukannya ataupun lebih tinggi tarafnya daripada yang lain-lain yang terdapat di peringkat global ini. Persoalannya adalah di antara igauan mimpi dan realiti. Igauan mimpi insan manusia ini yang sebenarnya hidup dengan sederhana, selesa dan dapat menampung keperluan hidup sekeluarga, dan yang penting sekali mempunyai rumah yang elok sebagaimana perbincangan kita pada hari semalam dan diteruskan hari ini.

Igauan mimpi juga untuk mendapatkan keluarga yang kukuh sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu semalam, igauan mimpi juga memperolehi peralatan luas untuk kesempurnaan hidup, seperti motosikal, motokar dan sebagainya, igauan mimpi kita juga untuk mendapatkan pengetahuan dan pelajaran yang tinggi bukan sahaja kepada diri kita, tetapi juga kepada anak-anak kita.

Igauan mimpi juga untuk kita mampu mempunyai kemahiran untuk kekuatan hidup yang penuh dengan persaingan sekarang ini. Realitinya Yang Berhormat, untuk merealisasikan igauan mimpi ini kita memerlukan satu ekosistem kemasyarakatan

atau kemanusiaan yang seimbang untuk memantapkan dan juga orang-orang yang menjalankan tugas ini adalah orang-orang yang menatap dan tulus, sebagaimana yang diperbincangkan malam semalam dan kali ini.

Kita mempersoalkan dari segi *honesty* dan *integrity* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Disebabkan yang itu tadi kita memerlukan kefahaman diri untuk mengatasi rintangan. Realitinya untuk mendapatkan rumah selain daripada kekuatan kewangan. Saya juga sebagai bekas kakitangan kerajaan melihat rintihan-rintihan pegawai-pegawai kerajaan dan kakitangan kerajaan untuk mendapatkan rumah ini. Selama sebelas tahun tinggal di Semenanjung ini pegawai-pegawai di bawah jagaan saya masih lagi tinggal di tempat-tempat setinggan dan tidak mempunyai rumah yang sempurna sebagaimana yang perlu kita sebutkan.

Jadi, igauan mimpi ini tidak tahulah sama ada menjadi realiti ataupun tidak, tetapi saya rasa perlu kita tangani dengan sepenuh hati. Pegawai-pegawai kerajaan yang menerima rentetan para pemaju perumahan, bermacam-macam masalah yang telah kita lihat. Di antara lain kegagalan-kegagalan pihak pemaju wajib perakuan umpamanya bukan sahaja daripada CF, sekarang ini bomba ini pun kita kena buat juga iaitu Seksyen 33 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (341) yang perlu pemaju-pemaju perumahan diwajibkan, jika tidak akan dikenakan denda RM5,000.00 ataupun penjara selama tiga tahun. Yang ini perkara yang baru yang saya rasa Yang Berhormat di antara lain yang perlu kita sentuh juga bila pegawai-pegawai kerajaan ini akan memiliki rumah-rumah dan sebagainya.

Selain daripada itu, kita juga melihat bahawa masalah-masalah yang kita lihat adalah di antara lain bila mereka menerima kunci tetapi tidak boleh berpindah, disebabkan tempat tersebut tidak mempunyai prasarana-prasarana ataupun fasiliti yang diperlukan, umpamanya sekolah yang sepatutnya pemaju-pemaju ini perlu menyediakannya.

Selain daripada itu kita juga melihat bahawa pemaju-pemaju ini tidak memberitahu daripada 'A' hingga ke 'Z' mengenai dengan bila kita hendak mendapatkan rumah. Bila sudah dapat rumah ini bermacam-macam pula yang dikenakan, *you* kena bayar *legal fees*, *you* kena bayar insurans dan sebagainya yang selalunya perkara-perkara ini tidak dijelaskan kepada pembeli-pembeli tadi.

Selain daripada itu, Yang Berhormat saya juga menyentuh sedikit mengenai dengan pembelian iaitu mengumumkan tribunal ini, membentuk satu platform untuk

mendapatkan keadilan atas sebab-sebab rumah yang dibeli didapati rosak. Kadang-kadang bila kita baru hendak pindah pun, rumah tiangnya sudah tidak ada, dia punya bumbung sudah bocor dan sebagainya. Ini selalunya bila kita hendak meminta pemaju-pemaju tadi untuk memperbaiki bangunan ini akan mendapat satu rintangan ataupun *barrier*, lambat laun kita sendiri yang akan membuatnya.

Selain daripada itu, Yang Berhormat bagi Santubong saya juga ingin penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai dengan Sabah dan Sarawak ini. Kita mempunyai Ordinan Perumahan di Sabah dan Sarawak, berlainan daripada di Semenanjung Malaysia. Tetapi Ordinan ini tidak mempunyai satu *provision* ataupun *proviso* untuk membentuk tribunal tersebut. Jadi, kita membincangkan secara keseluruhan iaitu secara *general* yang melibatkan bukan sahaja di Semenanjung Malaysia tetapi melibatkan juga Sabah dan Sarawak. Saya berharap yang ini akan dapat kita selaraskan di peringkat negara, berlainan daripada *local government* punya ordinan dan sebagainya tetapi disatukan ataupun dimansuhkan dengan Sabah dan Sarawak, mengikut kepada peringkat negara.

Jadi, igauan mimpi hanya dapat direalisasikan sekiranya ada satu pendekatan yang baru mengenai dengan kakitangan-kakitangan kerajaan yang saya rasa sehingga sekarang ini masih lagi dalam kegelapan, masih lagi dalam kesusahan, masih lagi merangka orang kata untuk mendapatkan keistimewaan mereka dan sebagainya,. Saya berharap dengan adanya peraturan dan rang undang-undang yang dikemukakan ini akan memberi satu platform atau satu *foundation* dengan izin kepada pegawai-pegawai kerajaan dan kakitangan-kakitangan kerajaan yang saya selama ini Tuan Yang di-Pertua, kakitangan-kakitangan ini bukan sahaja menerima habuan dan semua rintangan umpamanya untuk mendapatkan rumah ini, mereka juga mendapat rintangan dan yang susah dinaikkan pangkat disebabkan bermacam-macam dia punya karenah.

Jadi, karenah-karenah ini diharap kerajaan juga dapat membantu pegawai-pegawai kerajaan yang sentiasa bertungkus lumus untuk membantu negara kita maju ke hadapan. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya mendengar rintihan *Luther King Junior* yang disebut oleh itu tadi, '*I have a dream*', tetapi malangnya kalau saya hendak bincang soalan *Martin Luther King* yang mencetuskan satu perjuangan moral dan hak asasi di Amerika, mungkin saya tidak mencukupi masa.

Jadi, adalah mencukupi bagi kita menyentuh apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan itu tadi, berhubung dengan delima dan masalah yang di hadapi oleh pegawai-pegawai kerajaan dan orang awam yang membeli rumah, sama ada daripada agensi kerajaan ataupun daripada pihak swasta yang memajukan rumah, iaitu soalan api, soalan air, soalan elektrik, juga soalan telefon. Semenjak 1995, dimasukkan lagi satu soalan, iaitu soalan bomba. Ini juga perlu dilaksanakan dan mempunyai spesifikasi, keperluan, *requirement* yang berasingan.

Kalau ini tidak dapat diatasi dengan sendirinya, walaupun dengan secara fizikalnya rumah itu sudah siap, dipandang daripada mata kaca kita pada tahun 1970-an dan 1980-an dahulu sudah siap, dan boleh di masuk, diberi kunci dan sebagainya, belum juga boleh dihuni ataupun diduduki oleh sesiapa, oleh kerana ada syarat baru yang telah kerajaan perlu laksanakan.

Tujuan ini amat baik, tujuannya memang kita tidak pertikaikan, dasar kerajaan ini memang baik, tetapi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, apabila satu mekanisme yang dibuat, satu lagi birokrasi yang kita wujudkan dan kalau birokrasi ini diwujudkan, tidak ada satu mekanisme yang efisien, yang kita juga cuba wujudkan untuk mengatasi rintangan dan halangan dalam birokrasi itu sendiri. Dengan sendirinya dia akan memaksa keadaan supaya menjadi keroh, lebih susah, lebih payah lagi untuk pihak-pihak yang tentu, iaitu khususnya pegawai kerajaan dan pembeli-pembeli rumah.

Jadi, saya berharaplah pihak kerajaan melihat, apabila kita wujudkan satu birokrasi, wujudkanlah satu bagaimana untuk melicinkan lagi birokrasi ini, satu mekanisme ini dan keperluan ini dilaksanakan dengan sebaik mungkin, supaya tidak menjadi satu penghalang dan pengadang kepada pihak-pihak yang meminta perkhidmatan daripada pihak kerajaan dan pihak-pihak swasta ini.

Walaupun Yang Berhormat bagi Pensiangan panjang ceritanya tadi, tetapi sebenarnya dengan singkat sahaja, efisienkanlah mekanisme kerajaan supaya apa yang dikehendaki itu dapat diberi dengan secepat yang mungkin. Ini sudah banyak saya cerita soalan BPR, proses *reengineering*, Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya pindah kepada persoalan Yang Berhormat bagi Cameron Hinghlands, walaupun dia sendiri tidak ada, dia beritahu saya tadi.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tengok Yang Berhormat bagi Jerai ini.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Santubong. Saya hendak beri peluang kepada Yang Berhormat bagi Santubong bercakap, saya pun boleh hendak bercakap. Semua sudah Yang Berhormat bagi Santubong cakap, jadi kita masuk-masuklah, *chip in* untuk memberi pandangan kepada pihak kementerian, supaya dapat memahami rintihan-rintihan yang kami suarakan ini adalah rintihan rakyat, bukan rintihan keperibadian, Tuan Yang di-Pertua.

Benda yang hidup di dunia ini, semua hendak tempat. Burung pun ada sarangnya. Sarangnya rumahnyalah. Kan? Ayam pun ada rebannya ataupun orang panggil di Kedah '*relau*' ayam, jadi rumahnyalah. Jadi, kita lihat hari ini, manusia, memang manusia memerlukan rumah. Di situlah manusia hidup, sama ada aman atau tidak, tenteram atau tidak. Masalah-masalah sosial yang timbul ini juga adalah disebabkan oleh masalah rumah dan kadang-kadang rumah itu tidak sesuai dengan keluarga yang begitu ramai, maka anak-anak muda ini bersepah di rata-rata jalanan dan akhirnya mereka terjebak di dalam gejala-gejala sosial.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi Yang Berhormat, ada juga rumah besar, masalah sosial pun banyak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada juga rumah besar, masalah sosial pun besar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Memang betul, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu sekejap lagi saya hendak pi tang tu itu. [*Ketawa*] Maknanya, bukan hak senang itu hidupnya seronok. Kadang-kadang kita tengok orang senang, merentang duduk belakang kereta, kepalanya Allah S.W.T. yang tahu, semak. Kadang-kadang kita ingat dia itu seronok, duit banyak, makan tidak lalu, Yang Berhormat, tengok ayam tidak boleh pi, tengok udang, kolesterol tinggi, tengok benda manis, kencing – diabetes, ada sahaja Tuhan beri. Kadang-kadang kerana punca mai tidak betul, jadi Tuhan dera kot itu pula.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau kita bercakap fasal rumah ini, agensi kerajaan ataupun rancangan kerajaan tidak dapat kita nafikan, yang kita dok sokong ini pun adalah atas dasar pandangan kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan, dia tolong buat *paper* masuk mai, kita bahaslah bahas dan akhirnya kita bersetuju, tetapi matlamatnya tidak sampai. Dia macam tadilah, Yang Berhormat bagi Pensiangan, sampai realiti, sampaiMana? Dia sudah keluar. Sampai mimpi, igauan, sampai termimpi-mimpi, perjuangan wakil rakyat ini untuk hendak tolong orang.

Jadi, saya minta daripada kerajaan supaya memastikan bahawa – kita kena buat Yang Berhormat, kita tidak boleh buat yang itu, yang ini. Berasa hendak buat kita buat, kita berasa yang itu susah, kita hendak buat, buat. Kita tidak boleh hendak buat *dok hong*, kita kena *plan* betul-betul. *Plan* sampai ke arah pendudukan negara kita ini. Berapa juta rakyat akan ada tahun depan yang hendak beranak, mai pula berapa, hak yang hendak menikah berapa, hak yang hendak bercucu berapa, ini semua kita kena *plan*.

Jadi, kementerian ini kena buat. Carilah siapa pun, pakar, buat kajian ini dan kita fokus penduduk yang akan memerlukan rumah. Macam la ini kita hantar pelajar ke universiti, dia akan keluar universiti, kemudian dia akan bekerja. Lepas bekerja dia duduk satu pejabat, dia tengok, pi tengok mai, dia seronok, dia nikah. Dia menikah, dia hendak kena duduk cari rumah, kena ada rumah untuk dia. Takkan hendak tumpang bapa mertua, emak mertua pula. Jadi, dia memerlukan rumah, jadi kita kena fokus benda-benda macam ini.

Pihak-pihak institusi kewangan pun kena memahami. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bukan seronok bila saya lihat institusi-institusi kewangan ataupun syarikat-syarikat tertentu *declare* dengan *profit*, beratus-ratus juta. Apa dia *social contribution* depa kepada negara dan rakyat. Ha? Untung beratus-ratus juta. Setengah-setengah bank itu untung berjuta.

Oh! Seronoklah, *chairman* umum, untung. Apa ada *contribution*.

Seorang Ahli: *Elek*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Elek, elek*, dengan izin. Tidak ada.

Seorang Ahli: Enggak ada.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Enggak ada.

Seorang Ahli: *Poochik.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Poochik.* Jadi, Tuan Yang di-Pertua, *social contribution* ini perlu ada, jangan semua kerajaan. Jadi, kerajaan tang mana hendak cari duit. Bila kerajaan naik cukai, rakyat marah. Alhamdulillah, baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata hendak tambah peruntukan. Berapa bilion? 10 kah. *[Disampuk]* RM10 bilion Yang Berhormat bagi Arau kata.

Kita tidak fokus sudah kepada projek yang mega dan sebagainya, kita fokus kepada projek-projek keperluan rakyat. Itu baru betul. Bagi rakyat ini berasa nikmat sudah, sudah merdeka berpuluh-puluh tahun. Macam daripada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, menyinga marah. Memanglah kalau saya pun marah. Ibu tunggal, *welfare* beri RM80, dia hendak makan apa? RM80, anak merenyut, bapa lari. Makan apa? Dia buta huruf. Dia hendak buat apa?

Jadi, yang ini kerajaanlah, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kalau syarikat-syarikat hak berjaya beratus-ratus juta ini, hak yang tauke makan tidak boleh, tidur tidak lena, hang bagilah. Sebab itu dalam Islam Tuan Yang di-Pertua, dia kata bayar zakat. Hak ini tidak tentulah, saya bukan tuduh sesama umat Islam, boleh atau tidak bayar, kalau tidak bayar, wallahualam. Bayar zakar untuk hendak menolong yang susah.

Jadi, balik kepada perumahan, kadang-kadang kita tengok hak yang datang ke negara kita ini, yang mendatang ini, boleh ada rumah, tetapi yang tumpah darahnya di sini tidak ada tempat untuk berlindung, betapa sedihnya perasaan kita. Betapa sayunya sebagai bangsa Malaysia apabila melihat anak bangsanya juga tidak ada rumah. Saya bercakap begini, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya mai dari kawasan kampung. Kalau mai tengok kawasan kampung, tengoklah macam mana. Kita kadang-kadang *blackout* sedikit pun, telefon TNB marah-marah, awat *blackout*? Awat *blackout*? Yang depa ini *blackout throughout the life*, dengan izin. Rumah tidak ada api, air pakai air telaga, rumah pun kadang-kadang kita tengok bukan dekat angin, kita pi sana mereban. Kalau wakil rakyat pi sandar di tiang rumah itu, rumah itu "geban".

Jadi, keperluan ini harus kita fikir. Saya minta bank-bank supaya gunakanlah, carilah satu sistem untuk orang yang miskin ini. Saya difahamkan Bank Rakyat sudah buat, sekupang tidak payah keluar. Masa itu Tuan Yang di-Pertua jadi Pengerusinya, masa Tuan Yang di-Pertualah idea itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, untung banyak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kena jaga juga, Tuan Yang di-Pertua tidaklah. *[Ketawa]* Jadi di Bank Rakyat ini diberikan 110% diberi pinjaman termasuk *lawyer fees*. Kemudian *lawyer-lawyer* ini janganlah 'pederas' sangat, isi borang sahaja, yang pi caj sampai beratus itu fasal apa? Bukan banyak sangat, *standard form*, siapa jadi peguam, depa tau lah. Borang perumahan, *Sale And Purchase Agreement*, borang itulah, *fill in the blank*, letak nama, kad pengenalan, jumlah pinjaman, tau-tau sampai RM700. *Petition writer* boleh buat tepi jalan, bayar RM5 sahaja, dia patuk dengan mesin taip buruk dia pun jadi.

Jadi ini yang menyebabkan kos, macam mana orang miskin hendak mampu? Tuan Yang di-Pertua, saya tidak rela tengok pegawai-pegawai kerajaan kita kadang-kadang duduk di rumah yang daif. Merekalah duduk di pejabat ini, kadang-kadang mereka marah juga, depa yang dok buat kerja. Sungguhpun dia peon, tetapi kalau fail dia tidak angkat, dia sorok fail, kacau. *[Ketawa]* Dekat sebulan dia kata fail hilang, pi cari tidak jumpa, kita hendak buat apa? Dia boleh buat kalau dia hendak buat. Tetapi depa pun bekerja, berkhidmat untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita tengok, saya difahamkan pendatang-pendatang yang mai sini, depa kerja di sini, depa himpun duit, hak yang bekerja, bekerja, hak yang samun, samun, hak yang rompak, rompak, tidak kiralah. Dia bawak balik duit pi negeri depa, cuba kita melawat negeri depa. Rumah depa cukup elok hasil daripada titik peluh depa mai cari rezeki di negara kita.

Jadi di sini Yang Berhormat bagi Santubong, kita dapati bahawa masalah yang kita hadapi adalah birokrasi yang kita sendiri buat dan akhirnya yang susah kita. Jadi, pada masa hadapan, sebagai Ahli Parlimen, sebagai wakil rakyat, bil-bil yang hendak diluluskan, kalau tengok hak yang menyusahkan rakyat, tidak usah bawak masuklah. Kalau bil yang dibawa masuk hendak menyenangkan rakyat, kita masuk. Ini kalau masuk hendak sekat sana, hendak sekat sini, hendak kerat sana, hendak kerat sini, hendak menyusahkan rakyat, tidak usahlah. Kasihan, kasihan kepada rakyat.

Kita duduk di sini, Tuan Yang di-Pertua, bila kita balik pi kampung, depa marah kita. Kita tidak hendak dengar, sakit telinga. Dia kata Datuk ni wakil rakyat, bila lagi? Hakisan pantai, kami ini sudah tidak ada hendak pi manalah, depa sudah tidak ada rumah hendak pi, Datuk. Kita hendak buat apa? Hendak bawak mai rumah kita pun, rumah kita pun tidak besar. Hendak duduk rumah kita, berapa lama boleh duduk?

Jadi ini masalah-masalah yang kita hadapi sedangkan kalau semua syarikat-syarikat kerajaan, syarikat-syarikat yang berjaya ini pakat tolong sama kerajaan, macam PPRT bukan susah. Kerajaan bagi RM11 ribu hendak bantu orang yang hak termiskin ini. Kalau syarikat itu sudah untung sampai RM300 juta atau RM400 juta, hang tidak boleh ambillah RM2 juta taruk mai Parlimen Yan? Nah Parlimen Yan, hang pi cari rumah PPRT ini, buat bagi selesaikan depa. Tuhan nampak, Allah Taala nampak, tahun hadapan *profit* dia akan naik lagi. Ini tidak, depa boleh hisap curut sebatang RM500, Tuan Yang di-Pertua. Orang kampung, rokok daun pun sambung hisap. RM500, oh *this is life, style*, dengan izin. Dia ada pula di hotel-hotel dipanggil *cigar...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hisap curut tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hisap lagi tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak hisap curut, saya hisap rokok daun dengan saya tumpang rokok kawan, beli jarang fasal penyakit. Yang saya pi hisap rokok kawan itu pun, Tuan Yang di-Pertua, fasal saya hendak tolong kawan. *[Disampuk]* Kalau katakanlah Yang Berhormat bagi Kalabakan hisap rokok, saya pi ambil hak dia sebatang, sekurang-kurangnya dia hisap 19 batang, saya *exhaust* sebatang penyakit dia, hendak cari kawan macam saya tang mana lagi? *[Ketawa]* Tidak ada. Tidak usah kira macam Sri Gading, macam serombong kereta api hisap rokok.

Jadi saya menyarankan di dalam Dewan yang mulia ini, syarikat-syarikat yang untung daripada hasil negara Malaysia ini, hasil daripada kemerdekaan kita ini harus membantu kerajaan menyelesaikan masalah-masalah ini. Saya hendak tengok syarikat mana yang boleh guna sedikit otak dia, dia jadi *leader, lead* tabung bantuan perumahan rakyat termiskin untuk membantu kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Syarikat Yang Berhormat boleh mula itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tak dak, tak dak, itu yang dok deras cakap tak dak *[Ketawa]* untuk kita hendak tengok. Kemudian kalau syarikat ini buat liar, buat kedekut, tidak apalah, pegawai kerajaan takkan tak tahu caranya?

Boleh, benda ini kalau hak seminggu boleh jadi setahun, dah hangpa kedekut sangat, hangpa kira hangpa sahaja, untung boleh kat hangpa, kami orang kampung susah, mai tolongkah? Kalau kita tengok, Tuan Yang di-Pertua, berapa syarikat yang *dilisted* di BSKL. Satu syarikat untung berpuluh juta, hang bagi sejuta satu syarikat pun, ambil duit itu kemudian kita boleh cadangkan kepada Kementerian Kewangan dikecualikan daripada cukai, ambil duit itu kita *push* satu tahun sahaja, beratus juga. Kemudian kita ada berapa Parlimen? Kepong tidak payahlah, kawasan dia senang. Dia hendak kacau apa lagi? Tengok dia *relax* sahaja, bukan dia hendak kata apa? Pernah dia bangkit bercakap masalah rumah, masalah orang susah? Tak adalah. Dia *international, scientist* tidak *scientist* itu *level* dia padahal sampah di kawasan dia berlonggok.

Jadi kita tidak usah kata banyak. Kalau satu syarikat ini dia bagi satu Parlimen RM1 juta untuk selesaikan masalah PPRT pun, saya ingat dalam masa sepuluh tahun atau lima tahun, bereslah. Betul tidak apa saya cakap? Fasal kita dok tengok untung bukan sedikit, kadang-kadang laporan kewangan enam bulan, syarikat untung RM50 juta.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalabakan, sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kalabakan.
[Kemudian Yang Berhormat bagi Kalabakan terus duduk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua fasal saya minta penjelasan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Santubong yang bercakap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order, Point of Order.*
[Ketawa] Bukan, dengan semangat yang berkobar-kobar

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Belum habis lagi Yang Berhormat? Belum habis lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bila semangat berkobar-kobar, kawan-kawan kita pun menghadapi masalah yang sama, peraturan diketepikan untuk membela rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Sekejap lagi Yang Berhormat bagi Kalabakan tanya Yang Berhormat bagi Santubong ya. Santubong pun berapa jam lagi mau bercakap? *[Ketawa]* Orang lain pun mau cakap juga.

Ini cadangan pertama supaya syarikat-syarikat ini membantu. Kalau dia tidak bantu dengan keuntungan hasil daripada projek-projek kesenangan dia dapat daripada negara Malaysia, maka kerajaan jangan bagi projek yang ada. Pi di luar negara, hang pi cari duit bawa balik mai, jangan dok cari makan dalam negara kita ini. Jangan dok buat perangai macam zaman British dahulu, macam itulah. Dia kaut keuntungan, bawa balik ke negara depa. Ini dia kaut keuntungan, boh dalam poket dia, orang susah dia tidak hirau.

Saya biasa dalam Dewan ini, saya pecah sedikit masa saya tengah *hot*. Seorang tokoh korporat biasa tanya saya, “*You* orang politik buat apa?” Masa itu kelam kabut *since* Pilihan Raya 1999, dengan saya sekali pun bungkus [*Ketawa*] dengan saya, saya pun *gone*, dengan izin [*Ketawa*] Apa buat? Kerajaan kita nyaris-nyaris kalah. Saya kata kat dia, *you* jangan cakap macam itu. Kami ini menyalak rata kampung, rata kampung kami pi, rata tangga rumah orang kami pi, yang *you* ini, masa pilihan raya *you* buat apa? Dia ada turun tolong tidak? Yang *you* tahu dok ambil, kaut kekayaan daripada perjuangan kami ini.

Jadi ini saya hendak sarankan kepada kerajaan menteri pun tinggal seorang sahaja, [*Memerhatikan ke arah zon kerusi menteri*] Timbalan Menteri Kesihatan ada seorang lagi, yang duduk kita bagi, hak tak dak kita tak usah bagi, [*Ketawa*] – dah depa tak mai kerja, awat sibuk tara mana sangat, mungkin rakyat lagi sibuk balik petang ini kelam-kabut Tuan Yang di-Pertua, dahlah malam ini malam permintaan kaum ibu, besok kerja lagi, hari Jumaat kerja, hari Sabtu kerja, Ahad kerja, Isnin nak mai balik sini. Jadi saya sarankan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kerjakah, kempen?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kerjakah atau kempen?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Kerja. Kempen pun kerja juga, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*] Kempen itu untuk kita mempertingkatkan diri kita supaya orang memahami kita dan kita terus berjuang, Tuan Yang di-Pertua. Macam Tuan Yang di-Pertua jugalah, saya bukan dalam Majlis Tertinggi, Timbalan Pengerusi Tetap saja, [*Ketawa*] kemudian Yang Berhormat bagi Sri Gading sebagai Pengerusi Tetap, itu sahaja. Yang Berhormat bagi Kepong tak usah kata apalah, Kepong bukan

boleh tolong, [Ketawa] dia bukan UMNO, dia DAP [Disampuk] Ya? Kalau Yang Berhormat bagi Kepong hendak masuk UMNO pun boleh tapi ada syarat – saya kena bawa jumpa, pi jumpa Tok Mudim dulu. [Ketawa] [Disampuk] Ya? [Ketawa] Depan seorang saja, Menteri ada, Timbalan Menteri, tak pa, tak pa, tak pa. Itu tetap punya, itu tetaplah itu.

Jadi kalau tidak ada syarikat-syarikat ini mahu bagi *contribution* selain daripada cukai yang dibayar kepada kerajaan, saya minta supaya kerajaan bagi kepada syarikat-syarikat lain untuk peluang perniagaan kerana kadang-kadang apabila orang ini berjaya mereka dah lupa dah tu di mana asal-usul mereka. Mereka lupa bahawa mereka juga satu ketika dulu anak pak tani, mereka lupa satu ketika dulu mereka juga adalah anak-anak kampung, tetapi kerana kekayaan mereka sudah lupa bahawa ada saudara-mara mereka, ada rakyat yang masih lagi ketandusan untuk mencari tempat berteduh yang sesuai.

Jadi ini kita kena bagi tahu kepada syarikat-syarikat yang besar-besar ini supaya jangan bangga dok tunjuk dalam surat khabar tentang keuntungan. Kalau dia untung RM40 juta, RM50 juta, RM5 juta kami akan bagi untuk membantu rakyat miskin, RM5 juta untuk *welfare* ibu-ibu tunggal yang tertinggal ini, baru kita *appreciate* ataupun kita kagum kepada orang yang berniaga macam ini. Kalau harap orang yang menjaga yang dok kaut keuntungan, ini adalah bukan orang yang mulia yang boleh kita hormati.

Jadi saya berbalik kepada isu rumah ini, saya mintalah kerajaan, kita buat *study case* untuk *population* kita yang akan datang, rakyat yang akan datang supaya jangan ia berbentuk *ad hoc*. Kemudian, tak pa sebagai wakil rakyat, pegawai-pegawai kerajaan pun bagi pandangan, bagi pandangan kat kita. Kadang-kadang dasar yang kita buat cukup bagus tetapi yang nak *implementkan* dasar ini adalah pegawai kerajaan, kemudian yang hendak menerimanya adalah rakyat. Jadi kalau tak boleh kena habak balik, yang ni tak boleh kerana dia susah dan sebagainya.

Macam contohnya, perumahan, kadang-kadang kita salahkan syarikat perumahan, saya bukan ada *interest*, saya bukan buat rumah apa semua, dia kata rumah siap tetapi Tenaga Nasional tak boleh masukkan api kerana dia tak boleh buat *sub-station*. *Sub-station* tu Tenaga Nasional kena buat. Jadi rumah dah siap tapi api tak boleh masuk; begitu juga kadang-kadang rumah dah siap, air tak sampai. Ha, ini kes bomba pula. Jadi benda-benda macam ini menyusahkan pembeli, dia dah ambil

pinjaman, pegawai kerajaan dah ambil *loan*, kemudian rumah tak boleh masuk, dia dok kena sewa di luar, bermakna dia kena berbelanja dua kali untuk dia hendak tidur, untuk dia hendak duduk.

Jadi yang ini kita kena ada timbang rasa. Jadi bermaknanya bila peringkat kelulusan, di peringkat majlis daerahkah, apakah, semua itu kena *clear at one time*. Maknanya Jabatan Bomba kena setuju, Jabatan Air *clear*, api *clear*, maknanya siap sedia, masuk buat rumah benda ini dah siap. Kadang-kadang rumah dah siap, tau-tau orang tak boleh duduk. Pasal apa? *Check-check* api tak dak. Awat api tak dak? Tenaga Nasional tak boleh mai pasang *cable* lagi untuk nak buat *sub-station* dan sebagainya.

Jadi semua ini kita harus kena ambil kira. Saya biasa kata, macam di kawasan saya baru-baru ini, bila kerajaan luluskan kuari, saya marah pasal bila hujan mai, tanah lumpur turun masuk habis ke kampung. Kesian orang kampung saya, orang kampung saya dia ada kebun, dusun, dia tanam padi. Bila lumpur turun mai dalam sungai, sungai itu melimpah, lumpur ini masuk habis dalam rumah, masuk dalam sekolah, masuk dalam masjid, masuk dalam kedai, masuk dalam bendang, padi itu minggu depan dah nak boleh ambil, padi itu rosak, Tuan Yang di-Pertua. Pokok durian yang dia tanam di dusun, dok harap setahun sekali boleh dapat duit, tau-tau bila lumpur turun mai, pokok mati.

Kerana kita hendak menyenangkan satu syarikat, kita menyusahkan 4,000 pengundi dalam kawasan saya. Ini Jabatan Alam Sekitar punya cerita. Kemudian itu saya panggil pegawai Jabatan Alam Sekitar, dia kata, "Datuk, kita tak lulus lagi, dia pi buat dah". "Awat hang tak habak kat aku awal?" Kita kena *check* benda-benda macam ini. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini menyusahkan. Jadi kita tak mahu apa-apa projek yang dibuat oleh kerajaan menyusahkan rakyat kerana kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional Yang Berhormat bagi Kepong, dengar Yang Berhormat bagi Kepong, DAP dengar, PAS pun dengar sini ...

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai, suara halus saja. *[Ketawa]*
Suara halus belum makan nasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus, terus Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dengar! Bila rakyat memilih Barisan Nasional, Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Perdana Menteri kita, kita akan bagi yang sebaiknya kepada rakyat. Tidak macam tengok Ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang, [*Memandang kepada barisan Ahli-ahli Pembangkang*] walaupun kita *backbencher* tetapi kalau yang tidak betul, kita tegur kerajaan ... *we're very good you know*, dengan izin. [*Ketawa*] [*Bercakap sesuatu kepada Yang Berhormat bagi Seputeh dalam bahasa Mandarin*] [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, Yang di-Pertua di sini, yang bercakap dengan Yang Berhormat bagi Seputeh tu buat apa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bila suara halus, hari Khamis malam Jumaat dia tertarik sedikit. [*Ketawa*] Jadi saya berharaplah kepada pihak kerajaan, ya Yang Berhormat bagi Santubong [*Memandang ke arah Yang Berhormat Santubong*] bagi rakyat kita nikmat, selesaikan masalah-masalah infrastruktur, masalah perumahan dan sebagainya, bagi pegawai-pegawai kerajaan kita duduk dengan bukan kata yang terbaik tetapi *comfortable*, dengan izin, selesa cukuplah pada depa. Jangan kita letak mereka di satu tempat, macam saya kata dululah, saya tengok polis, dia kata "Polis Diraja Malaysia" Bila "Diraja" ni Tuan Yang di-Pertua, dia cukup tinggilah, tak begitu, Yang Berhormat bagi Arau? [*Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Arau yang duduk di sebelah*].

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, adik Yang di-Pertuan Agong, [*Ketawa*] sebab itu saya dok jaga elok, kan? Jadi bila "Diraja" itu tertinggi, bila "tertinggi", lepas kerja, dia balik pi 'meronot' duduk rumah setingan [*Ketawa*] kemudian dia letak tepi dia "Diraja", dia letak tali pinggang dia "Diraja", dia letak yang tepi ini [*Mengisyaratkan tanda pangkat jawatan pada lengan*] "Diraja", bagaimana perasaan anak-anak dia kata? "Eh pak, bapak kerja ni Polis Diraja, awatlah kita duduk rumah macam ni?" Pak kata, "Sabarlah, nak buat macam mana, aku tak upaya, gaji kecil, rumah tak boleh nak beli lagi". Sayu. Kadang-kadang rumah kecil, emak pak tidur di luar, anak-anak tidur di tengah rumah, malam-malam bising, anak tak boleh tidur, pak tak boleh tidur tapi anak ramai jugalah. [*Ketawa*]

Ini nasib, nasib orang susah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat bagi Jerai, teruskan. Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Yang Berhormat bagi Seputeh menyampuk] [Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Seputeh]* Yang Berhormat nak minta penjelasan kat sayakah? *[Ketawa]* Nanti sedikit hari saya naik pangkat, saya jadi menteri, Yang Berhormat tanya saya, ya? Sekarang ini saya tak boleh, Santubong ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai dan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk] [Ketawa]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Banyak, panjang-panjang soalan tapi semua sudah ada jawapan tersendiri, Tuan Yang di-Pertua, semua sudah ada jawapan sendiri. Hanya satu saja yang saya hendak buat ulasan, satu saja kerana semua rintihan sudah dikeluarkan, rayuan sudah dipinta dan semuanya sudah diceritakan, lengkap dibuat oleh Yang Berhormat bagi Jerai. Hanya satu saja iaitu berhubung dengan syarikat-syarikat yang mendapat keuntungan berpuluh-puluh juta, beratus-ratus juga bahkan bilion pun ada, tetapi masalahnya syarikat ini tidak membuat bantuan yang khusus untuk pihak-pihak tertentu yang memerlukan bantuan dalam negara kita ini.

Jadi, saya amat bersetuju dengan apa Yang Berhormat bagi Jerai sebut, iaitu sepatutnya orang macam ini jangan dibantu lagi oleh pihak kerajaan. Kalau dia biasanya dapat kekayaan daripada kontrak-kontrak kerajaan, halangkan, jangan bagi kontrak lagi, bagi orang lain. Kalau dia dapat lesen umpamanya macam lesen televisyenlah, lesen *handphonel*lah, macam-macam lagi lesen, sudah dapat jadi kaya raya, satu kertas sahaja kerajaan bagi dia sudah jadi kaya raya.

Tetapi sekarang dia dah lupa di mana asal usulnya sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Jerai tadi dari kampung manakah, anak petani manakah dia ini, sudah lupa dah. Jadi, kita mohonlah supaya syarikat-syarikat ini diberi ajaran sedikit oleh pihak kerajaan, tunjukkan kepada mereka jalan yang lurus, benar, jalan yang boleh mendatangkan kebaikan kepada negara ini.

Sebagai ulasan dalam bidang pengurusan.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dr. Yusof bin Yacob]: Seri Gading bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Santubong. Apa yang disentuh oleh Jerai, satu sentuhan yang mewakili rintihan ramai orang-orang Melayu dan pemimpin-pemimpin UMNO di akar umbi, syarikat-syarikat gergasi yang tidak pernah hendak membantu, memberikan sumbangan kepada masyarakat. Kadang kala syarikat ini hanya mementingkan keuntungan mereka semata-mata dan kadangkala kerana mementingkan keuntungan dia memberikan bebanan balik kepada rakyat. Ambil contoh, syarikat PLUS lah umpamanya, berjuta dia punggut tiap-tiap hari ini, sampai satu ketika dia akan hulus satu cadangan kepada kerajaan, dia hendak minta naikkan kadar tol. Yang kita pelik itu kadangkala apabila dikemukakan laporan kewangan dia untung sekian-sekian, tetapi cukup masa rugi, minta naik. Jadi kadang-kadang kita tidak faham, rakyat juga yang menjadi beban. Kepada syarikat-syarikat besar orang Melayu umpamanya, ramai orang merintah mereka tidak ada rasa maruah bangsakah, tidak ada rasa tanggungjawab kepada bangsakah?

Datuk Bung Moktar bin Raden: Ini berucapkah hendak bertanya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini hendak tanya ini. *[Disampuk]* Umpamanya, satu keaiban kepada bangsa Melayu yang berlaku di mana Utusan Melayu jawi ditutup kerana kurang mendapat keuntungan. Tidak ada syarikat Melayu gergasi yang hendak tampi ke depan hendak menyelamatkan Utusan Melayu, tidak ada, tidak perasaan maruah untuk menjaga kepentingan Melayu, syarikat Melayu yang mendapat keuntungan yang beratus-ratus juta, tidak ada rasa sayang kepada bangsa. Apa salahnya beri bantuan kepada Utusan Melayu dengan berbagai-bagai-bagai cara supaya Utusan Melayu tulisan jawi yang menjadi pusaka orang Melayu itu dapat diselamatkan.

Seorang Ahli: Apa masalah Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:sampai sekarang tidak ada saya tengok yang berani tampil ke hadapan, belanjalah beberapa juta, subsidi kepada Utusan Melayu dengan pengiklanan dan berbagai-bagailah kalau hendak bantu ini, tepuk dada tanya selera, jawapan mesti ada. Tapi tidak ada kesedaran ini.

Jadi sebab itulah saya memang mengikuti sangat apa yang Jerai kata, sesuatu harus agaknya diberikan kesedaran kepada mereka untuk memikul tanggungjawab bangsa. Tanggungjawab-tanggungjawab yang kalau tidak dimainkan oleh kerajaan boleh diambil alih oleh mereka. Jadi, mari kita tengoklah selepas ini, selepas kita rintihkan di Dewan yang mulia ini apakah peranan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya akan sambungkan cerita Jerai dan Yang Berhormat daripada Sri Gading. Ini memang kita melihat bahawa bantuan yang diberi oleh syarikat-syarikat gergasi ini, saya tidak memilih sama ada syarikat itu kepunyaan bumiputera ataupun syarikat itu kepunyaan bukan bumiputera. Tugas dan tanggungjawab kepada bangsa dan negara ini satu dimensi dan satu definisi baru dalam bidang patriotisme.

Kalau betul-betullah syarikat ini patriotik, tunjukkan patriotisme mereka kerana mereka ini tidak boleh berjuang, dia tidak boleh angkat senjata, dia tidak boleh pergi perang, masuk *tank*, jadi *pilot* kapal terbang, pengebom dan sebagainya. Dia tidak boleh. Hanya cara inilah saja sebagaimana Yang Berhormat Jerai sebut tadi berilah bantuan kepada mereka yang perlu, mereka yang miskin, mereka yang PPRT. Salurkan sumber kewangan itu menerusi agensi-agensi kerajaan yang tertentu. Kerajaan mewujudkan satu mekanisme yang tertentu macam mana bantuan ini boleh diberi.

Tuan Yang di-Pertua, negara yang telah merealisasikan perkara sebegini ialah negara Hungary Tuan Yang di-Pertua, iaitu syarikat-syarikat korporat mengeluarkan satu peruntukan, satu peratus daripada keuntungannya di salur kepada kerajaan dan kerajaan menyalur kepada badan-badan yang tertentu.....

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:untuk

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:belum habis jawapan ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:tambah jugak.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tambah Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini saya tengok di sinilah kelonggaran yang dibenarkan oleh kerajaan dan kelonggaran ini tidak ditangani secara bijaksana di mana satu contoh yang jelas ingin saya kongsi bersama dengan Yang Berhormat dari Santubong. Di Kinabatangan ini terdapat 37 kilang kelapa sawit. Ianya dimiliki oleh syarikat-syarikat gergasi. Saya tidak tahu dari mana, dari langit ada, dari bulan pun ada, dari bintang pun ada.

Masalah yang kita hadapi inilah *social obligation*, tidak ada daripada segi bekerja lebih kurang dua peratus saja rakyat tempatan yang diambil dan masalahnya mereka mengaut keuntungan berjuta-juta, keuntungan itu tidak *dicirculate* ataupun ditabu, tempas sedikit pun tidak ada di Kinabatangan. Sedangkan kawasan-kawasan yang banyak kelapa sawit di Kinabatangan. Waktu mangsa banjir berlaku tidak adapun satu syarikat ini yang datang tampil memberi bantuan, kita juga wakil-wakil rakyat yang berkemampuan terhad ini yang menangani masalah ini.

Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan khususnya kementerian Kewangan supaya membuat satu pendekatan yang bukan memaksa tetapi kalau boleh dipaksa apa mahu buat. Sebab ini merupakan satu penganiayaan dan satu penipuan oleh syarikat-syarikat gergasi ini bukan sahaja kepada kerajaan, khususnya kepada rakyat yang terlibat secara langsung dengan kawasan-kawasan tanah yang diambil.

Ini masalah yang kita hadapi dan kalau ini dibiarkan saya tengok rakyat kita menjadi seperti pepatah Melayu menyatakan 'kera di hutan disusukan, anak diriba ditinggal-tinggalkan' Jadi apakah Yang Berhormat ingin menegaskan meminta kerajaan supaya kelonggaran yang ada seumpama ini, *loophole* yang ada seumpama dengan izin diberhentikan serta-merta dan meminta syarikat-syarikat gergasi ini menunaikan tanggungjawab kemasyarakatan mereka terutama sekali kepada masyarakat-masyarakat sekitar yang terlibat. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, kita telah dengar rintihan daripada Jerai dengan begitu merdu dan lemaknya tadi dan kita dengar temponya menaik sedikit daripada Yang Berhormat daripada Sri Gading dan tempo yang lebih rancak dikeluarkan oleh Kinabatangan.

Soalannya sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Soalannya ialah, syarikat-syarikat mesti membuat *social contribution* mereka kepada negara ini untuk menghargai dan berterima kasih kepada masyarakat negara ini bukan sahaja kepada kerajaan. Keuntungan yang begitu banyak sekurang-kurangnya jangan tunggu kerajaan buat satu perundangan, jangan tunggu kerajaan memaksa, jangan tunggu kerajaan menggunakan kuku besi ataupun *arm twisting* dengan izin supaya mendapatkan *social contribution* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi banyak penjelasan. Ini, dalam soalan etika, dalam etika syarikat. Ini juga dalam bidang pengurusan syarikat dalam segi etika iaitu *social contribution* syarikat yang menunjukkan etika yang tinggi, etika yang baik akan mendapat keuntungan yang jauh lebih besar dan di samping itu mendapat sokongan daripada politik, sokongan daripada kerajaan dan sokongan daripada masyarakat.

Saya boleh sebutkan '*Coming' Private Limited* umpamanya, sekarang menjadi satu syarikat yang begitu besar selepas berpuluh tahun di Amerika, yang mengeluarkan enjin diesel, mempunyai satu rekod kecemerlangan daripada segi *contribution socialnya* Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga contoh syarikat di Amerika ini saya sebutkan, yang mana....

Tuan Salahuddin bin Ayub: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu Yang Berhormat ya. Saya kadang-kadang lima minit, yang kawan lain setengah jam.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini kadang-kadangnya itu. Jadi Yang Berhormat, saya akan beri peluang. Jangan bimbang. Jadi, syarikat-syarikat ini telah buat *social contribution*, dia buat teater dia, macam mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi untuk membangunkan budaya, membangunkan ciri-ciri kebudayaan masyarakat, sama ada masyarakat Melayu, masyarakat India, masyarakat Cina. Budaya Malaysia ini, kita bangunkan, kita rancakkan, kita mengingatkan supaya jangan hilang ditelan dek zaman oleh kerana kita mengejarkan kekayaan sahaja semata-mata.

Di samping itu, kita jangan lupa yang fakir miskin sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai, menyeluruh sekali rancangan dan pandangan yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, Sri Gading. Yang Berhormat bagi Kinabatangan sekarang menyebutkan di kawasannya Kinabatangan, bahawa syarikat gergasi yang besar-besaran mendapat untung ratusan juta tetapi, masyarakat setempat kerja pun tidak ada.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, kalaulah ini berlaku saya aturkannya, carilah cara macam mana hendak buat, supaya syarikat-syarikat ini tahu dan diajar sedikit. Tidak boleh Yang Berhormat. Tidak boleh. Orang tempatan sekurang-kurangnya diberi pekerjaan, diberi keuntungan, diberi pulangan daripada pengorbanan mereka, hutan mereka, tempat mereka, tanah mereka diambil dan diserahkan dengan syarikat-syarikat gergasi yang besar-besaran ini. Kalau tidak, kerajaan bagilah satu syarat yang tertentu. Kalau tanah yang diberi itu adalah tanah kerajaan, berilah satu syarat yang tertentu supaya pulangan ini secara wajib diberikan kepada syarikat ini dan diberikan satu syarat yang tertentu supaya orang tempatan diberi latihan, diberi pengalaman, diberi pendidikan supaya dapat menduduki satu-satu tempat yang tertentu, walaupun dalam dunia perdagangan, walaupun dalam dunia perniagaan dan dunia *business* ini kita tidak kisah sangat. Mata kita melihat tanda kewangan itu sahaja.

Akhirnya nanti, kita akan menyembah duit, kita menyembah wang dan kita lupa tugas dan tanggungjawab kita. Masyarakat peniaga mesti ingat, ini negara tempat mereka duduk, di sinilah tempat mereka, langit yang mereka menjunjung dan kita tidak boleh membiarkan perkara ini berlaku. Kerajaan mesti mengambil satu inisiatif, membuat syarat-syarat yang tertentu agar syarikat-syarikat ini mengetahui tugas dan tanggungjawab, obligasi mereka memberi kepada *social contribution* yang boleh mendatangkan nikmat kepada masyarakat yang tempat mana mereka wujud dan beroperasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Santubong. Saya rasa Yang Berhormat bagi Santubong, macam Yang Berhormat bagi Mambong jugalah. Insya-Allah, kita boleh mendapat banyak ilmu dan input baru sebagai suatu pengetahuan kita di dalam Dewan yang mulia ini.

Semalam, saya tertarik dengan kata-kata Yang Berhormat bagi Santubong tentang *theory of need* iaitu tentang bagaimana Abraham Maslow menggariskan ada lima parameter di dalam keperluan manusia ini.

- (i) tentang rasa dan keperluan keselamatan;
- (ii) tentang keperluan sosial;
- (iii) tentang rasa keupayaan dan
- (iv) kemuncaknya adalah nirwana diri ataupun tahap pencapaian manusia di dalam kehidupan mereka di dunia ini.

Dan sudah tentu salah satu daripada parameter ini, mekanismenya adalah memiliki tempat kediaman dan rumah yang selesa, yang disebut juga oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Ketereh, bahawa ini adalah merupakan tanda kebahagiaan manusia di dunia ini ialah memiliki rumah yang luas dan rumah yang diberkati Allah S.W.T. Dalam kita membincangkan perkara ini, tentang keperluan kita memiliki sebuah rumah untuk keluarga dan generasi kita yang akan datang, dalam Dewan yang mulia ini, kita membincangkan tentang keperluan pegawai kerajaan dan rakyat untuk mendapat sebuah rumah yang menjadi impian mereka. Suatu rumah untuk satu isi rumah ataupun konsep *a roof over their head* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat bagi Santubong, pada 12 September 2003, Perdana Menteri Malaysia pada waktu itu Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad berkata, kerajaan akan mengambil alih semua pembinaan perumahan kos rendah dan sederhana di seluruh negara melalui satu syarikat iaitu Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Dalam ucapan itu, beliau juga telah menegaskan beberapa projek yang akan menjadi *benchmark*, yang insya-Allah pada waktu itu, mungkin beliau dan niat beliau untuk melihat satu projek yang berjaya untuk mengatasi masalah perumahan, khususnya bagi pegawai kerajaan, khususnya mereka yang berpendapatan rendah, pegawai rendah kerajaan, polis dan tentera yang hari ini masih ramai lagi yang menduduki kawasan-kawasan setinggan dalam negara kita.

Oleh itu, beliau telah mengatakan bahawa satu projek perintis sebanyak 10,000 unit rumah mampu dimiliki berasaskan konsep baru ini akan dilaksanakan di atas tanah seluas 1,000 ekar milik Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di Lembah Klang. Satu lagi ialah beliau menegaskan kerajaan akan membina 91,213 rumah kos

rendah dan sederhana membabitkan kos berjumlah RM558.8 juta pada tahun 2004 untuk memenuhi keperluan tempat tinggal golongan yang berpendapatan rendah.

Kerajaan juga menurut beliau memperuntukkan RM669.1 juta untuk meneruskan pembinaan 2,500 unit rumah untuk tentera dan 44 projek perumahan bagi anggota polis. Sementara itu, RM38 juta turut disediakan bagi pembinaan kuarters guna sama di sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Pada 21 Mei yang lalu ketika mengumumkan Pakej Strategi Baru Ekonomi, beliau mengumumkan bahawa Syarikat Perumahan Negara Berhad akan diberi tanggungjawab membina 150,000 unit rumah kos rendah dan sederhana di seluruh negara hingga tahun 2005.

Jadi, saya berharap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, apabila menggulung perbahasan rang undang-undang ini, akan memberikan laporan *progress* apa yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu, supaya impian ataupun hasrat kerajaan untuk menyelesaikan dan membantu rakyat Malaysia untuk mendapat rumah ini, iaitu satu rumah untuk satu isi rumah ini dapat menjadi suatu kenyataan. Saya hormati Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat bagi Santubong. Satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah tentang adakah patut.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila habiskan Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Ya. Akhir sekali, adakah patut seorang yang membeli sebuah rumah, rasionalnya iaitu peruntukan di bawah Perjanjian Sewa-Beli dan Akta Pemaju Perumahan (Pengawalan dan Pelesenan) yang menyatakan hak pemaju untuk mengenakan caj bunga pada kadar 10% kepada pembeli setiap hari di atas jumlah kelewatan pembayaran yang ditetapkan. Ini saya rasa, merupakan suatu perkara yang perlu untuk kita atasi bersama supaya setiap orang yang ingin memiliki rumah impian ini, mereka diberikan laluan mudah, tidak dibebankan dengan banyak sangat halangan, *constrain*, kerenah birokrasi yang menyebabkan impian ini tidak dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong, boleh jawab sebelah petang?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang ialah jam 1.00 tengah hari. Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dewan disambung semula. Yang Berhormat bagi Santubong dijemput menyambung ucapan. Banyak lagi Yang Berhormat?

2.31 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya akan meringkaskannya Tuan Yang di-Pertua. Ucapan yang ringkas dan saya akan ringkaskan lagi tengah hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Insya-Allah, saya akan tamatkan ataupun menggulung ucapan saya dalam masa 10 ke 15 minit, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak beri jawapan kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Memang betul kata Yang Berhormat bahawa *theory of need* yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu di bawah *Proposition Abraham Maslow* yang mengatakan *theory of need* ini, *social, security, psychology* dan *higher need* seperti *actualization* dan *self esteem* dan sebagainya.

Di samping itu kita juga mempunyai banyak teori seperti *Gold Sitting Theory*, *Reinforcement Theory*, *Equity Theory* dan *Expectancy Theory* yang dipelopori oleh Herzberg, *The Two Factors Theory*; dan Clayton, *All The Power Theory* ataupun *Existence Related and Growth Theory (ERG)* dan *McClelland's Theory of Achievement Power and Affiliation*.

Jadi, ini semua teori di bawah pengurusan *human resources*. Saya berterima kasihlah, perkara yang dibangkitkan Yang Berhormat bagi Tangga Batu itu memang ada hubung kait dengan soalan pengurusan *business*.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi sebenarnya sudah banyak dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading, Kinabatangan, Jerai dan beberapa lagi Ahli Parlimen Barisan Nasional kerana ketidakpuasan, bahkan rintihan yang disebut juga oleh Pensiangan berhubung dengan apa yang dijanjikan oleh pihak-pihak itu termasuk perjanjian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang lepas hendak membangunkan sesuatu tempat dan belum lagi terlaksana pembangunan ini, ada hubung kaitnya mungkin dengan birokrasi-birokrasi kerana masalah tanah. Sebagaimana Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sedia maklum adalah kerajaan negeri dan pengurusan dasar dan harapan serta aspirasi kerajaan itu dibuat oleh Kerajaan Pusat.

Kerajaan Pusat mempunyai cita-cita yang suci dan murni tetapi kadang-kadang daripada pelaksanaannya, *planning*, *approval* dan berbagai-bagai lagi dan sekarang ini ditambah lagi soalan-soalan keperluan yang lain iaitu kita sebutkan tadi iaitu keperluan air, elektrik, telefon dan tahun 1995 dimasukkan lagi satu keperluan iaitu Bomba juga perlu juga dimasukkan, semua kemudahan ini perlu dibuat dan kita mesti membuatnya.

Menyentuh soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands semalam yang belum saya sentuh tadi ialah rakyat Malaysia mesti mendapat kemudahan rumah ini, ini barang pasti.

Tuan Yang di-Pertua, kita memastikan kerajaan memang serius untuk setiap rakyat Malaysia mesti ada rumah sendiri untuk keluarganya tidak mengira sama ada di ladang atau di bukit-bukau mana pun, mesti ada rumah sendiri untuk kediamannya, rumah yang dibekalkan dengan api, air, telefon dan keselamatan yang tertentu seperti spesifikasi bomba dan sebagainya.

Ini memang perkara yang tidak dinafikan, kerajaan mempunyai tujuan yang murni dan ikhlas itulah sebabnya kenapa SPN ini ditubuhkan dan kalau ada kelemahan dalam SPN itu saya memohon kepada pihak kerajaan untuk melihat adakah ia daripada segi *expertise*, kekurangan pegawai-pegawai atau peruntukan kewangannya? Beritahulah kepada pihak kerajaan supaya perkara ini boleh diatasi dan diselaraskan. Kalaulah kepakaran yang kita cari, carilah orang yang mempunyai

kepakaran yang tertentu daripada segi *business*, persepsi, visi dan misinya, semua kita boleh buat. Kerajaan mempunyai

Tuan Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu]* Yang Berhormat, saya akan cadangkan Yang Berhormat diberi peluang untuk bercakap. Dalam masa 10 minit ini saya akan menamatkan ucapan saya. Minta maaf Yang Berhormat, ya. Boleh maafkan saya? Ha! Boleh, boleh. Saya akan cadangkan. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Tuan Yang di-Pertua jangan lupa, ya? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya boleh pertimbangkan nanti.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, soalan mengenai kelulusan *planning* dan sebagainya, disentuh juga tadi oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan bahawa kalau satu kawasan yang besar seperti dilancar dan diluluskan oleh pihak kerajaan negeri umpamanya, tolonglah jangan lupa Kerajaan Pusat dan kementerian-kementerian. Kalau kliniknya perlu, klinik mesti dibina, kalau sekolah itu perlu, sekolah itu mesti dibina.

Saya sendiri sudah membangkitkan satu masalah iaitu di Sibu umpamanya dan di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak wujudkan satu *township* tetapi tapak sudah diluluskan untuk persekolahan, persoalannya sudahkah Kementerian Pelajaran mengambil perhatian, klinik, adakah Kementerian Kesihatan telah mengambil perhatian? Bahawa peruntukan tanah telah kita sediakan untuk bandar baru ini akan ditubuhkan di kawasan Santubong untuk dibina sekolah dan klinik dan kemudahan-kemudahan awam yang lain, yang perlu didapati oleh masyarakat yang menghuni *housing estate* itu, dan kita tidak boleh menafikan keperluan-keperluan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin Kerajaan Malaysia bersikap terbuka dan bersikap sayang terhadap rakyat, bukan rakyat *friendly*, ini sayang terhadap rakyat, cintakan rakyat. Perkara ini hanya mungkin *hiccup*, dengan izin di kiri dan kanan, sedikit sana sini oleh kerana birokrasi. Kalau birokrasilah yang akan menghalangnya minta tolong kepada mereka yang berkhidmat di jabatan kerajaan, tengokkan birokrasi ini, *we are fighting for your welfare*, soal gaji, soal perumahan dan

apa sahaja tetapi kemudahan rakyat ini jangan dilupakan dan tidaklah dianggap sebagai perkara yang remeh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Parlimen yang telah menyampuk saya tadi dan membantu saya dalam perbahasan saya yang banyak begitu ringkas sekali, banyak disampuk kawan-kawan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: dan memberi idea-idea yang bernas kepada saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Masuk ke dalam Dewan dan berdiri]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Apa baru masuk sudah berdiri ini? *[Bercakap ke arah Yang Berhormat bagi Jerai]* Orang kata 10 minit sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sabah Bernam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sudah janji tadi, Santubong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah 15 minitlah. Caj 10 minit sudah habis.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, saya hendak habis ni. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada Jerai, Sri Gading, Kinabatangan dan juga Batu Tangga *[Disampuk] [Ketawa]*. Tangga Batu dan juga daripada Ke...

Seorang Ahli: Ketereh.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ketereh, ha, jangan Kertehlah *[Ketawa]*. Ketereh. Daripada Pensiangan, Kudat, Cameron Highlands dan sebagainya. Dan saya akhirnya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah suka mendengar cadangan, rintihan kawan-kawan. Harap pihak kerajaan, pihak kementerian dan kawan-kawan dalam barisan kerajaan itu mengambil berat apa yang kita sebutkan tadi. Jangan biarkan kami bercakap di sini perkara serius. Jerai

walaupun dia kata – *deliver* dengan cara *humor*, *deliver* dengan cara senyum dan ketawa, jangan dianggap perkara ini remeh. Jangan suruh dan biarkan kami bercakap di sini, seolah-olah perkara ini macam *talk show*, tunjuk sendiri - tidak. Hakikatnya kita serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, macam hendak beri ucapan perpisahan.

[Dewan gamat dengan ketawa]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kita serius.

Seorang Ahli: Menggulung, menggulung.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini menggulung Tuan Yang di-Pertua. Ini betul-betul menggulung. Ini betul-betul menggulung ini kerana Presiden *Backbencher* datang ini, kena tunjuk sikit. Kita mesti mengambil tindakan yang wajar, yang perlu, yang penting untuk tuan-tuan sekalian dan untuk rakyat kita dan untuk wakil-wakil rakyat di sini tidak hilang kredibiliti dan dapat dipilih pada pilihan raya yang akan datang dan Kerajaan Malaysia dianggap kukuh, kuat, *credible* dan Perdana Menteri kita insya-Allah, kita akan selesa selepas ini. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kudat.

2.42 ptg.

Tuan Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk bersama-sama membahaskan dan seterusnya menyokong pindaan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 yang telah dibentangkan pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, akta untuk meminda Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 ini yang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini adalah bermaksud untuk membolehkan penssekuritian pinjaman perumahan kerajaan yang bernilai RM25 bilion dalam bentuk bon yang dikenali sebagai *Mortgage Backed Security* dalam jangka masa 25 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat yang bertanggungjawab, kita tidak ada halangan untuk menyokong pindaan ini kerana saya percaya penssekuritian Pinjaman Perumahan Kerajaan ini akan memberikan beberapa faedah seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu bertujuan untuk memantap dan membangunkan pasaran bon tempatan khususnya meningkatkan aset

mudah cair dan mudah tunai dan membolehkan kerajaan memperolehi kos pembiayaan yang lebih rendah. Perolehan ini akan membolehkan kerajaan meningkatkan perolehan aset mudah tunai yang akan disimpan dalam *Consolidated Funds* untuk digunakan bagi membiayai projek-projek kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pensekuritian melalui penerbitan bon tempatan ini, sedikit sebanyak akan membebaskan Malaysia daripada bergantung kepada pinjaman luar negara untuk membiayai projek-projek kerajaan yang sedang berjalan lancar. Jika kita melihat kembali apa yang telah berlaku kepada rantau Asia Tenggara, khususnya negara Malaysia pada tahun 1997 semasa *currency attack* berlaku yang didalangi oleh spekulator-spekulator mata wang, Malaysia telah terselamat berbanding dengan kebanyakan negara-negara jiran.

Ini semuanya bukan hanya sekadar kecekapan, kemampuan dan kebolehan kita menangani krisis ekonomi tersebut melalui pelbagai aplikasi ekonomi yang berani tetapi juga kerana negara memiliki hutang luar negara yang agak rendah. Jumlah hutang luar negara kita pada tahun 1996 hanyalah di tahap 30% daripada GNP dan manakala *Debt Servicing Ratio* kita hanyalah di sekitar lebih kurang 6% di bawah atau *well below* penunjuk arah yang telah ditetapkan oleh *International Monetary Funds*.

Saya pasti jika negara menimbunkan hutang luar negara yang begitu banyak seperti setengah-setengah negara seperti Turki, Indonesia dan Argentina, kita tidak akan mampu bertahan daripada serangan spekulator-spekulator mata wang asing ini. Pinjaman luar negara bukan sahaja mendedahkan negara kepada keperluan membayar faedah seperti yang ditetapkan oleh negara peminjam tetapi yang lebih berbahaya lagi ialah *foreign currency domination loans* yang dipinjam ini adalah amat terdedah dengan *fluctuation* mata wang yang boleh membawa kerugian besar kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, pensekuritian wang pinjaman perumahan ini juga akan menggalakkan pembangunan sistem pembiayaan berasaskan kewangan Islam dan aktiviti kewangan ini sepatutnya diberikan galakan sebagai alternatif kepada Sistem Kewangan Kapitalis Neoliberal yang diamalkan sekarang. Sejak dua dekad yang lalu, Malaysia bukan sahaja telah menyediakan sistem perbankan Islam tetapi juga telah melangkah ke pasaran modal Islam iaitu *Private Debt Securities* atau Sekuriti Hutang Swasta. Sehingga November 2003, aset sistem perbankan Islam telah mencecah

RM80.1 bilion. Daripada jumlah tersebut, 40% daripadanya adalah terdiri daripada *Private Debt Securities*, dengan izin, yang berasaskan Islam.

Pensekuritian Pinjaman Perumahan Kerajaan ini adalah bertujuan untuk membantu menyediakan persekitaran yang mengizinkan kepada pertumbuhan membangunkan bon yang berasaskan pembiayaan Islam. Saya percaya, dengan persekitaran pembiayaan pinjaman perumahan yang berasaskan pembiayaan Islam sebanyak RM25 bilion ini, akan memberikan suntikan yang besar kepada pembangunan yang berasaskan syariah ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini sebenarnya adalah selaras dengan pembangunan pesat sistem pembiayaan Islam yang telah tumbuh melebihi 300 buah di seluruh dunia dengan aset anggaran USD262 bilion. Peningkatan kesedaran terhadap kepentingan dan keampuhan sistem pembiayaan yang berasaskan Islam ini telah menarik juga *international players*, dengan izin, sehingga indeks saham utama dunia seperti Dow Jones dan Futchi sendiri telah memulakan indeks berasaskan Islam ini. Di Malaysia, kita telah memiliki indeks syariah yang telah pun diperkenalkan sejak 1999 dan saiz bon-bon Islam mewakili 30% daripada keseluruhan bon-bon yang belum dijelaskan di dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah mengenai tujuan pensekuritian pinjaman kemudahan ini. Apakah matlamat kerajaan mendapatkan aset kecairan yang melebihi RM25 bilion ini? Walaupun saya percaya kerajaan amat bertanggungjawab untuk membelanjakan dan menggunakan wang ini, namun saya ingin mencadangkan supaya hasil penjualan bon ini digunakan untuk membina lebih banyak *affordable houses*, dengan izin, yang boleh dibeli oleh rakyat dan diagih-agihkan khususnya kepada mereka yang berkhidmat dengan kerajaan dan badan-badan swasta kerana rata-rata mereka ini mempunyai sumber pendapatan dan gaji yang tetap dan memiliki *repayment capabilities*.

Tuan Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Tuan Abdul Rahim bin Bakri: Pembinaan lebih banyak rumah seperti ini akan juga membantu menjana ekonomi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Saya tertarik dengan kenyataan di mana perlu kita menyediakan *affordable houses* untuk rakyat kita khususnya kakitangan awam. Soalannya ialah apakah tafsiran atau definisi *affordable houses* dan berapa pula harga yang dicadangkan oleh Yang Berhormat kerana ini adalah satu yang subjektif. Mungkin ada orang anggap rumah rakyat ini RM20,000 itu murah. Ada yang kata murah itu RM150,000. Saya rasa ini adalah satu perkara yang subjektif. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kudat. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. *Affordable houses* yang saya maksudkan di sini adalah rumah-rumah yang didirikan, yang mampu dibeli oleh rakyat khususnya mereka yang berpendapatan tetap. Manakala rumah-rumah yang didirikan khususnya bagi penduduk luar bandar ianya adalah tertakluk di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin dan ini adalah merupakan tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan agensi-agensi tertentu. Manakala untuk pegawai-pegawai kerajaan dan juga kakitangan swasta dan badan-badan korporat, *affordable houses* ini adalah bergantung kepada kemampuan mereka untuk membeli. Sekiranya mereka berkemampuan untuk membeli rumah-rumah dengan harga misalnya RM100,000 dan ke atas dan mereka mampu, saya percaya inilah *limit* ataupun yang boleh disediakan oleh pemaju-pemaju perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah saya menjawab soalan? *[Ketawa]* Menteri jawablah nanti sebab itu adalah tugas Menteri.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ketereh bangun.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat atas cadangan dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Burung pulang ke sarang, ayam pulang ke reban, kambing biri-biri pulang ke kandang, manusia pulang ke rumah penginapan. *Affordable* yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, burung cara burung, kambing cara kambing, ayam cara ayam, manusia cara manusia. Bezanya manusia ada banyak peringkat. PPRT satu kumpulan, kakitangan rendah kerajaan satu kumpulan. Kakitangan tinggi kerajaan satu kumpulan, para bentara dan pegawai-pegawai yang ada di sini satu kumpulan. Ahli-ahli Parlimen satu kumpulan.

Maka persoalan yang ingin saya minta penjelasan, apakah kita tidak memikirkan suatu skim yang menyeluruh, yang mana rakyat termiskin boleh menumpang, rakyat terendah boleh menumpang, yang kaya boleh menumpang dan yang lain-lain juga boleh mendapat manfaat yang sama. Saya mencadangkan supaya Yang Berhormat mencadang dalam ucapan Yang Berhormat, suatu skim yang menyeluruh yang disediakan oleh kerajaan supaya rakyat akan sentiasa ingat kepada perbuatan kita yang membantu segenap lapisan masyarakat daripada yang terkaya kepada yang termiskin. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat bagi Ketereh, walaupun saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Ketereh, tetapi pada realitinya masyarakat kita adalah mempunyai strata masyarakat yang tidak sama kerana di dalam sistem yang kita amalkan, iaitu sistem *capitalist and democratic system*, maka sudah tentu ada perbezaan di antara pendapatan masyarakat. Ada yang mampu membeli rumah yang kos rendah, dan ada pula yang hanya mampu membeli rumah kos sederhana. Dan bagi mereka yang kaya, mereka yang berkemampuan, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, tokoh-tokoh *korporat*, menteri-menteri dan banyak lagi golongan yang berkemampuan mereka ini mempunyai kemampuan untuk membeli rumah yang lebih baik dan lebih termampu oleh mereka. Jadi, adalah merupakan suatu kesusahan kalau sekiranya kita menyediakan satu skim perumahan yang merangkumi kesemua strata kumpulan masyarakat ini. Kita harus menyediakannya dasar kepada kemampuan mereka.

Masyarakat luar bandar seperti yang saya jelaskan tadi adalah masyarakat yang mempunyai kemampuan kerana mereka rata-rata bergantung punca pendapatan yang tidak tetap. Mereka ini adalah daripada golongan petani, nelayan dan juga golongan-golongan rendah. Dan adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan rumah-rumah ini kepada mereka, kerana mereka tidak mempunyai kemampuan dan kebolehan untuk meminjam kepada bank. Bank mengenakan berbagai-bagai syarat kepada mereka, mereka tidak akan dilayan oleh bank-bank ataupun syarikat-syarikat kewangan. Manakala mereka yang berada di dalam sektor perkhidmatan kerajaan dan swasta, mereka ini mempunyai kemampuan, mereka mempunyai keupayaan untuk membayar, mempunyai *repayment capabilities*.

Oleh sebab itu, maka adalah wajar bagi kerajaan dan agensi-agensinya menyediakan selain daripada swasta yang berdasarkan kepada motif keuntungan, kerajaan, syarikat-syarikat kerajaan ini menyediakan rumah-rumah yang termampu dibeli oleh golongan-golongan ini. Saya percaya Syarikat Perumahan Negara sepatutnya memikul tugas ini. Mereka sepatutnya mengambil tugas dan tanggungjawab kerana mereka tidak sepatutnya menjadi syarikat yang berasaskan dan bermotifkan keuntungan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Ini ada beberapa persoalan yang saya hendak minta penjelasan. Pertama, kita melihat apa pun sistem perumahan yang dilaksanakan kalau tidak ada penyelarasan dan soal penyelenggaraan dia, *delivery* dia tidak teratur, rasa saya sistem itu tidak berkesan. Contohnya di negara kita ini, kita ada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada Syarikat Perumahan, ada itu dan ini. Di peringkat negeri pun ada. Masalah yang berlaku sekarang pertembungan seolah-olah menjadi rebutan siapa pula memberi rumah untuk rakyat. Sedangkan kerajaan cuma satu Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Masalah yang berlaku iaitu kegagalan agensi-agensi kerajaan ini menyiapkan rumah-rumah tersebut sehingga terdapat banyak projek perumahan tergendala.

Di kawasan saya contohnya jelas sehingga hari ini 300 buah rumah seharusnya siap tahun lalu, sehingga hari ini baru 45%, sekarang kerja dia diberhentikan sebab alasan-alasan yang tidak munasabah. Jadi, apakah Yang Berhormat ingin atau berhasrat mencadangkan kepada kerajaan supaya penyelarasan memberi rumah di negara ini diurus oleh satu badan sahaja. Kerajaan-kerajaan negeri tidak dibenarkan lagi berurusan, berhubung dengan rumah-rumah untuk awam, sebab masalah ini menyusahkan rakyat. Kita mahu mengadu dengan siapa. Contohnya Sabah, apabila kita berhubung dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Persekutuan, dia cakap ini kuasa negeri. Negeri ada buat apa? Jadi, ini masalah yang kita hadapi.

Affordable houses Yang Berhormat cadangkan tadi, adakah Yang Berhormat mempunyai maklumat iaitu negara mana yang telah melaksanakan program *affordable houses* ini dan bagaimana penerimaannya. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Beliau telah memberikan cadangan yang begitu bernas saya kira kerana sebenarnya apa yang berlaku sekarang seperti yang telah beliau jelaskan wujud seolah-olah persaingan dan wujud ketidakadanya penyelarasan di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan dalam usaha untuk menyediakan perumahan untuk rakyat ini.

Sebab itu saya bersetuju dengan beliau dan ingin meminta kepada kementerian ataupun pihak-pihak yang berwajib untuk menyelaraskan, kita wujudkan sahaja satu jabatan ataupun suatu agensi yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah perumahan rakyat ini dan berkaitan dengan *affordable houses* yang telah dibangkitkan oleh beberapa rakan termasuklah dari Kinabatangan dan rakan-rakan yang lain tadi, saya percaya ini bukanlah perkara baru, di negara-negara yang terdekat sekali seperti di Singapura, mereka mempunyai apa yang dipanggil HDB Houses ataupun *Housing Development Board Houses* dan rumah-rumah ini telah berjaya sebenarnya menyelesaikan masalah setinggan. 30 tahun dan 40 tahun yang lalu semasa Singapura keluar daripada Malaysia, masalah setinggan ini masih lagi wujud di negara tersebut. Tetapi hari ini kita tidak akan dapat melihat lagi setinggan-setinggan ini dan ini saya akan jelaskan dalam ucapan saya selepas ini.

Demikian juga di Taiwan, mereka juga telah menyediakan *council houses* kepada orang-orang yang tidak berupaya ini.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Lipis dan Sabak Bernam.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam kita sepanjang hari berbicara mengenai isu madu dan racun. Hari ini kita berbicara mengenai isu mimpi dan realiti. Ditambah lagi pula dengan kepuasan zahir dan batin.

Sebenarnya tidak ada siapa yang akan mempertikaikan bahawa semua orang hendak memiliki rumah lebih-lebih lagi dalam negaranya sendiri. Dalam konteks

rumah yang sesuai untuk semua, saya ingat ini satu perkara yang subjektif tetapi Selangor ingin mengongsikan pengalaman untuk menyelesaikan masalah lebih rumah 30,000 unit yang berharga RM42,000. Satu Jawatankuasa Khas telah pun ditubuhkan dan daripada jawatankuasa ini dengan pelbagai bantuan daripada pihak kerajaan, kemudahan yang diberikan untuk rakyat kerana kerajaan prihatin terhadap isu rakyat umpamanya membenarkan bayar RM1 boleh dapat kunci daripada institusi kewangan dengan jaminan RM100 juta daripada kerajaan negeri.

Dalam konteks ini, sebanyak 22,000 unit rumah lebih telah pun diselesaikan. Saya hendak maksudkan di sini bahawa Jawatankuasa Penyelarasan ini sebenarnya penting dan ia tidak bertembung ataupun tidak timbul soal *overlapping* tetapi ia boleh menjadi saling pemantapan. Oleh kerana itu memang kita sangat bersetuju dan dalam konteks ini, saya ingin sedikit mengembalikan isu yang dibangkitkan pada pagi tadi fasal relevan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat adakah Yang Berhormat hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Saya akan ke situ. Saya akan ke situ insya-Allah sebab saya hendak balik kepada pengalaman Selangor tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payahlah Yang Berhormat. Sekarang bukan peluang untuk Yang Berhormat berucap, hanya boleh minta penjelasan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat bagi Kudat ini bersetuju supaya Jawatankuasa Penyelarasan itu harus diwujudkan yang mengandungi Persekutuan dan negeri yang mempunyai bidang kuasa yang khusus supaya dapat menyelesaikan segera masalah ini. Terima kasih.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, saya bukan sahaja bersetuju malah sebenarnya saya mencadangkan seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi ialah mewujudkan suatu agensi pusat supaya masalah penyelarasan dan sebagainya ini tidak akan timbul lagi.

Kita mahu menyelesaikan masalah rakyat, masalah yang terpenting di sini ialah masalah perumahan.

Disebabkan itu, apa yang berlaku sekarang ialah seperti yang dijelaskan tadi, wujudnya bermacam-macam masalah kerana tidak ada penyelarasan. Jadi, penyelarasan ini sebenarnya boleh diselesaikan sekiranya ada satu agensi tunggal yang melaksanakan tanggungjawab ini. Ini boleh diselesaikan melalui kerjasama kerajaan-kerajaan negeri dan juga komitmen dan *political will*, dengan izin daripada Kerajaan Persekutuan sekiranya kita benar-benar serius untuk mengatasi masalah mereka yang tidak berumah dan mereka yang hidup ataupun tinggal di rumah-rumah setinggan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bera dan Jerai pun bangun, ada dua yang minta laluan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat bagi Bera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hujung sana dahulu.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Bera. Tak apa. Bera.

Tuan Ismail Sabri bin Yaakob: Bera dahulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan mengenai perlunya ada satu agensi pusat bagi membantu kerajaan negeri di dalam membina rumah-rumah mampu milik oleh rakyat di negeri. Pihak Kerajaan Persekutuan telah pun menubuhkan Syarikat Perumahan Negara bagi memastikan objektif ini berjaya.

Sepatutnya pihak SPNB bersama dengan kerajaan negeri membina rumah-rumah bagi rakyat di negeri di seluruh negara. Tetapi masalahnya, SPNB nampaknya gagal di dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Banyak negeri-negeri yang akhirnya tidak boleh bekerjasama dengan SPNB. Misalnya di dalam soal rumah mampu milik ini, peruntukan diberi begitu banyak RM300 juta dan sebagainya.

Pergi kepada kerajaan negeri. Apa yang SPNB minta yang saya difahamkan premium tanah hanya RM100 satu ekar, infrastruktur perlu dibuat oleh kerajaan negeri, SPNB hendak untung semata-mata. Tanah hendak murah, *infra* dibuat oleh kerajaan negeri dan tanah yang diberikan bukan sahaja dibuat untuk rumah murah harga RM35,000, tetapi di buat *mix development* seperti *private sector* yang lain. Ada rumah *low cost* di luar bandar berharga RM35,000, RM42,000 untuk rumah bandar. Dalam tanah yang murah diberi premium rendah tadi, *low medium cost* RM60,000

hingga RM70,000 dibuat, medium cost RM80,000 hingga RM90,000 dibuat, *shoplot* pun dia boleh buat.

Tugas dia tidak ada beza dengan *private sector* tetapi dia tekan kerajaan negeri supaya beri premium rendah, *infra* dan sebagainya dibuat oleh kerajaan negeri, ini yang menyebabkan gagal. Setuju atau tidak kalau saya katakan bahawa yang menggagalkan usaha kerajaan ini adalah agensi kerajaan yang dilantik sendiri iaitu SPNB sendiri yang tidak peka dengan harapan yang ada pada ketika itu, jadi SPNB yang menggagalkannya. Setuju atau tidak.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sebenarnya segala kekecewaan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bera sebentar tadi mengenai kegagalan SPNB ini akan saya huraikan juga di dalam ucapan saya ini. Saya tersangat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Bera dan sebenarnya bukan sahaja sebenarnya sekarang ini kita ada mempunyai SPNB, tetapi ada juga apa yang dipanggil Jabatan Perumahan Negara.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [*Bangun*]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Apakah perlunya lagi ada Jabatan Perumahan Negara kalau kita sudah mengadakan agensi SPNB ini? Saya fikir ini tidak perlu. Di kerajaan-kerajaan negeri pula ada lagi dipanggil Lembaga Perumahan dan Pembangunan Bandar (LPPB). Apa perlunya ini semua? Kenapa tidak segala *resources* yang kita miliki ini disatukan semua untuk membangunkan rumah-rumah rakyat atau *affordable houses* ini untuk kepentingan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, Lipis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Bagi Lipis dahulu, selepas itu saya tambah, dia sudah lama minta laluan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya, Lipis.

Seorang Ahli: Kesihan, berilah Lipis dahulu.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Kasihan Lipis. Tuan Yang di-Pertua, tadi ada yang bercakap mimpi menjadi realiti, yang ini realiti menjadi mimpi. Banyak agensi ditubuhkan tetapi ada satu institusi, apabila tanah di ambil, kononnya janji untuk buat rumah tiba-tiba syarikat yang dijanji, tanah diberi oleh kerajaan untuk buat rumah kos rendah, tiba-tiba syarikat ini patah kandar di tengah jalan.

Jadi tanah telah diambil tetapi rumah tidak siap, syarikat entah ke mana, jadi setuju atau tidak Yang Berhormat dari Kudat bahawa apabila kejadian-kejadian kerajaan mesti mengambil balik tanah itu, mesti ada *clause* supaya tanah tersebut diambil balik, tidak ditinggalkan terus dan *direcover*. Sekian.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Lipis, saya amat bersetuju dengan cadangan itu kerana kalau sekiranya kita tidak mengambil tindakan-tindakan yang tegas maka inilah yang telah menimbulkan masalah kekurangan dan penyediaan rumah-rumah yang sepatutnya menjadi idaman rakyat ini. Jadi, saya amat bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Lipis.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya, Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, orang belum bangun sudah minta penjelasan. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebenarnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap tetapi terpanggil untuk berucap dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tunggulah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya dengar kawan-kawan hari ini lebih kurang macam seniman. Bahasa-bahasa yang begitu tinggi maknanya dan menyayukan hati untuk membela....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya tidak ada soalanlah? *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ada, Yang Berhormat, kerana mimpilah, sedihlah, realitilah, *engineering*lah, semua-semua itulah bahasa-bahasa yang kita keluarkan untuk membela rakyat.

Saya hendak ambil contoh, okey kita hendak bersetuju meluluskan Rang Undang-undang ini demi untuk kebaikan rakyat. Walaupun tidak ramai menteri ada tidak apa, ada seorang Timbalan Menteri; seorang, dua orang Setiausaha Parlimen ada, okey, okey, tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat semalam Yang Berhormat hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, saya kalau boleh apabila menteri ramai, dalam Kabinet mereka boleh menyuarakan apa yang kita bersuara.

Tidaklah seorang menteri itu bercakap, menteri lain kata betul, saya sokong dan apabila Kabinet bersetuju jadi senang kerja.

Jadi, kita lihat kebanyakan, Tuan Yang di-Pertua, tanah-tanah ini kadang-kadang asalnya milik kerajaan. Tidak kiralah Kerajaan Negerikah, Kerajaan Persekutuankah, Kerajaan Wilayahkah, tetapi diberi kepada syarikat-syarikat besar untuk buat pembangunan, pembangunan yang besar-besar, pembangunan yang mengelokkan dan mengindahkan dan di situ kita isilah orang-orang yang kaya duduk di situ. Tetapi kita kena ingat macam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kita ini, tanpa pencuci longkang, longkang akan tersumbat, bandar Kuala Lumpur akan semak, bandar Kuala Lumpur akan bau busuk dan *tourist* pun tidak mari. Tetapi kita ingat atau tidak dengan pencuci longkang yang gajinya begitu rendah, dia hendak duduk di mana? Kadang-kadang naiklah motor, nasib baik.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan lupa ya! Kudat yang berucap sekarang ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, saya akan tengok kepada Tuan Yang di-Pertua tetapi nanti saya tengok Kudat, Tuan Yang di-Pertua marah saya pula!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham tetapi Yang Berhormat tidak ada soalan, hanya ingin berucap sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya ingin memperjelaskan kepada Kudat untuk menambah hujah-hujah dalam hujahnya [*Dewan menjadi riuh dengan ketawa*] untuk disalurkan kepada menteri-menteri.

[*Timbalan Menteri Penerangan (Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin) masuk ke dalam Dewan*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hah! Itu Menteri masuk Yang Berhormat, ini menteri *heritage*. [*Ketawa*] Kita ada hero Hindustan pula. Jadi tanah-tanah ini milik kerajaan, jadi apa salanya kerajaan, okey kita bagi kepada satu syarikat perumahan atau syarikat apakah bina tanah-tanah ini dalam kawasan bandar. Jadi, bagi kepada syarikat-syarikat yang membuat rumah dengan harga yang berpatutan fasal tanah itu yang mustahak itu, Tuan Yang di-Pertua, melalui Kudat, rumah yang dibuat ini selalunya kos tanah itu yang mahal.

Jadi, berbalik tadi contoh saya kata kalau yang kerja berpendapatan rendah mereka bekerja di bandar raya ini. Tetapi mereka hendak duduk di mana, terpaksa

duduk nun jauh, kalau kerja pukul 8.00 pagi sebelum subuh mereka terpaksa keluar daripada rumah untuk sampai ke bandar raya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tidak ada soalan....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalannya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat duduk, nanti saya beri peluang untuk Yang Berhormat berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bagi ya? Bagi saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beri Yang Berhormat bagi Sri Gading. *[Ketawa]*

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Jerai. Izinkan saya meneruskan ucapan.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan lebih banyak rumah-rumah atau *affordable houses* yang saya telah maksudkan tadi akan juga sebenarnya adalah merupakan satu usaha yang dapat membantu menjana dan merangsang ekonomi negara. Ini adalah kerana bidang pembinaan khususnya pembinaan-pembinaan rumah akan mampu memberikan *spin off economy*, sekurang-kurangnya kepada 150 sektor yang melibatkan sektor-sektor pembekalan, sektor perundingan, sektor pembinaan dan banyak lagi sektor-sektor yang terlibat. Ini adalah merupakan sesuatu yang sepatutnya digalakkan kerana ia akan memberikan peluang bukan sahaja kepada rakyat untuk memiliki rumah tetapi juga akan memberikan peluang kepada sektor-sektor ini menikmati kek ekonomi.

Saya percaya sekiranya kerajaan bersungguh-sungguh untuk membangunkan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, sektor pembinaan bangunan rumah-rumah khususnya rumah-rumah *affordable houses* yang saya maksudkan tadi adalah merupakan satu sektor yang sepatutnya diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada pepatah mengatakan, "Pembangunan ummah adalah bermula dari rumah". Pepatah ini kita sering dengar tetapi bagaimanakah rakyat Malaysia dapat membangunkan ummah dan masyarakatnya dengan sempurna jika masih ramai yang tidak mampu memiliki rumah. Bagi kakitangan kerajaan mahupun swasta khususnya yang berpangkat rendah terlalu ramai yang tidak memiliki rumah walaupun setelah mereka bersara. Sudahlah gaji yang dibayar kepada mereka terlalu rendah khususnya mereka yang bekerja sebagai pembantu am rendah,

pemandu, atendan, polis konstabel, prebet tentera ataupun pekerja-pekerja kilang. Gaji-gaji yang telah yang dibayar kepada mereka ini adalah terlalu rendah dan ini telah menyebabkan mereka tidak mempunyai kemampuan untuk memiliki rumah. Tambahan pula kos sara hidup yang semakin meningkat dan ramai juga mereka ini yang memiliki ahli keluarga yang ramai.

Akibat daripada perbelanjaan yang semakin meningkat maka ramailah daripada mereka ini yang tidak mampu memiliki rumah dan akhirnya terpaksa balik kampung dan mendirikan gobok-gobok buruk selepas bersara. Mereka juga kebanyakannya duduk di kawasan-kawasan setinggian khususnya di kawasan-kawasan bandar atau menumpang dan bersesak-sesak dengan langsung tidak ada keselesaan. Anak-anak mereka pula tidak dapat belajar dengan baik dan tinggal dengan selesa maka dengan sebab itulah masalah sosial seperti budaya lepak di *shopping* complex dan lepak di taman-taman dengan terdedah kepada pelbagai gejala sosial semakin berleluasa.

Inilah *vicious circle*, dengan izin, yang akan berlaku kepada masyarakat kita sekiranya kerajaan tidak melihat masalah ini dan menyelesaikan masalah menyediakan perumahan kepada masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat yang diinginkan dan yang dicita-citakan oleh Perdana Menteri kita yang pertama yang juga Bapa Kemerdekaan Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, beliau ada menyatakan semasa beliau ditanya tentang aspirasi beliau untuk melihat rakyatnya yang telah merdeka ini, beliau talah menjawab dengan ringkas dan bersahaja, "*What I want is to see Malaysian to have clothes but not uniform to live in the houses, but not in the military barrack and to have enough food, but not bullet*". Itulah cita-cita Perdana Menteri kita yang pertama, negarawan kita. Beliau hanya ingin melihat rakyat yang telah merdeka ini, yang telah melalui proses penjajahan selama 400 tahun ini untuk melihat mereka bebas daripada kesengsaraan dan kemiskinan dan aspek menyediakan rumah, asas untuk mereka hidup adalah merupakan cita-cita beliau.

Setelah kita merdeka 40 tahun adalah menjadi tanggungjawab kita untuk meneruskan inspirasi beliau ini dan ingin melihat semua rakyat, 25 juta penduduk rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini mendapat rumah yang mereka mampu miliki dan boleh menyejahterakan anak-anak dan generasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat hairan telah pelbagai agensi ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah perumahan ini, tetapi masalah menyediakan perumahan ini

sehingga hari ini masih jauh daripada selesai. Seperti yang dijelaskan oleh rakan-rakan saya tadi, motif keuntungan sering diutamakan sebagai objektif, manakala motif untuk menyejahterakan rakyat tidaklah begitu ditekankan. Apakah kita terikut-ikut dengan sistem kapitalis liberalisme bebas yang hanya menekankan *survival. for the fittest* .. dengan izin, sedangkan seperti yang saya jelaskan tadi di Singapura, walaupun ekonominya juga berasaskan kepada sistem ekonomi bebas, tetapi mereka telah membelanjakan wang yang begitu banyak untuk menyediakan HDB *houses* atau rumah-rumah, *affordable houses*, rumah-rumah yang dibina oleh *Housing Development Board* milik kerajaan, satu agensi sahaja yang melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini, dan yang jelas telah hampir 40 tahun kita tidak lagi melihat masalah setinggan di Singapura.

Sedangkan di Malaysia kita masih lagi menghadapi masalah ini, kita tidak perlu ke bandar-bandar lain, di Kuala Lumpur sendiri masih banyak kawasan setinggan khususnya yang dimiliki oleh masyarakat bumiputera dan ada juga yang dimiliki oleh masyarakat bukan bumiputera. Kita minta kerajaan bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah ini.

Agensi kita yang telah ditubuhkan iaitu Syarikat Perumahan Negara, namanya sahaja yang gagah, perumahan negara seolah-olah sebuah syarikat yang benar-benar serius tetapi pada hakikatnya, pencapaiannya tidaklah begitu menggalakkan di Sabah misalnya beberapa tahun yang lalu Syarikat Perumahan Negara ini telah mensasarkan kononnya akan membina 30 ribu unit rumah di seluruh Sabah untuk menyelesaikan masalah ketiadaan tempat tinggal dan perumahan yang sesuai bagi rakyat ini, maktumlah kalau pengunjung yang datang ke Kota Kinabalu apabila kita mendarat di Lapangan Terbang Kota Kinabalu, kita masih melihat banyak rumah setinggan. Demikian juga ada yang menduduki di pulau-pulau seperti di Pulau Gaya, yang merupakan satu pulau yang begitu indah, yang sepatutnya boleh dimanfaatkan untuk pelancongan, tetapi pulau ini telah menjadi koloni kepada setinggan-setinggan dan inilah yang sepatutnya diselesaikan oleh kerajaan khususnya melalui agensi yang ditubuhkan iaitu Syarikat Perumahan Negara.

Kerajaan Negeri Sabah baru-baru ini telah terpaksa mengubah haluan kerana Kerajaan Negeri Sabah sudah terlalu lama menunggu kepada Program Pembangunan Perumahan Syarikat Perumahan Negara ini. Syarikat Perumahan Negara, sebenarnya Kerajaan Negeri Sabah telah pun menyediakan sebanyak 14 tapak untuk

dimajukan bagi membangunkan rumah-rumah ini dan telah dimajukan kepada Syarikat Perumahan Negara, tetapi setelah bertahun-tahun lamanya cadangan ini tidak ada satu pun rumah yang telah didirikan oleh Syarikat Pembangunan Negara.

Syarikat Perumahan Negara seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Bera tadi telah mengenakan syarat yang pelbagai kepada kerajaan negeri, misalnya memberikan tanah secara percuma dan memastikan pula ianya berhampiran dengan jalan utama dan kerajaan negeri juga diminta untuk menyediakan kesemua infrastruktur, kesemuanya, sepenuhnya. Sedangkan apabila rumah-rumah ini telah dimajukan Syarikat Perumahan Negara akan melantik kontraktor sendiri dan melaksanakannya sendiri dan menjualnya semata-mata untuk mendapatkan keuntungan. Ini tidak selaras dengan objektif kerajaan negeri ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Memang menjadi bahan bualan oleh masyarakat kita di seluruh negara berhubung kewujudan Syarikat Perumahan Negara ini, ianya pada asalnya ditubuhkan semata-mata untuk membantu menyelesaikan masalah perumahan. Tetapi nampak hasrat murni kerajaan itu bertukar menjadi kebencian, apa masyarakat dalam negara kita di mana unsur-unsur Syarikat Perumahan Negara ini bukan bersifat membantu tetapi menambah lagi masalah.

Jadi pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat daripada Putrajaya sebab telah dilantik menjadi Pengerusi Eksekutif Syarikat Perumahan Negara, mungkin Yang Berhormat mahu mencadangkan mungkin dengan Yang Berhormat ini menjadi Pengerusi mungkin pendekatan mereka berlainan, mungkin kalau dulu ia menjadi bahan bicara sekarang mungkin boleh menyelesaikan masalah. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan dan saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Putrajaya kerana telah dilantik. Saya percaya pelantikan Yang Berhormat Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor seorang yang berpengalaman dan mempunyai *credential* yang

mencukupi. Beliau akan dapat membawa Syarikat Perumahan Negara ini kepada satu hala tuju yang lebih baik dan menyelesaikan masalah ini.

Saya fikir Yang Berhormat dari Putrajaya dalam dua hari ini telah pun cukup menerima *feedback*, maklumat, kritikan dan teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan kekecewaan rakyat, kekecewaan wakil-wakil rakyat terhadap *performance* ataupun pencapaian Syarikat Pembangunan Negara ini.

Kita mahu Syarikat Perumahan Negara bersungguh-sungguh dan tolonglah lihat masalah Sabah ini. Kalau Yang Berhormat pergi Sabah, saya ingat Yang Berhormat pun selalu pergi Sabah, Kota Kinabalu *landing* sahaja di *airport* Kota Kinabalu kita akan dapat melihat di depan Lapangan Terbang Kota Kinabalu itu ada koloni *squatters*. Di tepi pula ada koloni *squatters* Kampung Tanjung Aru, Kampung Sembulan dan juga Pulau Gaya Pondok. Sedangkan kita mahu melihat supaya Kota Kinabalu ini menjadi satu *gateway* kepada Sabah. Kita mahu melihat Kota Kinabalu ini sebagai tempat pusat pelancongan.

Maklumlah di Sabah ini kita tidak mempunyai *manufacturing industry* yang begitu baik seperti mana di Semenanjung. Kita hanya mengharapkan kepada perladangan dan juga aktiviti ekonomi yang baru iaitu pelancongan. Bagaimanakah kita hendak menarik pelancong-pelancong walaupun Sabah ini terkenal dengan kecantikan alam semula jadinya dan pantai-pantai yang indah, tetapi disebabkan oleh gangguan yang menyakitkan mata daripada masalah setinggan ini.

Tuan Ronald Kiandee: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat bagi Beluran, tunggu sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Maka menyebabkan saya fikir tidak memberikan *impression* yang baik kepada Kota Kinabalu sebagai *gateway* ke Sabah. Saya minta Yang Berhormat tengok masalah Kota Kinabalu dahulu, tempat-tempat lain ini seperti Beluran ataupun Kinabatangan, kita tengok juga, Sandakan, Kudat, kawasan saya pun. Tetapi Kota Kinabalu ini kerana Kota Kinabalu *is the gateway to Sabah*. Dalam bandar, masalah setinggan masih berleluasa. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Beluran.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ronald Kiandee: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan syabas kepada Yang Berhormat bagi Putrajaya ini. Saya melihat bahawa dengan pelantikan ini, Yang Berhormat bagi Kudat, SPN akan memfokuskan objektifnya kerana kalau kita tahu SPN mula-mula ditubuhkan untuk melihat perumahan terbengkalai dan dijadikan *breakaway* dan menjadi saingan kepada JPN.

Saya ingin penjelasan *sharing point* dengan Yang Berhormat bagi Kudat, adakah Yang Berhormat melihat bahawa dalam pelantikan yang baru ini, SPN seharusnya melihat objektifnya itu sendiri supaya tidak terlari daripada objektif yang sebenar dan tidak menjadi saingan kepada agensi perumahan yang ada.

Kita lihat bahawa kerajaan menerusi Kementerian Kewangan ini lebih melihat SPN itu sebagai agensi yang akan memberi sumbangan kepada masalah perumahan negara. Objektif dan juga peranan yang dibuat oleh JPN itu yang saya lihat sendiri sebagai agensi yang lebih memberi sumbangan perumahan sosial kepada masyarakat yang berpendapatan rendah yang melibatkan penduduk yang kurang pendapatan diketepikan dalam konteks ini kerana melihat peranan dan jangkaan SPN itu untuk memberi penyelesaian terhadap masalah perumahan negara.

Adakah Yang Berhormat bagi Kudat sependapat dengan saya dalam perkara ini dan juga dalam konteks yang sama, adakah Yang Berhormat juga sependapat bahawa SPNkah atau JPNkah yang dipertanggungjawabkan dalam melihat masalah perumahan negara ini juga harus melihat dalam konteks yang luas, bukan sahaja melihat masalah perumahan di bandar, tetapi masalah perumahan di pekan dan juga di kawasan luar bandar, kerana kita lihat selama ini masalah perumahan seolah-olah wujud di kawasan bandar dan tidak wujud di kawasan pekan dan juga luar bandar.

Ini merupakan pendekatan yang tidak tepat dari pihak kedua-dua agensi ataupun agensi-agensi kerajaan yang ada kerana melihat seolah-olah masalah perumahan cuma wujud di kawasan bandar. Pada hakikatnya, masalah ini wujud bukan sahaja di bandar, di pekan, malah di luar bandar. Adakah Yang Berhormat bagi Kudat sependapat dengan pandangan ini? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Saya amat bersetuju dengan apa yang telah dijelaskan oleh beliau. Seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa apa yang diperlukan ialah wujudnya satu agensi sahaja. Kita tidak memerlukan terlalu banyak agensi untuk melaksanakan

tanggungjawab ini. Apa yang kita perlukan adalah peruntukan yang mencukupi dan pelan tindakan yang benar-benar serius. Ini yang kita perlukan.

Apa perlunya kita mengadakan banyak agensi ini? Kerana apabila kita mewujudkan banyak agensi, maka kita memerlukan perbelanjaan mengurus agensi-agensi ini dengan banyak dan *duplication* atas tugas-tugas ini adalah merupakan sesuatu yang sepatutnya tidak berlaku. Walaupun negara kita ini sebenarnya besar kerana kita mempunyai 13 negeri di bawah *Federation of Malaysia*, tetapi tidaklah sebenarnya menjadi satu masalah kalau sekiranya kita hanya mempunyai satu agensi yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah perumahan, bukan sahaja di kawasan bandar seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat bagi Beluran tadi.

Di kawasan saya sendiri, di kawasan Beluran dan banyak lagi pekan-pekan kecil, ramai daripada rakyat kita yang tidak mampu memiliki rumah, lebih-lebih lagi mereka ini adalah petani dan nelayan, mereka tidak mempunyai keupayaan. Sebab itu saya jelaskan tadi bahawa kerajaan haruslah serius untuk menyediakan peruntukan yang mencukupi, tetapi kadang-kadang apa yang kita lihat *on and off*, dengan izin, sekejap serius, sekejap tidak serius. Peruntukan tahun ini ada, peruntukan tahun depan kadang-kadang orang akan datang berjumpa dengan wakil rakyat dengan saya. Esok saya balik ke kawasan saya memang ada orang akan bertanya kepada saya, hendak minta rumah di bawah bermacam-macam program yang ada sebelum ini seperti PPRT dan juga PPMS, tetapi apabila saya pergi ke jabatan-jabatan kerajaan ini, mereka kata peruntukan belum disediakan. Jadi, bagaimanakah kita hendak menyelesaikan masalah ini.

Tuan Salahuddin bin Ayub: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kudat. Satu lagi isu yang berbangkit bila kita membahaskan isu perumahan ini ialah rumah politik di mana satu peruntukan atau satu kuota yang diberikan kepada parti tertentu dan ini melibatkan rumah kos rendah.

Saya berpengalaman dalam isu ini di mana setiap rakyat Malaysia yang ingin memiliki sebuah rumah kos rendah, prosedurnya ialah satu borang akan diberikan dan

borang ini dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing. Bagaimanakah prosedur yang begitu ketat ini; sebab bukan mudah untuk mendapat sebuah rumah kos rendah dan bagaimana ada di kalangan mereka yang sebenarnya telah ada empat atau lima buah rumah boleh memiliki rumah kos rendah ini yang sudah tentu akan menjejaskan peluang rakyat yang berpendapatan rendah untuk memiliki satu rumah.

Kita juga mengharapkan supaya pihak kerajaan di peringkat *Federal* dan juga di peringkat negeri supaya memastikan dalam usaha kita untuk memberikan keselesaan kepada rakyat, satu rumah untuk satu isi rumah ini supaya rumah politik ini tidak akan wujud lagi. Saya ingin berkongsi pengalaman ini dengan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kudat. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh beliau mengenai rumah politik ini, saya pun tidak begitu arif kerana sepanjang yang saya ketahui Kerajaan Barisan Nasional mempunyai komitmen untuk menyediakan rumah kepada setiap rakyat Malaysia dan memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia di dalam memiliki rumah-rumah ini. Jika ianya berlaku, saya cuma minta bukti, tetapi sekadar yang saya ketahui khususnya di Sabah, walaupun satu ketika dahulu Sabah juga diperintah oleh pembangkang, tetapi saya fikir pemilikan rumah ini adalah diberikan kepada mereka yang sepatutnya berhak iaitu berdasarkan kepada kemampuan mereka untuk membeli dan juga kemampuan dari segi pendapatan dan keinginan mereka untuk memiliki rumah ini.

Berkaitan dengan perkara yang kedua seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya fikir memang perkara ini, walaupun saya tidak mempunyai bukti yang jelas, tetapi saya fikir memang ada penyalahgunaan juga di dalam pemilikan rumah ini kerana ada juga yang khususnya mereka yang berkeupayaan dan berkemampuan cuba mendapatkan dengan cara-cara yang tidak dibenarkan untuk memiliki rumah ini sehingga menyebabkan mereka yang sepatutnya layak untuk mendapatkan rumah tidak memperolehnya.

Mereka mendapatkan rumah-rumah ini untuk kegunaan disewakan semula sehingga ada seorang pemimpin kita yang mengatakan bahawa kita belilah rumah ini dan serahkan rumah ini kepada orang kaya dan orang kaya akan menyewakannya kepada orang miskin. Jadi, kita tidak bersetuju dengan tindakan ini dan saya percaya

kerajaan kita juga memang tidak bersetuju dan yang kita harapkan ialah kerajaan memantau perkara ini dan melihat supaya masalah penyalahgunaan ini jika ada orang-orang yang memiliki lebih daripada satu rumah, sedangkan rumah ini boleh dimiliki oleh orang lain dapat diambil tindakan.

Tetapi dalam soal rumah politik seperti yang dijelaskan itu saya tidak percaya kerana kita memberi orang berdasarkan kepada keperluan pemilik itu sendiri.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sahabat saya dari Kudat tadi telah memberitahu banyak agensi kerajaan yang kononnya mentadbirkan untuk membina seberapa banyak rumah dan kami di Kuala Lumpur ini ada satu lagi agensi iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kuala Lumpur malangnya tidak ada kerajaan negeri tetapi hanya sebuah PBT untuk mentadbirkan ibu negara kita ini. Sekarang alhamdulillah telah diwujudkan Kementerian Wilayah dan saya tidak tahulah sama ada dari segi *administration* akhirnya ada kebaikan yang keluar daripada ini. Tetapi ingin disebutkan di sini seperti Yang Berhormat bagi Kudat katakan tadi, memang di Kuala Lumpur kita pun banyak setinggan.

Lebih daripada 30,000 keluarga setinggan dan adalah disasarkan oleh kerajaan pada penghujung tahun 2005 ada setinggan sifar di Kuala Lumpur. Sekarang tahun 2004 hanya satu setengah tahun lagi sahaja sebelum penghujung tahun 2005 dan kami juga difahamkan bahawa 35,000 unit rumah akan dibina. Maknanya ada *surplus*, dengan izin, lebih kurang 5,000 unit. Tetapi malangnya sekarang hanya adalah dasar untuk menyewa rumah-rumah ini kepada mereka yang tinggal di rumah setinggan sekarang.

Jadi, saya rasa eloklah sekarang tibalah masanya untuk kerajaan menimbang sama ada dasar untuk menyewa ini boleh diubah kepada penjualan kepada mereka yang berkelayakan. Memang kita tahu ada yang akan mengambil kesempatan ini untuk *speculation*, tetapi saya rasa boleh diwujudkan beberapa syarat supaya kita dapat menyekat spekulasi untuk rumah-rumah kos rendah ini.

Satu lagi saya ingin menyentuh iaitu dasar penswastaaan DBKL. Selalunya bila ada tanah-tanah DBKL diswastakan dan ada melibatkan pemindahan rumah-rumah setinggan, kadang-kadang mereka tidak mengambil kira penduduk asal di situ.

Sebagai contoh projek Pekeliling Flat di Jalan Tun Abdul Razak. Projek itu telah diberikan kepada satu syarikat swasta sudah berapa tahun juga tetapi sehingga sekarang tidak dapat dibangunkan, tidak dapat dijalankan walaupun telah keluar berita hangat tahun lalu iaitu mereka telah mendapatkan *bridging finance*, dengan izin, dan juga difahamkan pada asalnya mereka hanya memperuntukkan 200 unit rumah untuk kos rendah.

Kita tahu di Pekeliling Flat itu adalah rumah kos rendah yang pertama yang dibuat di Kuala Lumpur dan di situ ada lebih 1,000 keluarga. Hanya selepas desakan daripada pihak-pihak yang tertentu barulah pihak pemaju telah berubah sedikit perancangan mereka untuk menaikkan sehingga 400 unit. Itu masih berkurangan daripada sasaran asalnya dan juga kami difahamkan bahawa sekarang rumah yang *affordable houses* yang mereka hendak bangunkan ini bermula daripada harga RM400,000.

Jadi, saya rasa ini jauh sekali daripada apa yang dihasratkan oleh kerajaan dan saya menyeru di sini dan saya rasa Yang Berhormat bagi Kudat bersetuju dengan kita, kalau ada dasar-dasar seperti ini ia mestilah menguntungkan beberapa lapisan rakyat dan bukan hanya mereka yang berada sebab mereka yang ada di situ lebih daripada 1,000 keluarga dalam keadaan yang sempit dan ada juga syarat-syarat yang lain. Oleh kerana terlalu banyak syarat, karenah birokrasi telah masuk di situ dan telah menyulitkan pihak pemaju. Kadang-kadang tanah yang ditawarkan juga dengan harga yang tinggi dan selain daripada itu pihak DBKL juga menetapkan syarat 20% daripada keuntungan haruslah juga pergi ke DBKL.

Memandangkan ini selalunya untuk membiayai benda-benda yang lain, pihak pemaju akan tentu sekali menjual rumah dengan harga yang lebih tinggi supaya dapat sedikit sebanyak mensubsidi rumah-rumah yang lain. Jadi, saya rasa elok juga dasar ini kita kaji semula supaya seberapa rakyat boleh memiliki rumah terutama sekali rumah yang 35,000 unit yang telah didirikan oleh MTEN. Sekian.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat bagi Titiwangsa. Saya bersetuju dengan beliau dan saya berharap pihak-pihak yang berwajib *take note*, dengan izin, terhadap cadangan dan juga teguran yang dikemukakan oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang telah ditimbulkan oleh Syarikat Perumahan Negara khususnya di negeri Sabah yang telah menjanjikan tetapi tidak

melaksanakan janji yang sudah di buat ini telah menyebabkan Kerajaan Negeri Sabah begitu kecewa sehingga baru-baru ini Ketua Menteri saya telah mengubah haluan untuk berusaha pula dengan Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan berharap jabatan ini akan lebih proaktif untuk membantu golongan yang tidak berumah ini.

Tetapi saya percaya apabila hari ini kita telah diberitahu Yang Berhormat Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Ahli Parlimen bagi Putrajaya sudah dilantik menjadi Pengerusi Eksekutif dan sekiranya beliau dapat menggerakkan semula, saya fikir Kerajaan Negeri Sabah akan kembali kepada beliau untuk bersama-sama menyelesaikan masalah perumahan ini.

Saya minta Jabatan Perumahan Negara ini diintegrasikan dengan Syarikat Perumahan Negara ataupun Syarikat Perumahan Negara ini dibubarkan.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri:.....untuk diintegrasikan dengan Jabatan Perumahan Negara supaya ada satu sahaja agensi perumahan yang akan melaksanakan untuk mengelakkan duplikasi tugas. Kita ada agensi kerajaan negeri, ada agensi penyediaan perumahan Dewan Bandaraya seperti yang telah dijelaskan tadi. Apa perlunya ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Seputeh bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Hari ini baru saya tahu Yang Berhormat bagi Putrajaya telah dilantik menjadi *Executive Chairman* kepada Syarikat Perumahan Negara. Jadi, adakah rang undang-undang ini harus dijawab oleh beliau yang duduk di sana dan saya juga ingin bertanya apakah kriteria pelantikan beliau sebagai *Executive Chairman* kepada Syarikat Perumahan Negara? Bukan sahaja pelantikan ini, saya juga hendak menyoal tentang kriteria pelantikan *Board of Director* untuk Syarikat Perumahan Negara dan dari manakah datangnya dana untuk Syarikat Perumahan Negara dan juga adakah akaun Syarikat Perumahan Negara dibentangkan di Parlimen sama seperti dana dan juga organisasi yang lain kerana ia melibatkan wang dari kerajaan?

Jadi, pada pandangan saya, yang sebenarnya Yang Berhormat bagi Putrajaya yang dahulu menjadi Ketua Bahagian UMNO Seputeh, dia memang tahu masalah setingan dan juga sesetengah aduan di kawasan Parlimen Seputeh, khususnya

penduduk setinggan yang telah dijanjikan rumah gantian bagi projek *Kuala Lumpur Linear City* yang telah diketepikan oleh kerajaan.

Mereka diberikan kontrak yang begitu baik sekali di mana mereka akan diberikan rumah gantian di Stadium Bukit Jalil. Tetapi selepas projek itu menjadi terbengkalai semua janji-janji dalam kontrak itu yang disaksikan oleh Kerajaan Malaysia dan juga Datuk Bandar Kuala Lumpur itu sudah jadi semacam kertas kosong, yang mana mereka tidak diberi apa-apa pun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa tidak patut ditujukan kepada Yang Berhormat bagi Kudat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, saya hendak meminta melalui Yang Berhormat bagi Kudat boleh minta Yang Berhormat bagi Putrajaya sebagai *Executive Chairman* boleh juga mengambil perhatian kepada rintihan para penduduk setinggan di tepi Sungai Klang itu supaya beliau juga akan membina rumah dan menunaikan janji Kerajaan Barisan Nasional kepada mereka. Jadi, saya minta sokongan Yang Berhormat bagi Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat Seputeh, kemampuan untuk menjawab bagaimanakah Ahli Parlimen Putrajaya ini dilantik kerana itu adalah tugas Menteri untuk menjawabnya dan saya tidak mempunyai *qualification*, dengan izin, untuk menjawab soalan tersebut. Berkaitan dengan masalah perumahan di kawasan Seputeh, saya percaya Yang Berhormat bagi Seputeh bolehlah terus berhubung dengan *Executive Chairman* kita yang baru untuk menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan luar bandar sememangnya masalah-masalah rumah yang daif ini masih lagi berleluasa. Pelbagai program telah diadakan dan di antaranya adalah rumah yang disediakan melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin dan Program Perumahan Masyarakat Setempat ataupun (PPMS). Bagaimanapun, yang mengecewakan seperti mana yang telah saya lihat sendiri di kawasan saya pelaksanaan program rumah PPRT dan PPMS ini dilaksanakan dengan sikap sambil lewa tanpa pemantauan yang dibuat dengan rasmi.

Aspek kualiti dan juga kesesuaian bagi pembinaan rumah itu berdasarkan kepada keluarga yang menduduki rumah itu telah tidak diberikan perhatian bersungguh-sungguh. Perumahan ini kebanyakannya pada pandangan saya adalah tidak berkualiti dan tidak dikawal selia dan lebih banyak menguntungkan kepada

kontraktor-kontraktor dan pelaksana-pelaksana daripada memanfaatkan rakyat sebagai pengguna sebenar.

Disebabkan ia dibina dengan menggunakan kayu dan papan yang rendah mutunya dan kualiti pembinaan yang rendah mutunya, ia hanya boleh digunakan beberapa tahun dan permohonan selanjutnya akan menyusul sehingga seolah-olah tidak ada penghujung kepada masalah ini.

Oleh itu, saya ingin meminta kepada kerajaan menyediakan, memantau penyediaan rumah-rumah PPRT dan PPMS ini supaya aspirasi kerajaan untuk mewujudkan rumah PPRT ini akan mencapai matlamatnya. Jika boleh saya ingin mencadangkan supaya semua rumah ini adalah dibuat dengan material konkrit, menggunakan konkrit ataupun menggunakan batu-bata supaya ketahanannya akan lebih lama dan kita tidak perlu membelanjakan berulang-ulang untuk menyediakan perumahan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat bagi Mambong. Ya!

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Saya hendak komen sedikit sahaja tentang rumah PPRT ini. Di kawasan saya pada tahun lepas dan juga pada tahun ini nampaknya pembinaan rumah PPRT ini menggunakan papan lapis yang nipis untuk dindingnya, yang 3 mm tebal dan lantainya menggunakan papan lapis juga, yang 6 mm tebal. Atapnya dibina menggunakan zink yang cukup panas.

Jadi, ini diberi dengan rakyat yang termiskin. Siapa mahu duduk dalam rumah itu? Tambah lagi bahan-bahan pembinaan yang lain seperti kayu sudah reput. Saya sudah menulis surat kepada Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tentang hal ini, tetapi sampai hari ini pun belum dapat jawapan. Apa pandangan Yang Berhormat tentang kerendah ini?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat bagi Mambong, saya bersetuju. Sebenarnya di kawasan saya sendiri, saya telah melihat masalah ini. Saya berfikir bahawa masalah ini hanya berlaku di tempat saya, kerana saya fikir kontraktor-kontraktor itu mungkin membinanya untuk mendapatkan keuntungan yang banyak.

Tetapi apa yang jelas di sini kita tidak harus menyelesaikan masalah ini seperti melepaskan batuk di tangga.

Kalau sekiranya pembinaan ini tidak berasaskan kepada piawaian ataupun spesifikasi tertentu, maka pemantauan haruslah dibuat untuk memastikan rumah-rumah yang dibina ini adalah rumah yang benar-benar dapat menyelesaikan masalah perumahan kepada rakyat. Apa yang saya cadangkan di sini seperti yang saya jelaskan tadi ialah kalau boleh apa salahnya kita sediakan rumah konkrit, rumah konkrit di kampung-kampung supaya rumah konkrit ini akan lebih tahan lama dan bukan sahaja tahan lama tetapi lebih indah, lebih cantik dan ini dengan sendirinya akan mencantikkan lagi kawasan luar bandar kita.

Apabila kita memanggil pelancong-pelancong ke negara kita dan ada mereka yang juga berminat untuk pergi ke kampung-kampung, apa yang mereka lihat rakyat kita ini duduk di rumah yang begitu daif. Kerajaan buat rumah, tetapi buat rumah yang tidak ada kualiti. Saya tidak tahulah, ini saya fikir bukan niat kerajaan, tetapi mungkin pelaksanaannya, *delivery system*nya itu yang tidak betul. Tetapi kalau boleh kita sediakan satu plan ataupun satu spesifikasi rumah yang lebih cantik dan elok, kalau tidak jangan buat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pinjaman perumahan kerajaan. Pada ketika ini ramai pegawai dan kakitangan kerajaan merungut kerana walaupun kadar faedah pinjaman swasta telah menurun dengan banyaknya sehingga mencecah serendah 3% hingga 4% setahun dan disertakan pula dengan pelbagai tawaran, iaitu misalnya *legal fees* yang tidak perlu dibayar atau yuran guaman, namun kadar faedah pinjaman perumahan kerajaan masih lagi tinggi di tahap 4%.

Dengan kerenah birokrasi dan *red tape* yang pelbagai dan kelambatan di dalam menguruskan pinjaman perumahan kerajaan ini berbanding dengan bank-bank swasta yang boleh menyediakan pinjaman ini dalam jangka masa sehari, maka ramai yang sudah tidak berminat dan lebih senang untuk memilih, mengambil pinjaman bank-bank swasta ini. Apakah dengan penurunan yang ketara di dalam kadar faedah pinjaman swasta akhir-akhir ini, maka kerajaan tidak berhasrat untuk turut menurunkan kadar faedah tersebut kepada kadar yang lebih rendah.

Inilah sahaja caranya kita membalas budi kakitangan kerajaan ini. Mereka tidak dibayar dengan imbuhan yang tinggi jika dibandingkan dengan beberapa negara

lain. Kakitangan kerajaan kita masih lagi mendapat pembayaran gaji yang tidak begitu memuaskan sebab itu tiap-tiap tahun mereka meminta bonus. Kakitangan kerajaan ...

Tuan Ronald Kiandee: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran bangun depan itu.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Ramai kakitangan kerajaan yang mengambil pinjaman di bank swasta disebabkan oleh isu yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kudat. Kalau kita lihat bank-bank swasta ini, walaupun kadar *interest* pinjaman itu sekarang ini dimurahkan tetapi banyak perkara yang secara tidak disedari oleh peminjam-peminjam perumahan ini diminta bayar yang tidak sepatutnya. Mereka ini sepatutnya dikecualikan daripada bayaran.

Saya ingin membawa satu *fees* yang dikenakan oleh bank swasta terhadap peminjam yang membeli rumah. Satu daripadanya ialah *Profit On Progress Payment*. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat *Profit On Progress Payment* ini yang dikenakan oleh bank swasta kepada peminjam-peminjam perumahan sebagai satu yang tidak sepatutnya dikenakan dan jika ianya dikenakan harus dikenakan terhadap *developer* atau pemaju perumahan kerana saya melihat bahawa tidak ada sebab perkara ini harus dibebani oleh peminjam dan tidak ada sebab mengapa bank tidak membebaskan perkara ini kepada pemaju perumahan.

Saya melihat ini merupakan satu perkara yang harus dilihat oleh Kementerian Kewangan untuk merujuk keperluan bank untuk mengenakan *Profit On Progress Payment* ini dan saya lihat ini sebagai satu yang harus dibebankan kepada pemaju perumahan. Adakah Yang Berhormat juga sependapat dengan saya mengenai perkara ini? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Yang Berhormat bagi Beluran, terima kasih. Saya sependapat dengan beliau tentang masalah ini dan saya minta supaya pihak-pihak yang berwajib khususnya Kementerian Kewangan dapat melihat masalah ini dan membantu untuk menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta seperti mana yang telah saya sebutkan tadi ialah kerajaan selaras dengan penurunan kadar faedah pinjaman swasta maka kerajaan juga khususnya di dalam bajet yang akan kita luluskan pada bulan September ini untuk memasukkan penurunan kadar faedah pinjaman perumahan pegawai-

pegawai kerajaan ini kepada satu tahap yang lebih baik kerana inilah cara kita untuk memberikan penghargaan kepada kakitangan kerajaan. Tidak boleh tidak kita harus berterima kasih kepada mereka walaupun sebagai pemimpin kita mempunyai peranan tetapi sebagai pelaksana, kakitangan-kakitangan kerajaan ini juga telah bertanggungjawab untuk membantu kita, untuk melaksanakan tanggungjawab dan memastikan negara kita ini maju dan terbukti hari ini Malaysia adalah merupakan sebuah negara dunia ketiga yang terbaik dan penghargaan ini juga haruslah kita berikan kepada mereka. Berilah mereka ini sedikit kemudahan sehingga dengan kemudahan ini mudah-mudahan akan memberikan mereka semangat untuk bersama-sama kita membangunkan negara kita dan juga meningkatkan produktiviti mereka untuk menjamin Malaysia terus maju selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa pensekuritian kumpulan wang perumahan yang bernilai RM25 bilion ini adalah merupakan satu agenda yang penting. Jumlah yang terlibat adalah besar dan sepatutnya sebelum kita meluluskan rang undang-undang ini, maka kita haruslah melihatnya dengan berhemat dan berhati-hati. Penjelasan terhadap maksud pindaan ini sepatutnya dijelaskan dengan lebih awal, rapi dan teratur supaya kesemua kita memahami dan meneliti dengan secara terperinci terhadap pindaan rang undang-undang ini.

Walau bagaimanapun, kita memberikan penuh kepercayaan dan keyakinan kepada kerajaan bahawa usaha pindaan akta ini untuk mensekuritikan pinjaman perumahan kerajaan ini adalah dibuat setelah beberapa kajian yang berhemat dan kita memberikan kepercayaan kepada pakar-pakar ekonomi dan kewangan negara khususnya

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Baru masuk ke Dewan dan melangkah masuk ke tempat duduk]*

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Sekejap. Menteri Kewangan kita yang juga seorang profesional kewangan dan dibantu oleh Gabenor Bank Negara yang sangat mahir dalam pengurusan kewangan. *[Memberi laluan kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya baru masuk, saya hendak duduk.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Oh, baru masuk, *sorry* ya *[Ketawa]*
Tambahan pula pindaan ini tidak melibatkan sebarang perbelanjaan kerajaan ataupun

wang tambahan dan pensekuritian ini tidak akan dibuat sekali gus melainkan ianya dibuat secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan semasa.

Maka dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Terengganu.

4.06 ptg.

Tuan Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana peluang yang diberi untuk membahaskan Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2004 bacaan kali yang kedua.

Saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan berhubung dengan syarat-syarat Skim Pinjaman Perumahan khususnya kepada golongan yang berpendapatan rendah. Di antara syarat-syarat yang tercatat dalam borang pinjaman itu ialah amaun pinjaman maksimum ialah RM20,000 dan mari kita mengambil fikir tentang amaun ini dengan keadaan harga rumah semasa terutamanya di sekitar bandar dan bagi warga kota, jumlah sebanyak ini adalah merupakan sesuatu yang tidak dapat kita membeli rumah-rumah yang selesa dan sesuai atau disebut juga sebagai *adequate shelter for all* yang merupakan satu gagasan dan pemikiran yang telah dibawa oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Perkara yang kedua dalam syarat ini ialah tentang tempoh pinjamannya di antara lima sehingga 20 tahun dan bayaran perkhidmatan dikenakan seperti mana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kudat tadi ialah 4% pinjaman RM10,000 pertama dikecualikan daripada sebarang bayaran perkhidmatan, baki sebanyak RM10,000 kedua dikenakan bayaran perkhidmatan sebanyak 4%. Jumlah pendapatan isi rumah kepada peminjam-peminjam itu adalah di antara RM500 sehingga RM1,200 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang hendak saya tarik perhatian bahawa kemudahan yang telah diberi ini adalah merupakan sesuatu yang amat wajar dan sesuai sekali dan ini adalah menggambarkan satu tindakan dalam konteks masyarakat penyayang ataupun *caring society* dan kita juga merasakan bahawa dengan pinjaman yang diberi ini kalau sekiranya ia dapat mengurangkan masalah-masalah yang berbangkit, ia akan memberi satu kesan yang besar kepada rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah dan ini juga akan memberi satu kesan iaitu *income generating*. Ertinya dengan memiliki rumah yang sesuai, ia boleh memberi kesan kepada *Return On Investment* (ROI) kepada personal, kepada individu itu ertinya ada keselesaan

kehidupannya dan boleh juga menjanjikan cara hidup, *self-esteem*, motivasi dan produktiviti dalam kerja buat mereka dan juga menjanjikan kepada ROI *Social* yakni *Return On Investment Social* yakni bakal mengurangkan masalah-masalah berbangkit dengan perkara-perkara sosial seperti masalah lepak, *vandalisme*, peragut beg, *hooliganism* dan perkara-perkara lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa aktiviti memberi pinjaman dan menyediakan rumah ini harus dijadikan sebagai satu *priority* terutamanya rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana dan ini harus dijadikan juga sebagai saranan matlamat ataupun sasaran utama dan matlamat utama kepada kementerian yang berkaitan. Tetapi isu yang berbangkit di sini ialah pertamanya, lewat penyiapan ataupun projek terbengkalai yang menimbulkan banyak masalah yang baru-baru ini terpampang dalam akhbar dan juga media massa.

Yang keduanya, adalah masalah berhubung dengan penyerahan iaitu lambat mendapat Sijil Menduduki (CF) yang sekarang ini terpaksa pula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita campur tangan berhubung dengan perkara ini. Seterusnya ialah isu tentang *substandard* rumah-rumah yang tidak selamat yang telah diberikan kepada kumpulan yang kurang beruntung dan daif sosio budaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, semalam kita telah dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan bahawa pertumbuhan ekonomi negara kita adalah pada kedudukan yang cukup baik iaitu 7.6% dari segi GDP ataupun KNK kita. Tetapi kemajuan sebegini tidak mendatangkan banyak keistimewaan terutamanya ahli-ahli masyarakat kita yang daif dari segi sosio budaya. Apa ertinya pertumbuhan GDP yang tinggi sekiranya sebilangan besar daripada rakyat yang berpendapatan rendah tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya dan ini kita kembali kepada aspek *liquidity* dan juga aspek-aspek keadilan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, nilai pinjaman iaitu sejumlah RM20,000 itu menimbulkan satu masalah kepada pembeli-pembeli rumah kerana unit rumah di bandar terutamanya jarang sekali dengan harga yang telah disebut itu. Kebanyakan nilainya adalah melebihi RM50,000 dan amat kurang dengan jumlah pinjaman maksimum RM20,000 itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Terengganu, ada yang bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Meneliti, mendengar ucapan Yang Berhormat tadi, lebih-lebih lagi dalam keadaan globalisasi ataupun keadaan dunia tanpa sempadan, apakah Yang Berhormat bersetuju menerima pindaan ini tetapi dengan syarat iaitu diubah kadar pinjaman RM20,000 ini yang tidak relevan, tidak masuk akal dan tidak mendatangkan manfaat kepada kerajaan dan rakyat, dan bermakna dari kadar RM20,000 itu mungkin perlu dipinda kepada RM40,000 barulah tepat sebab bagaimanakah bentuk rumah bernilai RM20,000 dalam bandar, Tuan Yang di-Pertua? Macam reban ayam, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau PPRT di kampung itu bolehlah tetapi bayangkanlah dengan harga tanah di bandar yang meningkat, mahal lagi harga tanah daripada rumah yang hendak diberi oleh kerajaan ini, jadi apa pendapat Yang Berhormat? Adakah Yang Berhormat bersetuju rang undang-undang akta ini dipinda tetapi dengan syarat kadar RM20,000 itu dipinda kepada RM40,000 ataupun RM50,000. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ismail: Terima kasih banyak rakan saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Malah saya mencadangkan satu polisi harga rumah kos rendah ini dikemukakan oleh pihak kerajaan, yakni mengikut kawasan. Di bandar-bandar jarang kita kedapatan rumah yang bernilai RM20,000. Kondominium, apartmen yang ada itu saya kira harganya ialah RM50,000 ke atas atau kadang-kadang boleh mencecah harganya sehingga RM100,000. Sewa bilik kecil sahaja di kota raya ini pun dengan harga RM250.00.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang hendak saya timbulkan di sini ialah dari segi *demand and supply*, dari segi penawaran dan permintaan, terutamanya di kawasan bandar yang sekarang ini kita dapati bahawa populasinya, penduduk kita semakin meningkat dan peningkatan ini memerlukan banyak lagi penyediaan-penyediaan rumah. Malah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pernah menjanjikan satu *key performance indicator* iaitu setinggian sifar menjelang tahun 2005.

Ini adalah merupakan satu keberanian yang telah dibuat oleh kementerian yang berkenaan iaitu tidak ada lagi setinggian di kota raya – sifar setinggian menjelang tahun 2005 dan dalam konteks itu juga dicadangkan bahawa akan membina rumah kos rendah dan sederhana iaitu di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 490,000 buah rumah kos rendah akan dibina dan menjelang akhir tahun 2005 iaitu di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, 479,000 lagi akan dibina. Saya ingin bertanya setakat

manakah jumlah ini yang *menjadi KPI – Key Performance Indicator* kepada kementerian berkenaan telah dapat disempurnakan?

Seterusnya, dalam konteks ini juga, saya ingin menarik perhatian tentang Dasar Perumahan Negara yang telah pun dilaksanakan sejak Rancangan Malaysia Kelima lagi dan saya ingin timbulkan beberapa persoalan yang kritikal. Pertamanya, sejauh manakah keperluan dari segi permintaan dan penawaran itu telah dapat dilaksanakan?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, saya tunggu, dia belum jawab sama ada dia bersetuju kadar RM20,000 itu ditukar kepada RM40,000.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya

Datuk Bung Moktar bin Radin: Itu saya tanya, tunggu.

Tuan Razali bin Ismail: Setuju dah, malah kita cadangkan satu polisi baru pun terutama dari segi kos tadi dan berdasarkan kepada kawasan. Persoalan seterusnya berhubung dengan Dasar Perumahan Negara ialah tanah untuk tapak perumahan, setakat manakah isu tanah ini telah dapat diselesaikan?

Seterusnya dari segi sumber kewangan, dan persoalan seterusnya yang saya hendak timbulkan kepada kementerian berkenaan ialah dari segi teknologi, reka bentuk, bahan dan juga piawaian. Kadang-kadang apa yang dibuat, dibina untuk rumah-rumah kos rendah dan sederhana ini adalah merupakan sesuatu yang *second-class* yang menimbulkan banyak masalah kepada penghuninya dan tidak memberi kepuasan kepada pelanggan.

Selain daripada itu juga ialah dari segi sosial, budaya dan ekonomi, yakni kesan-kesan kepada masyarakat yang berada dalam kumpulan yang rendah dari segi status ekonomi mereka itu. Kadang-kadang ketidakpuasan mereka itu akan membawa kepada masalah-masalah sosial yang lain pula.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian tentang potensi untung yang rendah dalam bisnes membina rumah kos rendah dan sederhana ini. Silakan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Sebelum Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu masuk kepada isu keuntungan membuat rumah, saya ingin

meminta beberapa penjelasan. Pertamanya, rumah adalah merupakan asas kepada suatu keluarga bahagia. Rumah adalah suatu tempat di mana kita berehat dan kemudian kita keluar mencari rezeki. Allah pun berfirman, “Sebaik-baik sahaja kamu selesai sembahyang, maka [*Membaca petikan ayat suci Al-Quran*] keluarlah kamu mencari rezeki Allah”, maknanya kita kena keluar daripada rumah dan rumah adalah keperluan asas manusia. Di rumahlah gejala sosial bermula, di rumahlah juga kerukunan boleh ada, di rumahlah juga melahirkan keimanan, di rumahlah boleh menjadi ibu kepada segala-galanya.

Maka dalam kita menyediakan rumah ini seperti yang saya perkatikan semasa saya mencelah ketika Yang Berhormat bagi Kudat bercakap tadi, *affordability*, yang menjadi masalah kepada kita ialah soal bayaran balik. Soal meminjam boleh, soal membina boleh, soal tempat pun boleh tetapi bayaran baliknya bagaimana? Ada orang mahu duduk di rumah yang indah. Syurga juga menjanjikan demikian, Tuan Yang di-Pertua. Kita selalu mendengar [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud, “Maka akan mengalirlah sungai di bawah rumah kamu”, janji syurga juga begitu. Manusia mahu begitu, haiwan juga mahu begitu, soalnya bagaimana hendak bayar, bagaimana hendak bayar?

Sebab itu apakah Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu akan mencadangkan seperti mana kita tahu, suatu dana yang besar untuk memberikan pinjaman kepada lapisan masyarakat mengikut *affordability* mereka, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, mengikut keupayaan mereka membayar supaya macam yang saya katakan tadi, yang ayamnya boleh pulang ke reban, yang kambingnya boleh pulang ke kandang, yang burungnya boleh pulang ke sarang, yang manusianya boleh pulang ke Rumahku Syurgaku – ‘Rumahku Syurgaku’ yang kita perjuangkan itu, maka apakah Yang Berhormat ada cadangan sedemikian?

Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat sekali lagi supaya mencadangkan agar kerajaan hendaklah benar-benar melihat soal perumahan ini dengan cara yang serius demi untuk kesenangan rakyat kita supaya negara kita menjadi negara contoh kepada dunia dulu, sekarang dan selamanya. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ismail: Yang Berhormat bagi Ketereh, saya amat bersetuju bahawa rumah itu adalah asas kepada pembinaan keluarga yang sejahtera dan bahagia dan rumah juga seperti mana yang saya sebut tadi, adalah merupakan faktor rumah yang baik, yang selesa, yang memadai ataupun *adequate shelter*. Ini adalah

merupakan satu perkara yang boleh menjana pendapatan sama ada kepada keluarga ataupun kepada masyarakatnya dan juga dapat merungkai masalah-masalah sosial. Saya amat bersetuju tentang itu.

Yang seterusnya disebut tentang membayar balik, ini adalah merupakan satu perkara. Apa salahnya kalau sekiranya dengan KDNK kita ataupun dengan GDP kita pada tahap 7.6 peratus itu, tidak payah ada cagaran ataupun tidak payah ada pulangan balik dengan *four percent* tanpa faedah. Barangkali kita boleh mencadangkan demi kesejahteraan rakyat daripada golongan yang berpendapatan rendah, sekiranya ini boleh dilakukan, kalau sekiranya pemberian pinjaman pelajaran boleh kita beri, ada negeri-negeri tertentu yang tidak mengecualikan sebarang bayaran dari segi pengurusan ataupun *interest* itu, saya kira kalau boleh dilakukan adalah merupakan sesuatu yang amat dihargai oleh masyarakat yang daif sosio-budayanya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Yang disebut GDK 7.6 peratus tadi, apa kaitan dia dengan *interest* apa semua. Ini cuma pertumbuhan, unjuran saja. Jadi dia tidak, *it doesn't mean* dia adakan *translate*, itu *per capita income*. Jadi bagaimana itu Tuan Yang di-Pertua, jelaskan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Razali bin Ismail: Ya, saya melihat dari segi pembangunan ekonomi. Itu sebab ia merupakan satu *indicator* kepada kemajuan pertumbuhan negara yang sudah agak baik berbanding dengan dalam keadaan kita menghadapi kegawatan ekonomi dahulu. Jadi dalam konteks itulah, kalau sekiranya kita tidak guna kemajuan-kemajuan dalam sektor itu, sudah kita hadapi, sudah kita capai dan kecapai sedangkan golongan yang berpendapatan rendah itu masih juga begitu.

Seandainya dicadangkan tadi, kalau sekiranya tanpa faedah kepada rakyat yang berpendapatan rendah dalam konteks memberi kepada mereka kemudahan-kemudahan perumahan, adalah merupakan satu pandangan dan saya kira kita boleh bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat mengenai apa yang telah disebut itu. Kemudian perkara yang seterusnya ialah tentang rumah itu sebagai asas.

Saya amat bersetuju sebab ini adalah merupakan agenda *international* yang disebut sebagai agenda habitat, iaitu *adequate shelter for all*, harus dijadikan sebagai

satu agenda supaya kita dapat memastikan seluruh rakyat kita setidak-tidaknya mendapat *affordable* ataupun *adequate shelter* dan untuk memberi satu kepuasan dalam kehidupan rakyat yang boleh pula membawa produktiviti, *performance high*motivasi dan juga boleh menjanakan ekonomi kita dalam konteks yang lebih luas lagi.

Seterusnya saya ingin sambung lagi iaitu beberapa persoalan dari segi keuntungan, potensi keuntungan tadi. Apabila membina rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana ini potensi keuntungannya rendah. Ini membawa kepada sifat dan sikap keengganan pihak pemaju untuk membina rumah dan daripada sifat keengganan ini juga menimbulkan satu lagi kesan sampingan yang lain, iaitu membawa kepada ketidakpuasan hati kepada pelanggan-pelanggannya. Sebab dalam keengganan mereka kadang-kadang spesifikasi rumah yang mereka bina itu juga tidak ditepati dan ini pula membawa banyak masalah dari segi kepuasan orang-orang yang akan memilikinya.

Selain daripada tidak mempunyai persekitaran-persekitaran yang sesuai, selain daripada tidak mempunyai sistem saliran, keadaan kejiranan, pendidikan, rukun tetangga dan juga keadaan yang selamat di persekitaran rumah mereka. Selain daripada itu juga barangkali aspek-aspek kitaran semula bahan-bahan dan sampah juga akan kita dapati di kawasan-kawasan, di mana dengan sifat keengganan pemaju dan juga keadaan pemilik pula tidak memuaskan hati mereka itu, ini menimbulkan masalah-masalah yang lain pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mencadangkan di sini supaya isu pemaju dan pembeli rumah ini dikawal dengan akta pemaju perumahan yang sudah pun sedia ada. Di sini, dalam konteks ini perlu disemak semula, dari segi penguatkuasaan akta pemaju perumahan ini supaya kepuasan kepada pemilik, supaya kita dapat mengawal juga keuntungan dalam konteks yang sesuai kepada pihak yang telah mengusahakan ataupun pihak pemaju ini.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian berhubung dengan pelan tindakan untuk kita memastikan pembangunan yang mapan, yakni yang disebut sebagai *Local Agenda 21* ataupun LA 21, yang ini untuk memastikan di sekitar rumah itu terdapat satu kawasan yang selesa, yang boleh memberi satu ketenangan kepada pemikiran, yang boleh memberi satu ketenangan dan kepuasan kepada pemiliknya. Jadi perkara ini juga harus diambil perhatian terutamanya oleh

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini supaya Agenda 21 ataupun LA 21 ini dapat diberi perhatian yang serius, supaya keceriaan tempatan dan juga kawasan itu sebagai satu kawasan yang selamat untuk dihuni.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ketereh bangun pula. Ya.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Kuala Terengganu kerana memberi saya peluang sekali lagi. Apabila Yang Berhormat Kuala Terengganu menyebut mengenai pemaju perumahan. Saya teringat mengenai soalan semalam di Parlimen, soalan No. 3 yang ditanya oleh Yang Berhormat sahabat saya daripada Puchong.

Soalannya berbunyi:

“3(b) apakah langkah-langkah drastik yang akan diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah-masalah projek terbengkalai.....”.

Jawapannya semalam ialah nombor satu menasihati pembeli supaya tidak membeli, nombor dua menasihati pembeli supaya ada persatuan. Saya tidak sempat untuk bertanya dalam soalan tambahan, apakah tugas kementerian hanya menasihati. Tidakkah kita ada satu kuasa perundangan untuk mengambil tindakan kepada orang yang telah mengambil untung daripada orang yang memerlukan rumah.

Sepatutnya kita ada kuasa yang sedemikian. Mungkin semasa menjawab ini perundangannya tidak ada, sebab itu dia jawab, “menasihati”. Itu kerja kaunselor menasihati, menasihati, sesiapa pun boleh nasihat. Tetapi yang lebih penting kepada kita ialah pembelaan kepada orang yang telah teraniaya. Mesti ada kuasa undang-undang. Dalam kita meminda undang-undang ini, ini harus diambil kira.

Jadi penjelasan yang saya pohon daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu, saya cadangkan supaya penguatkuasaan ataupun perundangan ini perlu diperkukuhkan, supaya tidak ada lagi orang yang mengambil keuntungan di atas kesusahan orang lain, itu maksud saya. Boleh Yang Berhormat jelaskan? Terima kasih.

Tuan Razali bin Ismail: Saya kira menteri yang berkenaan juga boleh memperjelaskan ataupun menyemak semula. Sebenarnya akta demi akta ada yang

kita gubal, dan yang telah saya sebut tadi ialah Akta Pemaju Perumahan 2002. Cuma yang menimbulkan permasalahan kepada kita dan problem yang telah dibincangkan ini telah ditimbulkan berkali-kali, adalah dari segi penguatkuasaannya, iaitu dari segi *enforcementnya*.

Saya amat bersetuju dengan cadangan tadi itu supaya jangan pula kita mendapat keuntungan di atas derita orang lain. Jadi saya kira pihak-pihak tertentu, kementerian tertentu harus memastikan dan melihat benar-benar tentang penguatkuasaan di atas pelbagai akta yang sedia ada. Saya kira setakat itu saja dan saya menyokong....*[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya ada yang bangun.

Tuan Wilferd Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bangun lagi ya?

Tuan Wilferd Madius Tangau: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Ini minta penjelasan sahajalah. Ini ucapan bertali-tali dalam perbahasan Akta Tatacara Kewangan 1997 ini, yang kita bincangkan seolah-olah kita membahaskan Akta Perumahan. Akta yang dibahaskan ini Akta Tatacara Kewangan. Apa fasal sampai soal pelaksanaan perumahan dibahaskan ini? *[Ketawa]*

Saya fikir, saya tidak tahulah Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tetapi kalau Menteri Kewangan menggulung nanti apa yang dia hendak cerita, dia tidak boleh cerita fasal Akta Perumahan, Akta Pemaju, ini Akta Tatacara Kewangan, ini yang dibahaskan. Saya tidak tahu kenapa bertali-tali perbahasan soal ini. Biar kita bahaskan tentang perkara Tatacara Kewangan. Ini soal kewangan bukan soal perumahan, bukan Akta Perumahan, bukan Akta Pemaju. Saya minta sedikit komen, bagaimana Yang Berhormat, ini bekas cikgu ini, tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ismail: Terima kasih. Saya melihat permasalahan ini adalah dalam konteks yang bersepadu, dalam konteks yang menyeluruh. Ia boleh diperluaskan perbincangan sebab ia bertalian di antara satu kementerian dengan kementerian yang lain, sebab itu saya melihat tadi isu ini, isu pinjaman perumahan, ia ada kaitannya dengan strategi pembangunan perumahan, dengan Dasar Perumahan Negara sebab ia tidak dilihat dalam bentuk yang khusus, *very specific dan very optimistic*. Saya melihat dalam konteks yang lebih menyeluruh. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Tanjong.

4.33 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi kesempatan ini untuk mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2004.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini melibatkan isu urustadbir yang baik, yang amat penting dan rakyat perlu diberitahu atas prinsip ketelusan yang lebih dan juga untuk meningkatkan keyakinan pasaran.

Pindaan kepada Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan tahun 1971 ini akan membawa perubahan yang asasi dan haruslah di *scrutiny* dengan rapinya sebelum ianya diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun konsep kewangan seperti *Asset Based Financing dan Mortgage Based Financing* diutarakan untuk memperkenalkan keperluan untuk membawa perubahan kepada Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ini, pendek kata implikasi pindaan ini ialah kerajaan sanggup menswastakan dan *outsource* dan menggunakan *receivables* dalam kumpulan wang ini untuk mendapat sumber wang yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar kerajaan sanggup membuat keputusan untuk *outsource* skim pinjaman perumahan kepada pihak swasta kerana amat terdesak dalam menghadapi kesulitan kewangan kerajaan, khususnya dengan hutang negara yang begitu tinggi dan juga usaha untuk mengimbang belanjawan defisit yang begitu lama belum berhasil lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Mei tahun ini, hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM200 bilion dan keupayaan untuk membayar balik adalah amat terdesak. Nampaknya cara yang dicadangkan untuk menyerahkan *receivables* dalam Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan untuk mengumpul dana adalah amat luar biasa bagi sesebuah kerajaan walaupun amalan ini dipraktikkan dalam sektor kewangan swasta. Saya menyifatkan cadangan kerajaan ini sebagai satu langkah yang *desperate* untuk mencari dana apabila kita melihat kerajaan telah menggunakan pelbagai cara untuk mengumpul dana bagi membiayai perbelanjaan. Lebih-lebih lagi untuk membiayai pelbagai projek raksasa yang mewah dan megah selama ini yang telah membebankan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian lama ini, kerajaan telah menerbitkan pelbagai bon untuk mengumpul dana bagi membiayai perbelanjaan pembangunan. Apakah pihak

kerajaan masih belum dapat memenuhi segala kehendaknya untuk mengumpul dana melalui terbitan bon dan perlu berusaha lagi melalui cara ini seperti menjual *receivables* Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan bagi tujuan memenuhi kehendak dana untuk terus membangunkan negara ini. Mengapa kerajaan perlu mengumpul dana melalui dasar yang sedang dibahaskan ini melalui pindaan kepada Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Adakah cara-cara yang sedia ada, tidak lagi dapat meyakinkan pasaran kewangan untuk membeli bon-bon yang diterbitkan walaupun diberikan *guarantee* oleh Kerajaan Malaysia.

Adakah cara-cara konvensional seperti mendapat dana dari KWSP serta kumpulan-kumpulan wang yang lain tidak lagi mencukupi untuk mengubati kedudukan kewangan yang begitu teruk selepas dasar-dasar kewangan yang diamalkan oleh pucuk pemerintahan yang lepas, yang begitu asyik untuk melaksanakan projek-projek raksasa yang mewah dan megah yang perlu dipikul pembayaran baliknya oleh kerajaan sekarang.

Kita ada melihat beberapa tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri yang baru untuk membetulkan keadaan termasuk membatalkan atau menangguhkan projek-projek raksasa, mewah dan megah yang di luar kemampuan kewangan kerajaan ini. Ini adalah langkah yang bijak memandangkan kemampuan kewangan kerajaan adalah terhad dan menghadapi masalah untuk mengutip dana dari pasaran bon.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah tujuan untuk mengumpul dana sebanyak RM20 bilion ini melalui pindaan kepada akta ini. Saya ingin tahu sama ada *capital* yang akan digunakan untuk membayar hutang-hutang negara ataupun untuk disuntik bagi tujuan pembangunan yang akan membawa kesan pergandaan kepada ekonomi negara? Saya bercadang bahawa salah satu maksud yang boleh dana ini digunakan kelak adalah untuk memulihkan projek-projek perumahan yang terbengkalai yang akan membawa manfaat dan faedah kepada pembeli rumah termasuk yang terdiri dari kalangan anggota kakitangan dan pegawai perkhidmatan awam.

Saya menyeru Kementerian Kewangan untuk menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, apakah mekanisme yang akan digunakan untuk mengendalikan urusan yang diberikan kuasa melalui pindaan akta ini?

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berhubung dengan apakah *structuring* dan *pricing asset base securities* yang akan digunakan oleh kementerian dan apakah nilai aset dalam bentuk *receivables* ini yang berjumlah RM20 bilion akan

digunakan dalam terbitan bon sekali gus ataupun dipecahkan kepada *parcel* yang lebih kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah cara penilaian akan dibuat untuk menetapkan nilai aset yang ada dalam Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Adakah penilaian ini dijalankan berdasarkan nilai pinjaman yang dikeluarkan sejak tahun 1971 kepada hampir 600,000 peminjam yang terdiri dari pegawai dan kakitangan kerajaan termasuk wakil-wakil rakyat ataupun nilai aset ini ditetapkan mengikut nilai dan harga semasa harta iaitu dalam bentuk rumah yang sememangnya membawa satu jumlah nilai yang lebih tinggi berbanding dengan nilai muka pinjaman yang dikemukakan selama ini.

Memandangkan faktor risiko telah diambil kira melalui potongan gaji atau potongan pencen, apakah faktor ini akan diambil kira dalam *exercise* penilaian *Asset Based Securities* yang ditawarkan dalam skim baru ini? Saya ingin tahu dari kementerian apakah *legal structures* dan juga *regulatory aspects* yang akan diperkenalkan bagi *Asset Security Securitization* yang akan diwujudkan selepas berkuatkuasanya pindaan akta ini.

Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, apakah *respond* yang sudah diterima oleh kementerian daripada pasaran bon dan juga sektor kewangan swasta terhadap cadangan dan cara ini untuk mengumpul dana. Adakah pihak kementerian telah mengenal pasti pihak-pihak yang akan mengambil bahagian dalam urus niaga ini?

Selain daripada ini, saya ingin tahu apakah dengan berkuatkuasanya pindaan akta ini akan membawa perubahan kepada sistem pinjaman dan sistem pembayaran balik yang sedia dikendalikan di bawah Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan? Adakah bersama-sama dengan pindaan akta ini, pihak kementerian juga akan merombak semula segala urusan supaya dapat memenuhi kehendak semasa para pegawai dan kakitangan kerajaan yang ingin memohon pinjaman membeli rumah.

Di antara isu yang perlu dikaji semula, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai kelayakan seperti jumlah pinjaman yang sama ada akan ditambah ataupun bilangan pinjaman yang boleh dipinjam bagi *second loan* atau *third loan* dan sebagainya. Saya juga ingin tahu dari kementerian apakah sistem pembayaran balik akan dikaji semula memandangkan bayaran akan dibayar terus kepada pemegang-pemegang *Asset Based Securities* yang mungkin terdiri daripada sektor kewangan swasta seperti bank-bank. Apakah kadar bunga dan tempoh bayaran balik dan juga

tarikh mula berkuasa membuat bayaran dalam sesuatu pinjaman selepas menandatangani S&P dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu dari kementerian, apakah kepentingan peminjam dipelihara sekiranya mereka menjadi mangsa kepada projek-projek perumahan yang terbengkalai? Apakah sebahagian dana yang dikumpulkan ini melalui terbitan bon selepas kuat kuasa pindaan kepada akta ini akan disalurkan balik untuk menyediakan lebih banyak pinjaman kepada orang-orang yang layak, misalnya melalui memberikan peruntukan yang lebih banyak kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad? Itu sahaja yang ingin saya sumbangkan dan saya berharap ini tepat dengan apa yang kita perlu bahaskan dan bukan yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Labuan.

4.40 ptg.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan pindaan Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971. Isu yang akan saya bincangkan Tuan Yang di-Pertua, tidak jauh bezanya dengan apa yang telah dibahas ataupun dibincangkan oleh sahabat-sahabat saya yang di awal tadi, di mana di antara perkara pokok yang ditimbulkan oleh ramai sahabat saya ialah tentang ketidakmampuan memiliki rumah. Saya cuma ingin bertanya satu perkara dahulu kepada kerajaan Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan benar-benar serius ingin melihat rakyat memiliki rumah? Seperti yang kita sering dengar bahawa kerajaan menggalakkan setiap rakyat di negara ini berusaha untuk memiliki rumah.

Saya tersentuh dengan beberapa ucapan yang diucapkan oleh sahabat saya daripada Ketereh tadi, yang mana jelas menceritakan masalah sebenar di peringkat akar umbi. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua ialah, kerajaan harus mencari satu jalan jika kita ingin memastikan rakyat kita memiliki rumah. Kerajaan harus mencari satu pendekatan seperti sahabat saya daripada Ketereh katakan tadi bahawa di negara kita rakyatnya ada pelbagai peringkat, baik dari segi kehidupan dan pendapatan. Tadi kita banyak membincangkan soal kakitangan awam.

Saya rasa masalah untuk mendapatkan perumahan untuk kakitangan awam sebenarnya tidak patut ditimbulkan. Kenapa? Kerana mereka ini kakitangan awam kerajaan. Cuma masalahnya mereka ini berjawatan rendah, bergaji rendah. Yang

menyebabkan sulit untuk kakitangan awam berjawatan rendah, bergaji rendah memiliki rumah ini ialah pertama, dasar kerajaan itu sendiri. Kita ada pegawai yang berjawatan tetap, ada penjawat yang berjawatan kontrak, selepas itu ada pula pekerja yang bekerja statusnya sementara, walaupun ia bekerja 30 tahun sampai pencen pun, status kerja dia tetap sementara. Dan inilah di antara faktor kadang-kadang kenapa kakitangan awam kerajaan tidak dapat membuat pinjaman terutamanya melalui bank-bank komersial.

Saya mendengar tadi sahabat saya daripada Kudat yang menceritakan tentang penssekuritian perumahan yang berjumlah RM25 bilion, contohnya. Sekiranya kita serius untuk menangani masalah rakyat harus ada rumah ini, saya ingat masalah kakitangan awam dapat diselesaikan. JPA harus mencari satu pendekatan untuk menyelesaikan bagaimana yang dinamakan pegawai kerajaan, kakitangan kerajaan, baik daripada Ketua Pengarah hingga kepada peon ataupun posmen ini layak mendapat pinjaman kerajaan. Dengan demikian, mereka tidak perlu runsing untuk dapat pinjaman di luar.

Ini satu sektor sudah boleh kita jaga sebenarnya kalau kerajaan serius ingin melihat rakyatnya memiliki rumah. Yang pegawai kerajaan ini sudah satu kelompok yang sebenarnya kerajaan dapat selesaikan masalahnya, tidak perlu membuat pinjaman selain daripada mendapat pinjaman kerajaan. Cuma yang menjadi masalah pokok ialah jumlah pinjaman, bayaran balik pinjaman yang mungkin jika pekerja rendah awam atau pekerja rendah am contohnya, pendapatan kasarnya mungkin RM800, *take home pay* dengan izin, mungkin RM500 lebih. Kalau kita suruh dia beli perumahan yang bernilai RM35,000, bayaran bulannya RM400, memang dia tidak ada benda hendak makan kalau dia ambil pinjaman komersial.

Akan tetapi seperti apa yang dikatakan oleh sahabat-sahabat saya sebentar tadi, apakah tidak mungkin kerajaan untuk golongan yang betul-betul yang statusnya pekerja rendah am yang pendapatannya di bawah RM1000 ini, kerajaan berikan peruntukan untuk pinjaman perumahan tanpa faedah contohnya, bukan banyak pun. Kita bercerita tentang Petronas *turnover* RM90 bilion contohnya, salah satu agensi kerajaan. Kalau potongannya 10% selepas cukai pun, ada RM9 bilion. Kalau kerajaan larikan RM1 bilion untuk membiayai pinjaman perumahan kakitangan berjawatan rendah, saya ingat jauh lebih dari mencukupi.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Jadi soal pokoknya Tuan Yang di-Pertua, kesungguhan kerajaan. Apakah kerajaan betul-betul ingin melihat rakyat di negara ini memiliki rumah terutamanya yang bekerja dengan kerajaan? Itu satu kelompok. Tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh bangun, Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: *Brother, give me one minute* dahulu. Itu satu kelompok seperti saudara saya katakan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *Brother* itu apa, Yang Berhormat? *Brother* itu apa dia Yang Berhormat?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Abang. Pasal saya dengan Ketereh ini abang – adik. Jadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya apa yang dibahaskan pada hari ini, yang kebanyakannya melibatkan kakitangan kerajaan berjawatan rendah, berpendapatan rendah, kerajaan pertamanya harus minta JPA kaji semula status-status jawatan yang boleh menyebabkan mereka ini tidak layak membuat pinjaman. JPA harus dipertanggungjawabkan memastikan setiap yang dipanggil kakitangan kerajaan seperti yang saya katakan tadi, baik Ketua Pengarahnya hinggalah ke *driver* (pemandu) ataupun penghantar surat (posmen) harus layak menikmati kemudahan kerajaan termasuk pinjaman perumahan. Dan jika had RM20,000 tadi dijadikan sebagai isu pokok, kepada saya sebenarnya ini bukan satu masalah besar. Semua kita tahu yang tidak boleh diubah ini cuma al-Quran dengan Injil sahaja. Yang namanya peraturan manusia ini boleh diubah.

Saya ingin tarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat dahulu kalau hendak beli kereta, pinjaman maksimum 5 tahun. Bila berlaku krisis kewangan 1997, dipanjangkan 7 tahun. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, 9 tahun boleh pinjam kereta. Jadi tidak ada masalah sebenarnya. Seperti kata pepatah '*kalau kerajaan hendak, seribu daya tetapi kalau tidak hendak, seribu dalih*', itu sahaja. Jadi dalam soal pokok menangani masalah perumahan kakitangan awam, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya JPA lihat ini yang kakitangan pekerja rendah am, yang kebanyakannya dilantik sebagai sementara dan sebagainya harus dihapuskan.

Ini berlaku di depan mata saya sendiri di mana arwah ayah saya bekerja selama 35 tahun. Oleh sebab mungkin dia cuma pemandu lori di Jabatan Kerja Raya, sampai meninggal - sementara. Adakah patut kakitangan kerajaan ini yang bekerja

sampai 30 tahun masih statusnya dalam perjawatan sementara. Ini juga harus dikaji kerana bilangan pekerja yang berjawatan rendah ini bukannya sedikit daripada jumlah 800,000 pekerja kerajaan di negara ini. Silakan sahabat saya Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih kakandaku Labuan. Adik – abang macam itulah. Saya merasa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tadi Labuan yang panggil abang.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Oh, adindalah. *[Ketawa]* Silaplah. Begitulah orang adik – abang. Sementara adik, ada yang abang, ada yang adik. Tak apa, itu tidak ada masalah. Itulah Barisan Nasional bukan macam DAP bergaduh sama sendiri. Saya merasa lega bila mendengar ucapan sahabat saya daripada Wilayah Persekutuan Labuan, tetapi saya merasa kaget bila mendengar ucapan sahabat saya daripada.... *[Memandang ke arah belakang]* Sudah keluar ya, inilah tabiat manusia bercakap tinggal – Tanjong, yang mengatakan bahawa hutang negara pada masa ini adalah RM200 bilion. Mana dia dapat *figure* ini?

Hutang negara adalah.... dan dia lupa bahawa wang rizab juga ada sebanyak itu – RM200 bilion juga. Mengikut laporan yang saya ada ini, baru ia mari pagi ini, buku-buku kecil ini. *National Debt – Federal External Debt* – RM34.185 bilion. RM200 bilion, berapa kali bohong itu. Saya baca yang *external* sebab dia kata *external*. *[Ketawa]* *That is the thing*.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Jadi, banyak ini. *I will give you after this*. Selepas ini cakap. *My floor*. Maksud saya bila kita bagi gambaran kepada rakyat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sumber apa itu?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:bagilah satu gambaran...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk Kepong. Dia minta penjelasan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ini *floor* saya minta laluan daripada Labuan. Sebab itu kena duduk selalu di sini. Jangan keluar masuk, keluar masuk. Kita belajar dari orang yang lama, saya orang baru. Jadi, kita beri gambaran kepada rakyat berilah gambaran yang betul. Tengok manusia biarlah dari belakang dan depan, jangan tengok punggung sahaja.

Jadi, Yang Berhormat, yang saya maksudkan kita di sini membincang soal masalah rakyat! Masalah mempertahankan orang yang tidak dapat rumah. Kita mengatakan bahawa orang tidak cukup rumah, kita buat bil ini supaya dapat duit tambahan untuk membantu rakyat lagi, caranya begini dan begitu. Kalau ambil daripada KWSP kamu juga yang marah, kamu juga yang keluar surat khabar, maka kita buat satu lagi cara baru. Yang itu kita bincangkan di sini. Tengoklah masalah negara ini secara menyeluruh, jangan hanya tahu membangkang. Bersetujukah tidak Yang Berhormat?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah sedikit pun sejak jadi wakil rakyat ini bingung dengan pandangan daripada pembangkang ini kerana pemahaman saya secara ringkaslah mereka duduk di sana memang tidak pernah mengiakkan kebaikan kerajaan. Mereka ini kepada saya walau buat jambatan emas di depan pintu rumah mereka sekali pun mereka tidak akan berterima kasih. Jadi, saya tidak hendak pening kepala memikirkan pembangkang ini kerana yang penting rakyat telah buktikan pada pilihan raya lepas kita menang dengan 199 kerusi. Itu buktinya bahawa kerajaan yang ada pada hari ini mantap dan kukuh.

Kedua, saya ingin mengulas sedikit Yang Berhormat bagi Ketereh kata tadi minta pandangan tentang hutang negara. Okay, tentang hutang negara sebenarnya kita tidak perlu bimbang. Di Kementerian Kewangan, di Perbendaharaan, Bank Negara dan sebagainya kita mempunyai pakar-pakar kewangan dan ekonomi yang cukup bijak pandai. Yang menjadi kenyataan hari ini belum ada rakyat Malaysia yang melarat di mana pun di dunia ini sebagai imigran. Kita harus berbangga tidak ada imigran Malaysia di mana-mana di negara ini. Ini menunjukkan negara ini kaya, negara ini tidak susah, tidak bankrap Malaysia ini. Jadi, pembangkang jangan bingung, jangan kelirukan rakyat. Kalau pembangkang keliru tak apalah memang kerja mereka keliru tetapi jangan kelirukan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh bangun, Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: I bagi, *no problem*.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya. Saya hanya hendak tanya tentang hutang negara yang disebutkan tadi itu adakah ia termasuk dengan hutang Barisan Nasional terhadap pencetak-pencetak,

sependuk-sependuk dan juga publisiti material di China itu RM100 juta kononnya, sampai sekarang pun belum bayar.

Beberapa Ahli Pembangkang: Ayoo!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi, adakah ini menunjukkan bahawa sekarang kerajaan kita ini sangat miskin sehingga tidak mampu bayar RM100 juta pun. Bukankah ini satu...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim: malu kepada imej negara kerana pencetak itu kata negara kecil di Afrika pun mereka sudah bayar hutang kepada mereka tetapi Kerajaan Malaysia tidak mampu bayar sehingga sekarang.

Beberapa Ahli Pembangkang: Ayoo!

Puan Teresa Kok Suh Sim: Lebih teruk daripada DAP yang mana kami ini walaupun miskin tetapi kami habiskan bayar semua bil terhadap pencetak semasa kempen pilihan raya. Saya minta pandangan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Seputeh. Tetapi saya tidak nampak, saya tidak tahulah saya tidak pernah bekerja dengan kerajaan dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya tidak nampak logiknya dengan pegawai-pegawai kerajaan di sebelah kiri saya ini, macam mana parti politik boleh menggunakan dana kerajaan untuk mencetak posterkah, apakah untuk kegunaan pilihan raya, saya tidak nampak logiknya. Kalau setakat untuk mencetak saya rasa kita tidak perlu ke China atau ke negara-negara mana untuk berhutang.

Selebihnya, Tuan Yang di-Pertua, mungkin kerana saya percaya kepada realistik, kebenaran. Hutang ini biar berapa pun jumlahnya, kalau kita fikirkan hari ini dengan akal manusia yang wajar tidak terfikir oleh kita bagaimana Amerika boleh menangani masalah bajet defisit yang mereka hadapi sekarang. Korea Selatan 1997 semasa krisis kewangan bukan main teruk keluar daripada masalah kewangan. Malah hari ini cemerlang. Jadi, saya tidak rasa tentang masalah hutang negara kalau setakat RM200 billion saya rasa *is non-issue*, dengan izin, kepada kami Wakil Rakyat Barisan Nasional. Kita yakin pegawai-pegawai kerajaan yang duduk di kementerian-kementerian, Kementerian Kewangan, Bank Negara dan sebagainya pakar dalam menangani masalah ekonomi dan mengurus dana kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin balik kepada perkara pokok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai bangun, Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya belum bercakap. Saya bertanya Labuan, terutamanya Labuan seorang Wakil Rakyat yang begitu sihat. [Ketawa] Bukan 'topui' [Ketawa]. Jadi, bercakap fasal hutang. Adakah Yang Berhormat bagi Labuan bersetuju dengan saya bahawa di zaman dunia menghadapi masalah ekonomi yang begitu teruk, ada negara-negara yang sampai hari ini masih berada di dalam genggaman IMF, masih menjadi pak turut kepada IMF. Tetapi negara kita di bawah pengurusan dan pentadbiran Perdana Menteri dan Kabinet yang begitu *far sighted*, dengan izin, dibantu dengan penasihat-penasihat ekonomi, pegawai-pegawai kerajaan yang bijaksana, tidak termasuk macam Kepong, dia hari ini membisu. Orang memperjuangkan pegawai kerajaan, dia membisu sepatah pun tidak berucap. Bila mai pilihan raya mahu suruh orang mengundi, bercakap tidak.

Jadi, dengan kebijaksanaan ini kita dapat pertahankan negara kita, ekonomi kita membangun dan kita tidak meminta sedekah daripada negara-negara Barat dan kita mempunyai *surplus* kewangan yang mencukupi untuk mempertahankan benteng kita semasa dilanda ombak yang begitu kuat. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju di Labuan sendiri pun dijadikan pusat kewangan. Jadi, ini menunjukkan bahawa RM25 bilion yang kita cadangkan ini oleh kerajaan enteng sahaja. Pokoknya harus dibayar, rantingnya tebang. Jadi, Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa ekonomi negara kita ini insya-Allah, akan terus kukuh, akan terus membangun dan rakyat akan terus menikmati daripada pertumbuhan ekonomi. Silakan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju.

Tuan Speaker, saya balik lagi kepada perkara pinjaman perumahan. Tadi tentang pegawai kerajaan saya telah pun berikan pandangan bahawa kita tidak mahu jadikan isu. Kerajaan harus mengarahkan JPA, lihat sedalam-dalamnya bagaimana cara kita membolehkan bahawa yang dinamakan kakitangan awam kerajaan yang dibayar gajinya oleh kerajaan ini boleh menikmati kemudahan pelbagai pinjaman melalui kerajaan tanpa harus dijadikan isu oleh mana-mana pihak terutama sekali pihak pembangkang.

Yang kedua ialah mereka yang tidak layak meminjam – orang luar yang tidak layak meminjam dengan bank-bank komersial seperti sahabat saya Yang Berhormat bagi Ketereh mengatakan tadi. Katanya, “jangan buat rumah, membayar rumah pun mungkin mereka tidak mampu”. Itu sudah satu kategori. Itu sudah masuk bab kemiskinan tegar, di mana kerajaan membangunkan rumah PPRT.

Tetapi yang boleh membayar contohnya, mereka ini tidak mempunyai *pay slip*. Tidak mempunyai “*Form J*” kerana mereka ini berjaja. Pendapatan tidak seberapa. Kerajaan mahu rakyatnya memiliki rumah.

Saya berdepan, Tuan Yang di-Pertua dengan masalah ini di kawasan saya. Ramai yang ingin membeli rumah, tetapi bila hantar permohonan kepada bank, tidak dapat. Terbengkalai niat membeli rumah dan yang lebih malang itu, dia sudah membayar 10% deposit, bayar wang cagaran, dah lesap. Itu satu bab. Yang gajinya RM2,000 ke atas tidak perlu kita bincangkan. Mereka ini memang layak, yang kerajaannya layak, yang swastanya layak.

Kita membincangkan yang pendapatan rendah dan yang tidak mempunyai dokumen-dokumen yang diprasyartkan oleh bank-bank komersial. Ini yang harus kerajaan lihat, ke mana mereka hendak mengadu dan yang paling sedih bukan sahaja melibatkan masyarakat di bandar, tetapi majoritinya mereka ini ialah masyarakat luar bandar.

Ini Tuan Yang di-Pertua yang kerajaan harus lihat dan kaji. Itu makanya tadi kawan-kawan saya berdentum-dentum menghentam SPNB – agensi perumahan yang ditubuhkan oleh kerajaan. Saya sebelum mengulas tentang SPNB ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada SPNB. Satu bab dahulu, bukan semua bab, tetapi satu bab. Kenapa? Kerana Taman Perumahan Mutiara yang terbengkalai telah dapat saya pulihkan semula hasil bantuan daripada kerajaan melalui SPNB. Itu satu bab.

Saya bersetuju dengan pendapat ramai sahabat saya terutamanya daripada Bera tadi yang mengatakan bahawa SPNB ini masalah dia hendak buat keuntungan. Sudahlah dia agensi kerajaan, hendak buat keuntungan. Ini berlaku di depan saya kerana projek perumahan terbengkalai tersebut melibatkan harta agensi kerajaan yang dahulunya Lembaga Pembangunan Labuan (LBA), sekarang menjadi perbadanan dan kebetulan pula saya menjadi Pengerusinya dan saya nampak betul masalah dia.

Mereka betul-betul, SPNB ini macam lintah. Macam lintah, menghisap darah betul. Kalau boleh, dia hendak daging, kita makan tulang. Ini budaya yang dipakai oleh pengurusan. Bukan dasar, saya hendak salahkan SPNB ini, pengurusan dia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kot dia tengok Yang Berhormat sihat kot. Itu saya nak..... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Labuan teruskan.

Datuk Bung Moktar bin Raden: Jadi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin:..... tak berapa sihat *[Ketawa]* Yang Berhormat, terima kasih. Melihat kepada masalah keseluruhan, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan khususnya Kementerian Kewangan yang menjadi tulang belakang untuk menyusun kewangan bagi kemudahan perumahan, iaitu sudah tiba masanya kementerian dan juga kerajaan merevolusikan agensi-agensinya perumahan ini daripada atas sehingga ke akar umbi. Sebab masalah perumahan ini dihadapi bukan sahaja oleh masyarakat yang berpendapatan rendah, tetapi termasuk juga kita punya anggota keselamatan, tentera, polis dan sebagainya.

Kalau kita bawa melihat berek-berek tentera kita dan berek-berek polis, amat menyedihkan sedangkan mereka ini menggadai nyawa Tuan Yang di-Pertua. Menggadai nyawa mempertahankan kerajaan yang ada, tetapi komitmen kerajaan nampak kurang seperti saya cakap pagi tadi, komitmen kerajaan seolah-olah, "*Hangat-hangat tahi ayam*". Panas sahaja sewaktu dia berak sahaja selepas itu sejuk.

Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya pendekatan yang lebih drastik harus diambil untuk memastikan bahawa semua masyarakat kita di luar bandar, di bandar-bandar yang penjaja tidak ada *income tax return* dan sebagainya, sebab mereka pun perlu rumah. Tetapi tidak ada *income tax return*, jadi permohonan untuk pinjaman ini dipermudahkan, tidak perlu lagi *income tax return* dan sebagainya untuk memastikan setiap masyarakat bangsa kita mempunyai rumah di negara kita.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya setuju. Saya setuju kerana ini memangnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua kami ini Wakil Rakyat susah dan lahir dari keluarga susah. Bezanya bila kami bercakap tentang susah ini, lain daripada orang yang bukan lahir dari keluarga susah, bercakap tentang susah.

Ini mungkin kenapa SPNB gagal kerana mungkin yang jadi SPNB punya MD ini bukan orang susah. Bila orang cakap pasal susah, dia tidak faham. Inilah Tuan Yang di-Pertua seperti kata kami di kampung, katanya, "Susah-susah orang senang tidak sama susah-susah orang susah. Susah-susah orang senang boleh makan *steak*. Susah-susah orang susah hendak makan nasi dengan kicap pun tak boleh". Itu beza dia.

Itu makanya bila mana kerajaan meletakkan pegawai yang salah duduk dalam agensi, inilah jadi dia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan Yang Berhormat.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun, dua yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kalau begitu, pecat CO dia, SPNB ini ganti dengan orang barulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kinabatangan. Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Jerai, Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau Yang Berhormat kata Yang Berhormat susah, saya kurang percaya..... kerana *[Ketawa]* Tengokkan badan, penghabisan susahlah itu. *[Dewan riuh]* Itu tentang senang, makan lebih itu. *[Dewan semakin riuh]*

Ini apa hangat-hangat "*Hangat-hangat tahi ayam*". Memang bila sudah keluar memang sejuk, apa lagi mahu panas? *[Dewan riuh]* Bukan sahaja ayam, orang pun macam itu juga. *[Ketawa]*

Yang Berhormat, mungkin juga nantilah Yang Berhormat [*Ketawa*] mungkin juga dasar ataupun peraturan-peraturan yang telah kitaersetujui atau kita luluskan, membuat pegawai pentadbir menghadapi masalah untuk menguruskan kehendak-kehendak rakyat ataupun kehendak kita. Apakah kita harus mengkaji semula iaitu mungkin Syarikat Perumahan Negara dan sebagainya, kita kaji semula dia punya *set-up*, dia punya peraturan-peraturannya supaya pihak pengurusan atau pentadbiran itu boleh membantu.

Saya percaya penuh pegawai-pegawai kerajaan ataupun pegawai-pegawai yang diletakkan di tempat yang sewajarnya itu dia pun rakyat Malaysia. Dia pun makan nasi macam kita juga. Mungkin kadang-kadang terikat disebabkan oleh peraturan-peraturan. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan supaya kita kaji balik peraturan-peraturan atau peruntukan yang ada di dalam akta perumahan itu, supaya ia lebih dapat membantu pemohon-pemohon dan cadangan-cadangan yang telah kita luahkan tadi itu dapat memberi satu *input* kepada mereka, dan kita harap dengan Pengerusi yang baru, yang memahami supaya dia dapat menjalankan pengurusan syarikat perumahan ini dengan lebih ketelusan dan dapat membantu kehendak rakyat. Terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada, boleh cakap dan boleh jawab nanti. Saya tidak perlulah kerana itu melibatkan bidang kuasa Menteri Kewangan. Saya cuma hendak menambah sedikit lagi tadi daripada ucapan saya, SPNB tidak fokus, tidak fokus, seperti yang ditimbulkan oleh sahabat-sahabat saya tentang rumah mesra rakyat. Kita cukup tertarik apabila dibawa dan dipanggil untuk taklimat kerana rumah mesra rakyat, skim yang diperkenalkan oleh SPNB ini, menyelesaikan sebenarnya masalah orang tidak berkemampuan untuk memiliki rumah. Kenapa? Kerana dia kata dia tidak gadai tanah, dia cuma kaveat. Kalau orang itu berkongsi namanya dalam geran tanah, tidak apa, bagi izin dan geran kita simpan, kita tidak cagar. Ooh! Kalau kita tengok kepada teorinya, ini adalah penyelesaian kepada semua permasalahan yang melibatkan orang yang ingin memiliki rumah tetapi tidak mampu oleh disebabkan pelbagai faktor. Contohnya, dia mungkin mampu dapat pinjaman tetapi tanah dia berkongsi, dan dia tidak boleh cagar, satu hal tidak dapat rumah. Tetapi SPNB telah memperkenalkan satu skim yang cukup cantik tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kalabakan bangun.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua yang bangun, ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:gagal dalam peringkat pelaksanaan. Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saudara dari Labuan. Setelah beberapa jam sejak kelmarin bercerita fasal SPNB. Memang apabila kita sudah bincang dalam Dewan yang mulia ini SPNB mempunyai masalah tetapi Yang Berhormat katakan tadi ia bukannya satu dokumen yang kita tidak boleh ubah. Yang kita tidak boleh ubah mungkin Al-Quran.

Jadi kita sudah dengar hujah-hujah daripada satu ke satu wakil-wakil rakyat ini semuanya mengeluh. Jadi, saya ingin kalau Yang Berhormat boleh cadangkan SPNB ini jika tidak berkesan pentadbirannya maka Syarikat Perumahan Negara ini daripada Pengerusinyakah, daripada MDnya, CEOnyakah, pegawai yang bertanggungjawabkah, tukarlah. Kita minta supaya dicadangkan dia ditukar dan kemudian kita mahu nampak kemajuan-kemajuan dengan pentadbiran yang kita cadangkan yang baru ini. Saya ingat kalau Yang Berhormat bersetuju, terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Saya bersetuju tetapi bukan dengan Pengerusi yang baru, Pengerusi baru, baru dilantik. Jadi biar dikekalkan tetapi kalau MD hendak ditukar, saya setuju kerana bekas Pengerusi SPNB yang lama bercerita secara terbuka bahawa beliau gagal untuk melaksanakan pelbagai perancangan kerana adanya pertelagahan pendapat dengan Pengarah Urusan. Tetapi hari ini mungkin Pengerusi yang baru berbeza kerana dia diberi kuasa eksekutif. Bermakna dia orang nombor *one*, mudah-mudahan kita berilah Pengerusi SPNB yang baru ini untuk melihat kelemahan-kelemahan pengurusan di dalam SPNB.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang melibatkan tentang pembelian rumah yang saya ingat kerajaan selama ini mungkin tidak memberikan perhatian yang serius ialah kejahilan pemaju-pemaju perumahan. Sebagai contoh ini bukan teori atau andaian, projek perumahan yang terbengkalai di Labuan....

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Yang Berhormat, sekejap, Yang Berhormat. Di Labuan contohnya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia belum bagi Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Sekejap sahaja Yang Berhormat. Melibatkan 1,400 pembeli yang projek tergendala, 1,400 pembeli ada yang sampai menerima *notice of bankruptcy* daripada bank. Kenapa? Kerana semua bayaran ke atas rumah yang mereka beli telah dibayar oleh bank kepada pemaju. Saya terpinga-pinga pada tahun 2001 apabila perkara ini timbul di depan saya bagaimana bank boleh membuat *final disbursement* kepada pinjaman perumahan sedangkan rumah tidak siap. Bagaimana soal CF ini dan sebagainya, bagaimana bank boleh, saya gunakan bahasa ini kesat sedikit ya, 'kalau tidak bodoh mungkin dia silap', antara dua yang dia pilih. Dia boleh *disburse final payment* untuk perumahan yang tidak siap, mana silap dia? Dan yang malang itu Tuan Yang di-Pertua, akta yang ada hari ini tidak melindungi nasib pembeli. Pembeli ramai kakitangan kerajaan terpaksa kena potong gaji, apabila mengadu dengan saya, saya tidak boleh tolong. Walaupun mereka ugut dengan undi contohnya, *what can I do*, dengan izin, tidak boleh tolong kerana mereka tidak dilindungi di dalam Akta Pemaju Perumahan. Saya mencadangkan kepada kerajaan, Kementerian Perumahankah, Kementerian Kewangankah, apabila kita bercakap di Parlimen ini membawa masalah rakyat ke akar umbi, jangan catat sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sidang Kesebelas nanti kita datang lagi sama juga, Kedua belas sama juga. Ambil perhatian dan tindakan kalau contohnya ungkapan kata wakil rakyat ini tidak betul, *verify* turun ke bawah. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Ayer Hitam, Ayer Hitam dahulu, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Labuan. Saya tertarik dengan apa yang telah dibincangkan tadi tentang SPNB dan saya memang baru-baru ini mendapati bahawa kerajaan negeri apabila didesak oleh pihak SPNB mereka lazimnya tidak rela untuk membenarkan ataupun mereka ini dalam keadaan terpaksa mereka lebih suka memilih pemaju secara penswastaan untuk memajukan sesuatu tanah daripada terus bagi kepada SPNB. Ini kerana untuk sesetengah kerajaan negeri, mereka juga mensyaratkan pemaju membina rumah kos

rendah dan dari segi kualitinya tidak kurang dan mereka boleh memberikan infrastruktur, tidak perlu kerajaan negeri mengeluarkan kos yang tinggi untuk membina infrastruktur.

Jadi, sekarang ada masalah, kalau kerajaan sekiranya mereka diberi pilihan, mereka rela dengan pemaju penswastaan. Jadi, dalam keadaan ini, apakah perubahan yang perlu dibuat kepada SPMB daripada mendesak Kerajaan negeri dan bagaimanakah mereka boleh bertindak secara proaktif untuk berunding dengan kerajaan negeri supaya mereka ini dapat meyakinkan dari segi kualitinya, dari segi *delivery system* yang lebih baik daripada pemaju swasta melalui sistem penswastaan dan jangan lupa melalui polisi ataupun dasar penswastaan kerajaan negeri akan dapat pulangan. Sebab itulah mereka rela daripada menerima RM100 sebagai premium tanah. Jadi, saya minta ulasan daripada Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Tuan Yang di-Pertua, '*in-fairness to extending*', dengan izin, kerana saya tidak ada kerajaan negeri, saya pulau. Jadi saya tidak berani hendak komen banyak-banyak saya ingat Setiausaha Parlimen nanti tolong jawablah.

Kerana saya tidak boleh komen, dasar itu saya tidak faham, saya tidak ada kerajaan negeri, kita cuma ada perhubungan sahaja. Sekarang baru ada Kementerian Wilayah.

Jadi, kemungkinan apa yang dikatakan oleh Ayer Hitam memang berlaku dan patut dikaji oleh kerajaan tetapi jika melibatkan kualiti, saya ingin bercakap yang nyata kita harus katakan. Dari segi kualiti....

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalabakan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Sekejap lagi. Saya berpeluang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk dahulu, dia belum beri lagi.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Saya berpeluang tentang SPNB ini kerana projek pemulihan. Saya ingat kita mahu kualiti SPNB tidak kompromi, jadi saya melihat projek pemulihan terbengkalai di kawasan saya dilakukan dengan baik dan pemantauan daripada pegawai-pegawai SPNB cukup baik, mungkin rezeki saya.

Kerana mungkin saya Pengerusi Perbadanan, saya juga wakil rakyat dan saya mempunyai hubungan yang rapat dengan QS, mungkin *that is another factor*.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalabakan, silakan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Silakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Yang Berhormat bagi Labuan katakan beri peluang kepada pengurusan baru kerana Pengerusi ada *executive power*. Kemudian Yang Berhormat kata jangan tunggu sampai pilihan raya akan datang. Jadi kita mahu tempoh beri dia satu tarikh, satu masa berapa lama masalah ini boleh diselesaikan? Berapa lama? Tahun 2005 hujungkah selesai atau tunggu masuk pilihan raya yang akan datang di mana kita dibangkit oleh rakyat terhadap perumahan-perumahan ini.

Jadi Yang Berhormat, saya mencadangkan kerana Syarikat Perumahan Negara ini Pengerusinya ada, kadangkala kalau Pengerusinya tidak ada, tidak sihat, dia mungkin tidak boleh menjalankan tugasnya nanti. Jadi saya cadangkan kalau boleh ada Timbalan Pengerusi juga, jadi kita cadanglah kalau boleh Jerai atau Kinabatangan untuk jadi Timbalan, jadi barulah mungkin boleh menyelesaikan masalah-masalah ini. Kalau tidak dapat selesai dua-dua mereka ini yang menjadi Timbalan pun kita ganyang dalam Dewan juga ini. Terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan, saya ingat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan dengarlah sindir-sindir sayang itu. Tetapi saya ingin meneruskan sedikit bahawa SPNB ini saya ingat kerajaan tubuhkan memang baik objektifnya..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bentong, bangun Yang Berhormat.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Labuan, memang memberi kata-kata yang begitu bernas, memberi cadangan yang baik. Ada dua perkara, ini berhubung SPNB yang kita Ahli-ahli Parlimen di sini tertunggu-tunggu jawapan. Yang pertama, rumah mesra rakyat itu, kita semua sudah lama menunggu sejak tahun lalu lagi, tetapi sehingga hari ini tidak ada apa-apa jawapan yang dikeluarkan daripada kementerian mahupun daripada SPNB. Saya rasa kementerian kena beri jawapanlah yang telus dan terang.

Yang kedua, berhubung kerjasama dengan kerajaan negeri. Tadi Yang Berhormat Labuan kata, pulaulah, tidak ada pengalaman dengan kerajaan negeri. Saya hendak beri satu contoh kerana kita ini wakil rakyat, kita susah sangat hendak minta kerjasama SPNB. Lebih-lebih lagi apabila dia terlibat dengan projek-projek kerajaan negeri. Di kawasan saya Genting Highlands, meminta perumahan rakyat berpuluh tahun. Baru-baru ini kita sudah mendesak untuk mendapatkan rumah-rumah sederhana ataupun rumah kos rendah agar membolehkan penduduk-penduduk di sekitar Genting Highlands untuk mendapatkan rumah, *affordable housing*. Ini termasuk juga kakitangan daripada Institut Aminuddin Baki bukan sahaja kakitangan Genting Highlands.

Sekarang kakitangan Genting Highlands ada 8,000 orang, yang saya rasa begitu simpati kerana mereka ini tinggal macam di *pigeon hole, all the hostels*, dan tidak boleh bawa keluarga ke Genting. Kita faham bahawa kita hendak wujudkan, pastikan bahawa kakitangan ini kalau mereka sudah berkeluarga mereka boleh memiliki rumah sendiri, tetapi di sekitar kawasan sana memang tidak ada *housing scheme*, kawasan Genting Highlands, Goh Tong Jaya hinggalah ke Institut Aminuddin Baki - tidak ada. Maka permohonan telah dibuat bertahun-tahun dan kerajaan negeri sudah pun memberi sekeping tanah untuk membina rumah kos sederhana mahupun kos rendah untuk membolehkan pekerja di kawasan sana memiliki sendiri. Malangnya tidak ada orang yang hendak buat, kita minta sokongan Kerajaan Pusat, isu ini sudah sampai ke Kabinet, Kabinet arahkan Genting Highlands buat, kemudian Genting Highlands tidak boleh buat, arahkan kepada SPNB yang buat. Tidak tahulah sampai hari ini siapa dolak-dalik, dan sekarang balik pula ke kerajaan negeri.

Memang kita tahu perkara ini kalau asyik berdolak-dalik, yang teruk adalah rakyat kita, yang teruk adalah penduduk-penduduk di kawasan sana yang telah tunggu lama tidak ada rumah, untuk memiliki rumah ini. Oleh itu saya rasa SPNB ini, kita di sini sebagai Ahli-ahli Parlimen di sini, kita kena gariskan dasar-dasarnya kerana kerjasama dengan kerajaan negeri itu penting dan pastikan bahawa tugas utama SPNB adalah untuk memastikan penduduk-penduduk kita memiliki rumah yang boleh dibayar dengan harga yang sederhana, dan bagaimana kita hendak pastikan kerjasama ini untuk memanfaatkan rakyat, so apakan pandangan Yang Berhormat Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih, Yang Berhormat Bentong, saya setuju kalau Yang Berhormat katakan hendak bekerja dengan SPNB ini - betul saya setuju. Pertamanya dengan pengarah urusannya yang sekarang ini, orang lain tidak pandai dia seorang pandai kerana saya sudah berunding, saya pernah berunding dengan dia ini tentang satu projek perumahan yang saya diberikan peruntukan oleh kerajaan untuk membuat rumah kos rendah. Masa itu Pengerusi dia sudah tukar menjadi Timbalan Menteri Pelancongan sudah, bersetuju kerana *is the win-win situation*, dengan izin, kerana melibatkan dana kerajaan. Tapi memang susah, kalau bab yang itu saya setuju dan bab yang kedua, saya ingat, saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua supaya Pengerusi SPNB yang baru ataupun Kementerian Kewangan sudah mendengar banyak komen tentang SPNB ini, saya ingat disegerakan satu sesi dialog, perjumpaan di antara kami *Backbenchers* ini dengan pihak SPNB terutama di bawah pengurusan yang baru ini, untuk kita tidak berterusan menghentam SPNB di Dewan yang mulia ini.

Dan pasal rumah mesra rakyat, saya tidak faham, sampai sekarang tidak faham, saya pun sama jugalah, itu tadi bila kata terima 20 borang terutama MP yang lepas, saya pun hantar juga 20 borang ini. Saya sampai waktu pilihan raya pernah ditanya bila rumah siap? Orang kampung punya pemahaman pasal kita *explain*, *explain* yang kita jelaskan kepada orang kampung ini, itulah yang kita dengar masa taklimat. Jangan susah, rumahnya gambarnya begini semua ada, kita pun tunjuk orang kampung nampak ah..RM100 sebulan, nasib dia tidak sakit jantung, kalau tak matilah Tuan Yang di-Pertua, macam tidak percaya, "tidak percaya ke", memang tidak percaya pun kerana tidak sampai hari ini tidak apa-apa.

Saya hendak mencadangkan kepada SPNB, sudah puas kita ganyang dia ini, saya hendak sarankan kepada SPNB. Kalau tidak cukup kakitangan untuk buat satu unit, hendak jaga unit rumah mesra rakyat ini - tambahlah, jangan janji kosong dengan kami wakil rakyat, sudah dia berbohong, kita berbohong dan yang rosak kerajaan. Jadi saya lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bila merobah beberapa pucuk pimpinan, GLC dan sebagainya kita tahu dan yakin bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar perkara ini. Jadi kita berharaplah mudah-mudah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga dengar, sebagai Menteri Kewangan, rintihan kita perlu ditukar Pengarah Urusan SPNB ini serta-merta supaya masalah tidak timbul lagi di Dewan rakyat, kerana kita tidak mahu mengkritik SPNB sebagai *Backbenchers*.

Sebab kita tidak ada pilihan Tuan Yang di-Pertua, tidak ada pilihan kadang-kadang sikap *arrogant* mereka ini seolah-olah kami ini macam ketua kampung sahaja dibuat. Sedangkan kita ini dipilih oleh rakyat untuk menang pun, menangislah..

Seorang Ahli: Siapa dia.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan sebelum saya berbalik kepada akta supaya SPNB, kalau kerajaan betul-betul hendak dia berfungsi pertama, biarlah dia menjadi satu agensi kerajaan untuk menangani di mana rakyat tidak berpeluang menikmati pinjaman perumahan daripada bank-bank komersial, SPNBlah tempat kita menyalurkan. Kerana dia sudah ada satu skim yang memang boleh dilaksanakan jika mereka mempunyai keinginan, kesungguhan komitmen. Jadi soalnya serius ke kerajaan hendak menyelesaikan masalah setiap rakyat mesti ada rumah.

Jadi saya berharap supaya kerajaan Tuan Yang di-Pertua, dengarlah pandangan kami ini kalau ada sahabat saya yang *extreme* hendak bubarkan SPNB ini - jangan, jangan bubar dulu, kerana apa kita masih perlukan SPNB, cuma mungkin pengurusannya harus ditukar, itu sahaja. Kerana saya melihat ada satu masalah di mana peminjam yang terdiri dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, daripada orang Melayu majoritinya yang bermasalah untuk mendapatkan pinjaman ini harus kerajaan lihat dengan sehalus-halusnya cara dan bagaimana ianya dapat diselesaikan.

Kita sudah merdeka selama 47 tahun. Jangan beritahu kepada kami bahawa dalam tempoh 47 tahun merdeka ini, kita tidak boleh terfikir pendekatan untuk menyelesaikan bagaimana rakyat boleh memiliki rumah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Labuan, perbincangan ini bagus, boleh sambung minggu depan?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan perbincangan kita selesai. Kita ada Usul Penangguhan.

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 16 (3) Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN**MENANGGUHKAN PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA DAN
TINDAKAN MAHKAMAH KE ATAS REMAJA YANG GAGAL MENDAFTAR DIRI**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Silakan.

5.31 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tangguhkan Program Latihan Khidmat Negara dan Tindakan Mahkamah Ke Atas Remaja Yang Gagal Mendaftar Diri.

Program Latihan Khidmat Negara yang telah mula dilaksanakan pada awal bulan Februari ini telah menimbulkan pelbagai masalah ekoran daripada kelemahan perancangan dan pelaksanaan di dalam tergesa-gesa termasuk infrastruktur yang tidak lengkap, kekurangan jurulatih, jurulatih yang kurang layak dan lain-lain. Masalah kecurian, peras ugut, jurulatih didakwa merogol pelatih, pergaduhan di antara pelatih dan jurulatih serta di kalangan pelatih, gangguan seksual, penyalahgunaan dadah, kehilangan pelatih dari kem serta mati lemas dua orang pelatih ketika kegiatan di luar kem, kesemua masalah ini berbangkit adalah akibat kelemahan perancangan program ini oleh kementerian.

Ekoran daripada di luar kawalan situasi di kem atau institusi, kem khas disediakan untuk mengasingkan pelatih yang dikatakan bermasalah ini. Selepas tamat tiga sesi program ini, kementerian akan pula mengadakan satu lagi sesi iaitu sesi khas

pada 25 Julai ini untuk remaja yang terpilih, tetapi gagal mendaftarkan diri bagi sesi yang awal tersebut. Seperti yang dilaporkan bahawa terdapat seramai lebih kurang 6,630 remaja masih gagal mendaftarkan diri untuk program tersebut.

Saya menyeru agar kementerian tidak mengheret mereka ke mahkamah dan membenarkan Jawatankuasa Unit Perpaduan Kebangsaan yang dirancang akan ditubuhkan di bawah Parlimen ini untuk membincangkan isu berkenaan program tersebut, termasuk kewajaran meneruskan menangguhkan atau membatalkan program tersebut.

Apakah faktor-faktor yang menyebabkan remaja ini enggan mendaftarkan diri? Berapakah kos tambahan untuk pelaksanaan program ini? Adakah kementerian ada menjalankan kajian semula, dengan izin, *post-mortem* terhadap pelaksanaan program ini? Jika ada, apakah hasilnya?

Berbagai-bagai cadangan perubahan program oleh kementerian ini, adakah kementerian akan mengadakan konsultasi dengan Ahli-ahli Parlimen dari semua parti, NGO dan belia-belia sebelum mengimplementasikannya seperti menghalang penggunaan telefon bimbit. Apakah maklum balas berkenaan kelemahan dan aduan terhadap pelaksanaan program ini yang diterima oleh pihak kementerian dan jabatan? Sedarkah bahawa terdapat aduan perasaan berbau perkauman turut timbul di dalam program ini?

Saya juga harap kementerian dapat nyatakan berapakah kes aduan yang diterima daripada ibu bapa pelatih-pelatih dan jurulatih sepanjang pelaksanaan program ini. Saya mohon sila nyatakan jenis kes tersebut.

Akhirnya, apakah kesemua jumlah bayaran elaun jurulatih telah dijelaskan? Selain daripada tuntutan ganti rugi kerosakan sebanyak lebih kurang RM1 juta oleh Universiti Malaya, apakah ada lagi tuntutan oleh pihak lain yang menyewakan kem mereka kepada kementerian untuk pelaksanaan program ini?

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.34 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah, saya hendak mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas rasa kesedaran dan keperluan perjalanan Program Latihan

Khidmat Negara yang dijalankan di negara kita pada tahun ini di peringkat awal. Pada saat ini, kita akan sambung ke peringkat yang keempat.

Adalah tidak tepat seperti Yang Berhormat nyatakan kelemahan-kelemahan dan masalah yang berlaku bagi Program Latihan Khidmat Negara disebabkan kelemahan perancangan. Memandangkan program ini baru pertama kali diadakan dan melibatkan seramai 69,205 peserta, sudah tentulah terdapat sedikit kepincangan dan berlakunya kejadian yang tidak diingini serta masalah disiplin. Tambahan lagi, kalangan ini adalah kalangan remaja belasan tahun ataupun belia dan beliawanis.

Di antara kes-kes yang berlaku ialah melibatkan kejadian kecurian, dipukul, diugut, dikasari, pergaduhan dan aduan dirogol. Semua aduan ini telah pun diambil tindakan. Pasukan Naziran yang ditubuhkan telah membuat pemantauan di kem-kem. Dua buah kem khas telah diwujudkan bagi menempatkan pelatih-pelatih yang bermasalah. Di samping itu, Jawatankuasa Disiplin yang memantau masalah-masalah jurulatih juga telah dibentuk di Jabatan Khidmat Latihan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 8,559 orang peserta tidak melaporkan diri untuk menyertai program ini. Perkara ini adalah suatu yang telah saya terangkan dalam menjawab soalan lisan semalam. Hasil daripada siasatan yang telah dibuat didapati ada di kalangan peserta-peserta yang gagal melaporkan diri kerana tidak mengetahui nama mereka disenaraikan, terutama yang melibatkan kaum Orang Asli dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Ini juga yang langsung tidak tahu tentang kewujudan serta pelaksanaan program ini.

Sehingga kini seramai 3,242 orang telah tampil mendaftar diri daripada 8,559 orang. Mereka ini dijadualkan akan menjalani Program Latihan Khidmat Negara mulai 25 Julai ini. Ini adalah satu bukti bahawa kerajaan amat bertimbang rasa dengan memberi peluang kali kedua kepada mereka supaya mendaftar dengan segera atau dihadapkan ke mahkamah.

Adalah dijangkakan jumlah ini akan bertambah berdasarkan kepada kesedaran yang kian meningkat di kalangan mereka dan remaja serta ibu bapa terhadap kewajipan untuk menyertai program yang murni ini. Bagi mereka yang terus gagal mendaftar, tindakan yang boleh diambil ke atas mereka ialah denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali berasaskan kepada akta yang telah diluluskan.

Mengenai tambahan kos, kita masih menggunakan kem yang sedia ada dan disewa oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara. Jumlahnya adalah minimum mengikut kadar yang dipersetujui oleh Kementerian Kewangan. Oleh itu, kos yang terlibat tidaklah membebankan kerajaan.

Dari segi bayaran elaun jurulatih pula, setakat ini elaun-elaun kepada jurulatih fizikal, kenegaraan dan khidmat komuniti telah dibayar sepenuhnya. Walau bagaimanapun, segelintir jurulatih pembinaan karakter masih belum mendapat bayaran kerana masalah rekod jurulatih sendiri yang belum lengkap. Namun begitu, perkara ini sedang diambil tindakan oleh pihak Jabatan Latihan Khidmat Negara.

Kementerian ini memang menerima tuntutan ganti rugi kerosakan akibat daripada perbuatan vandalisme oleh pelatih-pelatih di pusat latihan PLKN. Selain daripada tuntutan yang dibuat oleh Universiti Malaya, lain-lain pihak yang telah mengemukakan tuntutan ialah Kem Etnobotani, Gua Musang, Kem Miri, Kem Dusun Resort Kuala Nerang, Kem Wawasan Papar, Kem Teluk Rubiah dan Kompleks Sukan Lipis.

Mengenai pencapaian PLKN pula, kaji selidik telah dilaksanakan di atas 69,205 pelatih yang terdiri daripada Kumpulan I, Kumpulan II dan Kumpulan III. Kumpulan IV telah dikatakan akan mula pada 25 Julai ini. Maklum balas yang diterima mencerminkan keberkesanan program ini yang mana 85% daripada responden berpendapat bahawa program ini amat berguna dari segi mengeratkan perpaduan antara kaum, tidak memulakan perpecahan kaum seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah, berupaya meningkatkan semangat cintakan negara, pembinaan karakter, ketahanan fizikal serta membina semangat kesukarelaan di kalangan peserta.

Bagi menambahkan program ini satu seminar telah dibuat iaitu penempatan PLKN telah diadakan pada 7 Jun 2004 yang lalu, bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada semua pihak yang terlibat dan mengendalikan program ini. Seminar ini melibatkan peserta, jurulatih, pengusaha kem, pengarah kem, pihak pengusaha pengangkutan, pihak tentera, pihak polis, ibu bapa, wakil-wakil agensi kerajaan, Ahli Naziran Majlis Khidmat Negara, NGOs serta pelbagai pihak lagi. Daripada seminar ini syor-syor penambahan yang telah dicadangkan ialah:-

- (i) program selama tiga bulan dilaksanakan di kem sahaja, tidak lagi di Institusi Pengajian Tinggi. Oleh itu kemudahan-

- kemudahan di kem hendaklah ditingkatkan untuk keselesaan dan keselamatan mereka;
- (ii) pelatih-pelatih diasingkan di kalangan lepasan sekolah dan yang telah lama meninggalkan persekolahan atau sudah bekerja dan berkahwin;
 - (iii) jumlah pelatih dihadkan kepada 400 orang sahaja di setiap kem; dan
 - (iv) pentadbiran kem dijalankan sepenuhnya oleh JLKN dan pihak tentera akan dilantik sebagai Pengarah Kem untuk meningkatkan disiplin dan pengawalan keselamatan.

Peraturan keluar masuk ditingkatkan di samping peraturan-peraturan baru akan dikenakan. Lain-lain cadangan pengurusan akan diperkenalkan nanti termasuklah dari segi makan minum, cuti umum, penggunaan telefon bimbit dan sebagainya. Ada telefon bimbit dan juga telefon tidak bimbit pun ada juga. Lagu tema PLKN juga akan dipinda supaya lebih bersemangat dan lebih mudah dinyanyikan dengan semangat sayangkan bangsa dan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada penjelasan Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, kalau..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tidak benarkan Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Tidak menjawab soalan yang dibangkitkan, sebab saya rasa..[*Pembesar suara dipadamkan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada soal jawab Yang Berhormat di bawah Peraturan Mesyuarat 17(2) dan 17(4), sila duduk Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanya Menterilah nanti.

Cik Fong Po Kuan: Sekarang hendak bertanyalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, sila duduk.

LESEN JUALAN LANGSUNG I-CASH

5.43 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan pertanyaan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkenaan dengan Kad *I-Cash* iaitu kad pengumpulan *point*, harga pembelian dalam satu jaringan syarikat sama seperti konsep kad *Bonus Link*, tetapi perbezaannya adalah kad *I-Cash* dijual kepada orang ramai mengikut cara jualan langsung ala *multilevel marketing*, manakala kad *Bonus Link* diberi secara percuma kepada orang ramai.

Menurut laporan akhbar tempatan, kementerian telah membatalkan lesen kepada lima syarikat jualan langsung, di antaranya termasuk syarikat yang mengurusniagakan kad *I-Cash* iaitu Asia Command Sendirian Berhad dan Netforum Sendirian Berhad.

Sebenarnya sebelum kedua-dua syarikat itu mendapat kelulusan permohonan lesen daripada kementerian, mereka telah pun menjalankan urusanniaga dan pemasaran kad *I-Cash*. Pengarah kedua-dua syarikat tersebut malah telah menjemput Menteri Sumber Manusia untuk melancarkan kad *I-Cash* dan mengutip berjuta ringgit daripada pelanggan di seluruh Malaysia dalam bulan Ogos 2003.

Selain itu, mereka juga telah memperalatkan gambar menunjukkan lawatan Perdana Menteri ke gerai "*Co-brand*" dan *I-Cash* dalam satu pameran perdagangan di Mid Valley pada bulan Jun 2003 untuk menarik pelanggan dengan mengatakan bahawa Perdana Menteri merupakan pemegang kad *I-Cash*, tetapi pada hakikatnya kad *I-Cash* belum lagi diberi lesen oleh kerajaan pada ketika itu. Penipuan pengarah syarikat tersebut telah menyebabkan ramai ejen kepada kad *I-Cash* untuk membuat laporan polis dan mendesak pengarah syarikat berkenaan untuk memulangkan wang deposit mereka.

Selain itu, pihak polis daripada Jabatan Siasatan Jenayah Selangor telah pun menyerbu Ibu Pejabat kad *I-Cash* pada Mei 2004. Tetapi anehnya selepas siri aduan daripada orang ramai, selepas syarikat berkenaan mencabuli syarat jualan langsung kementerian dan memperalatkan nama baik Perdana Menteri dan Menteri Sumber Manusia, kementerian menterbalikkan keputusan awal mereka dan memberikan lesen

jualan langsung kepada Asia Command Sdn. Bhd. untuk menjual kad *I-Cash* pada 24 Jun tahun ini.

Pertukaran keputusan kementerian telah pun mencetuskan kekeliruan *public* dan menggoyangkan keyakinan orang ramai terhadap kementerian, sehingga mereka bertanya-tanya sama ada pertukaran keputusan kementerian ini adalah disebabkan oleh rasuah. Oleh itu saya ingin meminta Menteri untuk memberikan penjelasan di Dewan yang mulia ini, tentang latar belakang dan sebab musabab pertukaran keputusan pemberian lesen jualan langsung.

Apakah pertukaran keputusan ini berkaitan dengan pertukaran orang yang menjawat kerusi Menteri dan Timbalan Menteri di kementerian ini? Apakah manfaat yang akan diperolehi oleh kementerian, agen dan pemegang *I-Cash* berikutan dengan pemberian lesen jualan langsung ini. Apakah sebab yang mendorong kementerian sanggup memberi lesen kepada syarikat yang telah menipu pelanggan dan memperalatkan nama baik Perdana Menteri dan Menteri Sumber Manusia. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri sila jawab.

5.46 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setelah mendengar tohmahan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh ini seakan-akan dunia ini semakin gelap. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, syarikat ini yang ditubuhkan di bawah nama Asia Command Sdn. Bhd. mula diberi lesen di bawah Akta Jualan Langsung 1993 bagi tempoh lima tahun iaitu 23 Mei 2003 hingga 22 Mei 2008. Syarikat menjalankan perniagaan jualan langsung dengan menggunakan pelan pemasaran berbilang tingkat.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menerima pelbagai aduan terhadap syarikat yang didakwa menjalankan aktiviti dengan memasarkan kad *I-Cash* kepada orang ramai tanpa mendapat sebarang kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Oleh yang demikian, kementerian telah mengeluarkan satu surat pertuduhan bagi maksud pembatalan lesen jualan langsung pada 6 Januari 2004. Lanjutan

daripada itu, pengawalan jualan langsung telah membatalkan lesen syarikat tersebut pada 20 Januari 2004 di bawah Seksyen 8 Akta Jualan Langsung 1993.

Bermakna sudah ada lesen pun bukan dia menjalankan perniagaan tanpa lesen, tuduhan itu tidak benar. Pada 15 Mac 2004 pihak syarikat Asia Command Sdn. Bhd. telah mengemukakan rayuan terhadap pembatalan lesen jualan langsung tersebut selaras dengan Peraturan Seksyen 16(1) Akta Jualan Langsung 1993.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rayuan syarikat kepada kementerian, mereka memaklumkan bahawa pemasaran produk *I-Cash* adalah merupakan *Loyalty Consumer Programme* iaitu ianya lebih merupakan sebagai insentif kepada pengedaran dan ahli-ahli syarikat. Insentif tersebut adalah berbentuk *point value* sama seperti Kad *Real Rewards* ataupun *Bonus Link*. Walau bagaimanapun, perbezaan yang terdapat pada produk syarikat ini dengan *Real Rewards* ataupun Bonus Link ialah sistem bonus tersebut dibayar melalui *point value* kepada ahli-ahli dengan kadar RM1 yang dikumpul bersamaan 100 *point value*. Program *I-Cash* atau *Loyalty Consumer Programme* ini dibangunkan dengan mengadakan perjanjian dengan 295 *merchant* yang meliputi kedai, *supermarket*, restoran, kedai komputer, kedai gambar, kedai peralatan suhu, peralatan rumah, NGO dan lain-lain bagi meningkatkan kegiatan peruncitan yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Syarikat ini juga memaklumkan bahawa pada masa ini mereka mempunyai seramai 406,000 orang pengedar, ahli di Malaysia dan di Sabah sendiri hampir 2,500 orang, Brunei dan Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai aduan gambar Yang Amat Berhormat Perdana dan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia yang diperalatkan bagi meraih publisiti, kementerian mendapati ianya telah diambil sempena lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke satu pameran perdagangan di pusat membeli belah di Mid Valley. Manakala Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia pula semasa pelancaran kad *I-Cash* syarikat tersebut. Kalau mengikut perundangan tidak ada sekatan dari segi undang-undang untuk membolehkan seseorang pemimpin termasuk Jemaah Menteri untuk merasmikan, asalkan ia berlandaskan menjalankan perniagaan dan acara itu mengikut peraturan undang-undang yang sedia ada.

Bagaimanapun, kementerian juga berpendapat perbuatan untuk menggunakan dan memperalatkan adalah tidak beretika dan kita telah pun memberi amaran kepada syarikat ini dan mereka sudah pun mematuhi. Saya menasihatkan kepada Yang

Berhormat bagi Seputeh, jangan membuat tuduhan melulu tentang perkara-perkara seperti yang disebutkan dalam kenyataan Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rayuan yang dikemukakan oleh syarikat tersebut, maka kementerian telah tidak membatalkan lesen jualan langsung Syarikat Asia Comment Sdn. Bhd. selaras dengan peraturan seksyen 11, Akta Jualan Langsung 1993 dengan meletakkan syarat-syarat seperti berikut:-

- (i) amaran keras kepada syarikat untuk mengawal selia dan memantau kegiatan pengedar-pengedar syarikat;
- (ii) pemasaran kad *I-Cash* adalah dibenarkan dengan syarikat *merchant* yang berdaftar dengan syarikat, memberi perkhidmatan seperti yang dijanjikan dan memaklumkan kementerian jika berlaku sebarang pembatalan perjanjian dan pelantikan baru;
- (iii) mengemukakan senarai produk yang ingin dipasarkan;
- (iv) ini yang penting - menyelesaikan semua aduan dan tuntutan pengedar, *distribution center* yang wujud sebelum ini; dan
- (v) mengemukakan borang 24 dan 49 yang terkini, yang ditentusahkan yang benar.

Kementerian juga akan mengambil tindakan dengan membatalkan lesen jualan langsung syarikat tersebut jika syarat-syarat yang ditetapkan tidak dipatuhi dan sekiranya masih terdapat aduan mengenai syarikat ini, saya ulangi balik, kementerian juga akan mengambil tindakan dengan membatalkan lesen jualan langsung syarikat tersebut jika syarat-syarat yang ditetapkan tidak dipatuhi dan sekiranya masih terdapat aduan yang sah mengenai syarikat.

Oleh yang demikian, keputusan oleh kementerian untuk memberi semula lesen kepada syarikat tersebut adalah untuk membolehkan syarikat tersebut menyelesaikan masalah dalaman dengan pengedar ahli yang menjadi isu pokok tersebut permasalahan ini. Bukan oleh kerana rasuah, itu adalah tuduhan yang tidak benar. Ya, saya harap Yang Berhormat bagi Seputeh janganlah membuat tuduhan yang tidak berasas ini.

Dengan cara ini, ia dapat memastikan supaya yang telah dilaburkan oleh orang ramai – ada orang ramai termasuk ahli DAP juga jumpa dengan saya. *They want protection*, maka dengan itu, dia hendak juga duit yang mereka sudah labur dipulangkan kembali. Ya, kita lindungi semua, bukan hanya ahli-ahli yang menyokong Barisan Nasional sahaja, ahli-ahli DAP pun.

Dengan cara ini, ia dapat memastikan supaya wang yang telah dilaburkan oleh orang ramai dapat dimanfaatkan semula. Suka saya menerangkan agar orang ramai tidak mahu lagi menjadi ahli atau pengedar bolehlah berurusan secara langsung dengan pihak syarikat kerana ia telah dibenarkan beroperasi semula. Sebaliknya, jika syarikat ini dibatalkan terus lesennya, masalah ini tidak akan dapat diselesaikan, malahan apa-apa pelaburan orang ramai akan hilang begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna senantiasa melakukan pemantauan terhadap aktiviti jualan langsung bagi memastikan syarikat-syarikat jualan langsung mematuhi peraturan-peraturan yang diperuntukkan di bawah Akta Jualan Langsung 1993. Bagi penguatkuasaan di kementerian, sememangnya sentiasa proaktif dalam tindakan penguatkuasaan terhadap syarikat-syarikat jualan langsung yang dilesenkan oleh kementerian dan aktiviti syarikat yang tidak dilesenkan.

Bagi menguatkan lagi tindakan penguatkuasaan terhadap syarikat jualan langsung yang beroperasi secara jualan langsung, kementerian akan meminda Akta Jualan Langsung 1993 di sesi Parlimen akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan kita hari ini selesai. Dewan ditangguhkan sehingga hari Isnin, 12 Julai 2004, pada jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.55 petang.

